

Bil. 18

**Rabu
1 Julai 2015**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: Mengalukan Pelantikan Semula Seorang Ahli	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2015	(Halaman 21)
Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2015	(Halaman 35)
Rang Undang-undang Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015	(Halaman 39)
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015	(Halaman 59)
Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015	(Halaman 66)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. " Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
6. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
7. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
8. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
9. " Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah – *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan*
10. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)
12. " Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
13. " Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
14. " Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
15. " Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
16. " Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*
17. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
18. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
19. " Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
20. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
21. " Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
22. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
23. " Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
24. " Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
25. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
26. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
27. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
28. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
29. " Dato' Dr. Johari bin Mat - (Kelantan)
30. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
31. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
32. " Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
33. " Tuan Koh Chin Han (Melaka)
34. " Dato' Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
35. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)

-
36. Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
37. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
38. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
39. “ Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
40. “ Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
41. “ Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
42. “ Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
43. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
44. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
45. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
46. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
47. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
48. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
49. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
50. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
52. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
53. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
54. “ Puan Shahaman binti Mohamad Yusoff (Kedah)
55. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
56. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
57. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
58. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
60. “ Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
61. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
62. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani (Dilantik)
63. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
64. “ Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
65. “ Tuan Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Encik Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara

Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari A/P Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah binti Md. Nasir

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Rabu, 1 Julai 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAAH SEORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamad.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA SEORANG AHLI

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi.*

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula kepada Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamad. Oleh sebab tidak payahlah saya bercecolah panjang kerana beliau pelantikan penggal yang kedua. Saya dapati Yang Berhormat telah menunjukkan prestasi yang baik dan saya harap Yang Berhormat akan terus memberikan khidmat bakti kepada Dewan yang mulia ini. Seterusnya demi kebaikan Kerajaan Malaysia sebagaimana lafaz ikrar setia yang telah pun Yang Berhormat lafazkan sebentar tadi, saya rasa saya tidak ada masalah. Saya dapati Yang Berhormat telah menunjukkan prestasi yang baik dan teruskanlah dengan apa Yang Berhormat lakukan, *inshaaAllah*. Seterusnya kita pergi ke agenda hari ini.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Hamzah bin Mohd Kasim minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi meningkatkan taraf kampung-kampung di kawasan luar bandar ke Kampung Tanpa Wayar (WiFi) kerana masih banyak lagi kampung-kampung di kawasan luar bandar mengharapkan kemudahan ini.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan.*

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan tujuh lagi pertanyaan lain yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han bertarikh pada 1 Julai 2015; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul; Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok dan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian yang bertarikh pada 2 Julai 2015; Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong pada 7 Julai 2015 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan program pembangunan, perluasan dan naik taraf infrastruktur Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah melaksanakan Projek WiFi Komuniti (WK) ini. Sebelum ini dikenali sebagai Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia bermula pada tahun 2010. Program ini sebenarnya menyediakan akses internet secara *hot spot* dengan capaian liputan secara kolektif kepada komuniti setempat di kawasan tumpuan seperti perpustakaan desa, balai raya, pusat komuniti di kampung-kampung terpilih di seluruh Malaysia. Setiap WiFi Komuniti dipasang dengan tiga alat pemancar ataupun yang dipanggil BTS yang akan memberikan capaian dalam lingkungan jarak sehingga 250 meter, bergantung kepada keadaan geografi serta bangunan yang sedia ada.

■1010

Program ini sebenarnya satu usaha untuk memberi kesedaran dan pendedahan awal tentang internet kepada masyarakat, terutamanya masyarakat di luar bandar dengan harapan, dengan kesedaran yang wujud dan minat yang timbul terhadap internet akan mendorong kepada langganan perkhidmatan lebih baik melalui tawaran pakej sedia ada ataupun penggunaan internet di Pusat Internet 1Malaysia yang disediakan di bawah program SKMM di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sehingga kini terdapat sejumlah 5,802 WiFi Komuniti telah siap dan beroperasi di seluruh negara. Walau bagaimanapun, kini pihak SKMM telah diarahkan untuk membuat kajian tentang keberkesanan keseluruhan Program WiFi Komuniti ini. Pada masa yang sama, pihak kerajaan sedang mempergiatkan lagi Program Pusat Internet 1Malaysia di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak 559 Pusat Internet 1Malaysia telah pun dibina.

Melalui pelaksanaan program ini, latihan dan kemudahan yang disediakan telah memberi manfaat kepada ramai pelajar yang menggunakannya. Antara manfaat yang diterima adalah berkaitan dengan latihan ICT, mendapat akses internet untuk pelbagai tujuan pembelajaran, termasuklah peningkatan kepada penguasaan bahasa Inggeris serta bertukar-tukar pendapat melalui jaringan sosial dengan pelajar-pelajar di luar kawasan ataupun luar negara dan sebagainya. Di samping itu, rakyat yang kurang berada terutamanya di kawasan luar bandar akan dapat menikmati faedah perkhidmatan internet secara percuma.

Kerajaan pada setiap masa sentiasa meneliti dan mempertimbangkan keperluan pelaksanaan pelbagai inisiatif dari semasa ke semasa, termasuklah perluasan liputan selular melalui pembinaan menara telekomunikasi baru. Manakala untuk memastikan penduduk mendapat akses kepada jalur lebar, antaranya Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 1 dan yang kedua seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, yang akan menyediakan kelajuan sehingga 100 *megabit per second*. Lepas itu yang keduanya, *Sub Urban Broadband* (SUBB) yang akan menyediakan kelajuan sehingga 20 *megabit per second* dengan izin, di kawasan pinggir bandar.

Juga Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia yang melibatkan pembinaan kabel rangkaian dasar laut yang baru yang menghubungkan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Kedua-dua projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka akan siap sepenuhnya *inshaaAllah* menjelang tahun 2020. Dengan siapnya projek-projek ini, kita harapkan akan dapat meningkatkan lagi kelajuan internet negara.

Dalam isu yang sama iaitu berkaitan dengan laporan yang dikeluarkan oleh pihak Speedtest.net ataupun Ookla dan juga Google yang melaporkan kadar kelajuan jalur lebar Malaysia lebih perlahan berbanding dengan Kemboja, laporan ini adalah tidak tepat. Ini adalah kerana kaedah pengiraan yang dibuat oleh Ookla adalah dengan mengambil kira purata kelajuan di setiap bandar. Jumlah sampel bandar yang digunakan bagi Kemboja, Vietnam dan Thailand hanyalah sebuah bandar seperti Phnom Penh sahaja dan bagi Malaysia pula melibatkan 50 buah bandar di seluruh negara dengan kadar kelajuan yang berbeza-beza mengikut bandar, bermula daripada 4 *megabit per second* ke-30 *megabit per second*.

Sebaliknya, sekiranya perbandingan secara terus dibuat dengan membandingkan sebuah bandar sahaja. Kelajuan jalur lebar di Selangor adalah pada kadar 15 *megabit per second* yang melebihi kelajuan di Phnom Penh pada kadar 10 *megabit per second*. Sehingga suku pertama 2015, kadar penembusan jalur lebar isi rumah telah mencapai bagi negara 70.4 peratus iaitu bersamaan 50.2 juta langganan. Manakala kadar penembusan di Sabah pula ialah sebanyak 64.1 peratus, manakala di Sarawak sebanyak 63.2 peratus.

Untuk persoalan mengenai program perluasan liputan selular, bagi negeri Sarawak sebanyak 149 buah menara akan dibina dan dijangka siap pada penghujung tahun 2015. Walau bagaimanapun, bagi negeri Sarawak, cabaran utama yang dihadapi dalam pembinaan menara adalah berkaitan isu perolehan tapak utamanya bagi tapak-tapak menara yang terletak di tanah asli ataupun *native land*, dengan izin. Namun demikian, dalam menangani hal ini, pihak kementerian melalui SKMM telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Peringkat Wilayah yang akan bermesyuarat secara berkala dengan agensi-agensi kerajaan tempatan untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi. Lokasi-lokasi baru akan dipilih sekiranya tiada penyelesaian kepada kekangan yang dihadapi.

Manakala bagi pembangunan infrastruktur komunikasi khususnya di kawasan Bintulu, sebenarnya saya sendiri telah melawat Bintulu dan bersama dengan Yang Berhormat Parlimen kebetulan masa itu dan kita adakan dialog pada 14 Mei. Suka saya maklumkan bahawa pihak kementerian telah membangunkan perkhidmatan jalur lebar talian tetap dan mudah alih. Ini termasuklah perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang menggunakan fiber, di mana ibu sawat Bintulu telah dinaiktarafkan bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menyediakan sejumlah 3,000 buah pot sambungan.

Kita telah memperuntukkan sejumlah RM96.6 juta khusus bagi Bintulu untuk perluasan liputan jalur lebar. Selain daripada itu, rangkaian teras sedia ada telah diperluaskan dengan pelaksanaan tiga sambungan rangkaian teras berasaskan fiber di kawasan Sebauk dan Samalaju bagi menaik taraf kelajuan dan kapasiti perkhidmatan jalur lebar di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya iaitu pertama sebelum soalan itu, saya ingin mengucapkan tahniah atas inisiatif yang bakal dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mempertingkatkan lagi kelajuan internet yang disebutkan tadi iaitu untuk mencapai 20 *megabit per second*. Saya juga ingin menarik perhatian Menteri mengenai soalan saya di Dewan yang mulia ini pada 23 April 2015 yang lalu, berkenaan perkara yang sama. Tahniah kerajaan yang telah menerima pakai syor-syor yang telah diberikan.

Soalan saya yang kedua berkaitan lagi dengan Kampung Tanpa Wayar di kawasan luar bandar. Menurut pelan pelaksanaan *National Broadband Initiative*, ada menyebutkan bahawa sejumlah wang bernilai RM1.6 bilion akan dilaburkan bagi menjayakan program kapasiti Jalur Lebar Pinggir Bandar atau *Sub Urban Broadband (SUBB)*. Mohon pencerahan daripada pihak Menteri mengenai program lanjutan SUBB kedua yang akan dilaksanakan semasa RMKe-11 nanti iaitu memandangkan bahawa teknologi ICT begitu cepat ketinggalan zaman ataupun *out slip*.

Kerisauan saya mengenai kos RM1.6 bilion itu, sama ada ia digunakan bagi mendapatkan perkakasan dan program yang berteknologi baru atau masih lagi menurut pelan lama *National Broadband Initiative 2010* yang bersandarkan teknologi pada masa itu tanpa ada status pembaikan, yakni tidak menggunakan program teknologi dan peranti yang baru dan terkini yang layak meletakkan Malaysia *main player* dalam ICT antarabangsa.

Juga soalan lagi satu. Memandangkan peranan swasta digalakkan dalam menjayakan *National Broadband Initiative* ini khasnya Telekom Malaysia melalui pendekatan *private fund initiative*, sukacita ingin saya bertanya mengenai beberapa buah syarikat swasta lain yang diberi konsesi dan peranan untuk membangunkan ICT luar bandar seperti Jalur Lebar Nasional Sdn. Bhd. (JALENAS). Apakah status dan kesudahan projek JALENAS yang bernilai pelaburan RM800 juta itu yang dikatakan akan menghubungkan 300,000 buah rumah melalui sistem internet berkelajuan tinggi? Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Terdapat dua persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator. Pertamanya berkaitan dengan SUBB.

■1020

Suka saya maklumkan Dewan yang mulia ini, sebenarnya tidak ada SUBB 2. Kita hanya ada *high speed broadband*, iaitu *high speed broadband* pertama yang dengan jumlah lebih kurang 11.3 bilion dan yang keduanya adalah *high speed broadband* kedua dengan jumlah 1.8 bilion dan yang kita perkatakan di Dewan yang mulia ini SUBB sahaja, tidak ada SUBB 2.

Suka saya maklumkan juga bahawa sebenarnya SUBB ini satu program yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, sewaktu pembentangan dalam RMKe-11. Di mana peruntukan ini melibatkan sejumlah lebih kurang dalam RM1.6 bilion yang merangkumi RM1 bilion daripada syarikat persendirian iaitu Telekom Malaysia dan sebahagiannya iaitu RM300 juta lagi itu adalah daripada pihak kerajaan, EPU dan RM300 juta lagi daripada pihak SKMM.

Sebenarnya program ini adalah bagi meningkatkan kapasiti jalur lebar di kawasan pinggir bandar seperti kita lihat Pekan dan sebagainya, di mana kita komited untuk menaikkan taraf. Jadi, yang sedang ada sekarang ini hanya kepada *copper* yang mana boleh mencapai sehingga kepada lapan *megabits per second*. Apabila kita menaikkan taraf kepada *fiberization* dengan izin, makna kita *fiberkan*, ia boleh mencecah sehingga 20 *megabits per second*. Itulah usaha yang kita laksanakan dan program ini adalah selama lima tahun, bermula *inshaaAllah* pada tahun ini sehingga tahun 2020.

Persoalan kedua yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator iaitu berkaitan dengan Syarikat Jalenas. Suka saya maklumkan bahawa setiap syarikat yang ingin memohon lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah perlu menyertakan sekali dengan *business plan* dengan izin, iaitu pelan perniagaan untuk selama lima tahun.

Saya percaya soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator itu komitmen iaitu 800 juta untuk menghubungkan 300,000 buah rumah telah termasuk dalam sebahagian *business plan* yang telah diunjurkan kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Ini juga merupakan sebagai satu syarat lesen apabila telah diumumkan. Saya percaya pihak SKMM di bahagian pelesenan ataupun bahagian pemantauan sedang memantau daripada segi pelaksanaan syarikat-syarikat yang telah dilesenkan. Ada beberapa kes sebelum ini sekiranya mana-mana syarikat yang tidak berjaya melaksanakan program seperti yang telah diluluskan di bawah *business plan*nya, syarikat-syarikat itu juga akan diambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, seterusnya...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bangun Yang Berhormat, cepat-cepat sikit. Silakan Datuk Noriah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, terdapat juga usaha-usaha kerajaan negeri untuk memajukan inisiatif jalur lebar seperti di Kedah, Perak, Selangor dan lain-lain. Soalan saya, apakah status inisiatif ini? Apakah kementerian merasakan ia berjaya? Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya di pihak kementerian, kita sentiasa berhubung terus dengan pihak-pihak kerajaan negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Jumaat yang lalu kita telah mengadakan satu perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah telah mencadangkan beberapa cadangan program pelaksanaan yang akan dan dicadang untuk negeri Kedah. Kita telah berkongsi daripada segi apa peruntukan yang boleh disediakan terutamanya oleh pihak SKMM melalui Tabung USP.

Seperti yang saya maklumkan tadi, beberapa program seperti Pusat Internet 1Malaysia akan diteruskan, program pembinaan jalur lebar dan sebagainya. Biasanya program yang direncanakan oleh pihak kerajaan negeri akan cuba diolah supaya ia dapat bergerak bersama dengan program pembangunan yang diusahakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

2. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Kewangan menyatakan, apa kesan kepada ekonomi dan pendapatan negara sekiranya kadar mata wang negara terus jatuh dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan Ringgit Malaysia sentiasa berdaya saing di peringkat global.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin pada hari ini bersama-sama dengan dua lagi soalan iaitu oleh Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee pada 2 Julai dan Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah pada 6 Julai. Ini kerana soalan tersebut menyentuh perkara dan isu yang sama iaitu mengenai punca dan kesan kejatuhan nilai ringgit serta langkah-langkah kerajaan dalam menangani isu tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit sejak September 2014 didorong oleh faktor-faktor luaran dan dalam negeri. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan antara 1 peratus sehingga 12.2 peratus berbanding Dollar Amerika sejak September 2014 hingga 25 Jun 2015. Penguatan Dollar Amerika adalah disebabkan oleh prospek ekonomi Amerika yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di Amerika yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai Dollar Amerika.

Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi termasuk Malaysia turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia. Faktor-faktor dalam negeri seperti kebimbangan terhadap entiti berkaitan kerajaan dan isu berkaitan penarafan juga menyumbang kepada penyusutan nilai mata wang Ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ringgit telah mencatat prestasi aliran yang menyusut antara September 2014 dan Mac 2015, namun pada bulan April ia telah mencatatkan peningkatan antara yang paling tinggi berbanding mata wang serantau. Kini dengan ketentuan mengenai penarafan *fix rating* yang diumumkan tengah malam tadi, ringgit telah mencatatkan peningkatan berbanding kadar pertukaran pada bulan Mei dan Jun. Ini menunjukkan penarafan yang baik di mana *outlook* atau prospek ekonomi telah disemak semula daripada negatif kepada stabil sedang memberi kesan positif kepada sentimen domestik.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut ekonomi pula, asas-asas ekonomi dalam negeri masih berada dalam keadaan yang mampan dalam tempoh sukuk pertama 2015, KDNK mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 5.6 peratus terutamanya disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang rancak. Perkembangan ini hasil dari pelbagai inisiatif yang diambil oleh kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara. Tambahan pula, kadar pengangguran yang rendah iaitu 3 peratus, sistem kewangan yang teguh dan *reserves* antarabangsa yang tinggi iaitu RM390.2 bilion turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru, berdasarkan perkembangan ekonomi ini, penyusutan nilai Ringgit tidak memberi impak yang begitu ketara secara keseluruhannya kepada ekonomi dan pendapatan negara, memandangkan struktur ekonomi negara kini lebih pelbagai dan meluas disokong oleh peningkatan daya tahan dan daya saing serta asas-asas ekonomi yang kukuh. Seperti mana mana-mana sistem pada pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek sesuatu yang mungkin berlaku terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing Ringgit. Bank Negara turut melakukan pemantauan harian terhadap pasaran pertukaran asing bagi memastikan pergerakan pasaran adalah teratur.

Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangun pasaran pertukaran asing dalam negeri daripada segi saiz dan instrumen juga telah membolehkan peniaga tempatan untuk berlingdung daripada terdedah kepada kestabilan kadar pertukaran. Terima kasih.

Senator Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu jelas tadi. Yang Berhormat, jika kita lihat negara luar yang turut sama mengalami risiko penurunan mata wang mereka, ada di antara negara yang melaksanakan langkah intervensi *monitory*. Oleh itu, soalan tambahan saya ialah apakah *pros and cons*, dengan izin, sekiranya kerajaan mengambil langkah mencagarkan rizab antarabangsa seperti mana yang dilakukan oleh negara Singapura dan China ketika ini, dalam memastikan nilai-nilai mata wang mereka kekal stabil dan berdaya saing di peringkat global. Dalam masa yang sama, apakah usaha kerajaan dalam mengatasi masalah *crisis of confident* terutama suasanya politik semasa negara yang secara langsung memberikan kesan kepada mata wang dan ekonomi negara? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Senator Datuk Chin Su Phin. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada cadangan untuk mencagarkan *reserves* seperti Singapura. Ini di antaranya kerana daripada segi rating daripada tiga kumpulan rating antarabangsa, Moody's memberikan *credit rating* A3 daripada segi prospek dan *outlook positive*, S&P ataupun *Standard and Poor's* memberikan *credit rating A negative*, prospek dan *outlooks stable* dan *fix rating* yang diumumkan tengah malam tadi, *credit rating A negative* dan menukar daripada segi *outlook*, negatif kepada stabil.

■1030

Atas sebab-sebab itu, kita berpendapat tidak ada keperluan untuk melakukan intervensi-intervensi besar dalam kadar pertukaran asing dan juga kadar sama ada ditukar kepada *fixed exchange rates* ataupun tambatan ringgit yang pernah kita lakukan sebelum ini. Jadi, kita tidak ada cadangan untuk melakukan perkara rejim tambatan ringgit sebagaimana tahun 1998. Satu lagi ialah tentang krisis *confident*. Memanglah daripada segi ekonomi Malaysia, faktor-faktor yang memberikan perspektif dan juga *outlook* ataupun prospek ekonomi itu bergantung pada pelbagai perkara, bukan hanya kepada sama ada kadar faedah di Amerika Syarikat itu dinaikkan daripada kosong peratus atau tidak, sama ada harga komoditi itu turun atau tidak tetapi yang lebih penting, pelabur datang ke negara kita ini disebabkan kerana kestabilan politik, Tan Sri.

Apabila ada usaha-usaha serangan-serangan untuk mengganggu kestabilan politik itu oleh pihak-pihak yang tertentu dan oleh tokoh-tokoh yang tertentu, maka ia satu perkara yang di luar dugaan dan satu perkara yang amat tidak kita senangi. Jadi, kita harap perkara itu dihentikan demi masa depan ekonomi negara kita dan demi masa depan rakyat kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya bagi pihak rakan-rakan Ahli Dewan Negara ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas kenaikan taraf rating agensi.

Ketiga-tiganya menunjukkan kenaikan. Semalam yang terbaru *Fitch Ratings* pun menunjukkan penarafan yang amat positif, *S&P* dan *Moody's* begitu juga. Persoalan yang saya ingin bangkitkan seperti mana yang Yang Berhormat Menteri menyebut sebentar tadi, soal *fundamental* ataupun asas-asas ekonomi kita yang dianggap sebagai mapan. Bagaimanakah asas-asas ekonomi ini dapat kita terjemahkan ke dalam konteks rakyat yang merasakan kehidupan mereka sekarang ini semakin tertekan? Jadi *the feel good factor* itu dengan izin, bagaimanakah kerajaan dapat memastikan asas-asas ekonomi ini dapat diterjemahkan kepada soal kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat?

Kedua, soalan berkaitan yang penting juga Tuan Yang di-Pertua, ialah bila kita bercakap soal penurunan mata wang kita ini, kita tahu bahawa ini berkaitan rapat dengan seperti mana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, kerana faktor mata wang global ataupun ekonomi Amerika Syarikat dengan kenaikan faedah. Cuma kesan daripada kenaikan faedah di Amerika Syarikat itu, berlakunya *capital flight*, dengan izin, daripada negara-negara termasuklah Malaysia. Apakah usaha kerajaan untuk memastikan tidak berlakunya pengaliran keluar mata wang ringgit kerana akibat daripada *capital flight* ini supaya dia tidak akan merangsang penurunan lagi mata wang ringgit ini di pasaran antarabangsa? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi yang memberikan dua sudut pandang. Satu, mengenai *capital flight*. Saya ingin membuat kenyataan di sini dan kepastian bahawa segala apa yang berlaku ini dipantau secara *hour-by-hour*, dengan izin, setiap hari oleh Bank Negara Malaysia. Kita akan melakukan perkara-perkara yang patut dilakukan untuk menguruskan kadar kewangan kita dengan lebih baik.

Saya ingin memaklumkan kepada semua bahawa, apabila RM3.80 kepada 1USD pada tahun 1998, pada ketika itu inflasi 5.2 peratus. Sekarang ini bulan Mei inflasi kita cuma 2.1 peratus tetapi daripada segi Ringgit kepada Dolar, RM3.77 semalam, pagi ini pada pukul 9.30 pagi tadi bertambah baik. Kita harap mulai hari ini, hari esok akan bertambah baik kerana *Fitch Rating* yang memberikan *outlook stable* itu. Mei, 2.1 peratus kadar inflasi kita. Bulan Mei tahun 2015 tetapi RM3.74. RM3.80 kepada 1USD tahun 1998, inflasi 5.2 peratus. *Reserve* pada tahun 1998, cuma RM99.4 bilion. *Reserve* kita sekarang pada saat dan ketika ini RM390.2 bilion. Masih lagi Ringgit kita 3.74 dan yang paling menarik sekali ialah kadar pertumbuhan ekonomi pada tahun 1998 itu -7.4 peratus dan kadar pertumbuhan ekonomi kita pada saat dan ketika ini ialah +5.6 peratus.

Oleh sebab itu, soalan dalam benak kita mengapa jika pada tahun 1998, RM3.80 kepada 1USD dan sekarang ini RM3.74 kepada 1USD sedangkan segala asas ekonomi ini kukuh. Jadi, faktor-faktor ini kita sedang mengkaji setiap hari dan kita akan membuat pemantauan dan tindakan-tindakan yang perlu tetapi harapan kita, faktor seperti *Fitch Ratings* itu boleh membantu negara kita.

Satu lagi ialah soalan tentang asas-asas ekonomi yang kukuh, kadar inflasi yang rendah, kadar pengangguran yang rendah, kadar pertumbuhan KDNK yang positif kemudian *reserve* tinggi, hutang kerajaan yang terkawal. Ini semua bagaimana diterjemahkan kepada *the feel good factor* kepada rakyat?

Semalam, tengah malam tadi kita tahu harga minyak naik sepuluh sen dan seluruh negara marah kepada kerajaan walhal kerajaan tidak mempunyai keupayaan untuk menentukan harga minyak dunia kerana kita telah membuat keputusan bahawa harga minyak RON95, Diesel dan RON97 itu ditetapkan melalui purata bulanan sebelumnya itu berdasarkan kepada harga minyak dunia. Jika harga minyak dunia naik, maka naiklah. Jika harga minyak dunia turun, maka turunlah. Kita belum lagi memikirkan tentang untuk memberikan apa yang kita panggil subsidi seperti dulu, belum lagi untuk kita sampai ke tahap itu.

Jadi, *the feel-good factor* itu kelihatan belum dapat diterjemahkan. Di negara-negara luar, biasa setiap awal bulan. Kadang-kadang setiap hari dia berubah harga minyak. Kita menggunakan setiap awal bulan dan negara-negara lain sudah biasa tentang perkara itu, Malaysia ini belum biasa lagi tentang perkara itu. Kita harap rakyat mula memahami bahawa ada perkara yang kita boleh tentukan, ada perkara yang kita terpaksa mengikut kadar turun naik dunia dan pada ketika yang sama, banyak perkara boleh kita lakukan. Dengan pengumuman Bajet pada 23 Oktober 2015 di sini, di Dewan Rakyat ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan *the feel-good factor* itu mungkin akan kita berikan dalam bajet yang akan datang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal minta Menteri Kesihatan menyatakan untuk mendapatkan statistik terkini status kes-kes demam denggi setakat ini. Adakah pihak kementerian berjaya dalam memerangi wabak denggi yang semakin serius ketika ini

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Bagiam. Ini berkenaan dengan statistik denggi. Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut perangkaan yang sedia ada, yang terakhir pada 29 Jun, dua hari lepas, kumulatif kes mulai daripada Januari sehingga sekarang, 29 Jun untuk tahun ini ialah 56,728 berbanding dengan tahun lepas pada masa yang sama ialah 42,473. Makna meningkat tahun ini Tuan Yang di-Pertua dan negeri yang paling banyak ialah Selangor diikuti dengan Perak, Johor dan Pulau Pinang. Negeri-negeri lain tak begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi peningkatan kes dan wabak denggi yang berlaku di seluruh negara, pada pertengahan tahun 2014, satu operasi mega telah dilaksanakan dari bulan Julai sehingga September 2014. Hasil daripada pelaksanaan operasi mega ini, kes denggi mingguan telah berjaya dikurangkan daripada lebih 3,000 kes seminggu kepada 1,800 kes seminggu.

■1040

Bagaimanapun, statistik ini tidak dapat dikekalkan ataupun tidak *sustainable* dan trend kes denggi menunjukkan peningkatan semula selepas berakhir operasi mega dan berterusan sehingga awal bulan Februari 2015 dengan jumlah kes mingguan purata 3,000 kes seminggu. Namun pada bulan Mac dan April, jumlah kes tahun ini berkurangan dari 2,000 kes seminggu. Trend kes denggi yang berubah-ubah dipengaruhi oleh pelbagai faktor terutama cuaca. Trend kes pada tahun terdahulu *cycle pattern*, perubahan *stereotype* dan pergerakan *population* atau pergerakan populasi, terutama pesakit yang telah dijangkiti penyakit demam denggi. Sehubungan itu, keberkesanan aktiviti pencegahan juga dipengaruhi oleh faktor-faktor yang sukar dikawal oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian terus berusaha dan melaksanakan mini operasi secara bersepadu dengan kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi lain, terutama di negeri Selangor bermula daripada Februari 2015. Hasil operasi ini, trend kes denggi telah menunjukkan penurunan semula bermula pertengahan Februari 2015 dengan jumlah kes denggi mingguan menurun setiap minggu sehingga ke paras *baseline* yang ditetapkan iaitu 1,500 seminggu.

Kementerian Kesihatan ingin menyeru semua masyarakat Malaysia, termasuk juga semua Ahli Yang Berhormat, untuk sama-sama kita mengamalkan kebersihan persekitaran serta menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di kediaman dan premis masing-masing setiap minggu. Tindakan pencegahan oleh semua pihak merupakan langkah utama bagi mengurangkan kejadian demam denggi. Tanpa penglibatan masyarakat, transmisi jangkitan penyakit ini sukar untuk dikawal kerana punca pembiakan aedes masih banyak di sekeliling kita Tuan Yang di-Pertua.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya adalah apakah benar rawatan tradisional seperti jus daun betik dan sup ketam benar-benar dapat membantu pesakit denggi kembali pulih? Apakah pendirian kementerian dalam rawatan dan perubatan tradisional ini? Soalan kedua, saya ingin tahu bilakah vaksin baru untuk merawat demam denggi yang telah pun dibentangkan oleh kementerian dua tahun lepas akan dipasarkan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia memang kita mengamalkan konsep yang disebut sebagai *complementary medicine*, bukan *alternative medicine* tetapi *complementary medicine*. Maknanya, kita beri rawatan denggi ini macam biasa, bagi *drip* dan sebagainya. Pada masa yang sama, kita tidak melarang mana-mana pihak ataupun keluarga pesakit untuk menggunakan ubat-ubat *complementary*, bukan alternatif tetapi *complementary*. Makna, macam yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang jus daun betik dan sup ketam.

Jadi, orang Malaysia ini dia buat pun benda yang sedap, sup ketam. Jus daun betik ini memang ada telah pun nampak ada kejayaan, di mana ia dapat meningkatkan *platelet count*.

Akan tetapi hari ini kita dapati kes denggi makin bertambah serius. Kalau ikut kategori Tuan Yang di-Pertua, denggi ini boleh demam biasa, demam sedikit sahaja tetapi tidak boleh dikesan. Akan tetapi dalam keadaan sekarang ini kita sudah ada *rapid test kit*, jadi kes-kes yang dahulu yang tidak terkesan, apabila kita guna *rapid test kit* yang terdapat di semua klinik kesihatan dan juga di hospital kerajaan dan juga pihak swasta pun ada, apabila suspek kata demam ataupun sakit badan, sakit kepala, dia *nausea*, rasa hendak muntah ataupun muntah, kalau ada begini dia terus boleh *ditest* dan memang boleh dapat kesan kes denggi ini.

Maknanya, menggunakan *test kit* yang sekarang ini kita dapat kesan lebih banyak kes. Mungkin dahulu kita tidak dapat kesan kerana tidak ada *rapid test*. *Rapid test kit* sekarang sudah ada, kita dapat kesan banyak. Akan tetapi yang berlaku hari ini Tuan Yang di-Pertua ialah tentang penyakit denggi ini semakin *virulent*, makin serius. Dahulu kita bimbang tentang denggi berdarah tetapi hari ini kita dapati ada kes-kes kematian akibat *hepatitis*, akibat *encephalitis*, akibat rosak buah pinggang dan yang paling serius ialah dapat *dengue hemorrhagic shock*. *Hemorrhagic shock* makna tiba-tiba tekanan darah turun akibat saluran darah sudah jadi poros dan semua *plasma* lepas terkeluar daripada saluran darah. Ini berlaku.

Oleh sebab itu, dalam hal ini kita memanglah apa juga *complementary medicine* yang boleh digunakan, kita gunakan Tuan Yang di-Pertua. Kedua, tentang vaksin. Vaksin sekarang yang *advance* dalam hal vaksin ini sebuah syarikat dari Perancis, saya tidak payah sebut nama, sekarang dalam proses pendaftaran di Malaysia. Ia sudah hampir *ready* tetapi masalahnya ialah denggi ini ada empat jenis, den1, den2, den3, den4. Bermasalah ialah den2, aplikasinya, keberkesannya 36 peratus, den1, den3 dan den4 keberkesannya tinggi sedikit.

Jadi, sekarang di peringkat pendaftaran dengan bahagian farmasi kita dan kita masih hendak dapatkan banyak detil tentang perkara ini dan mungkin tidak lama lagi kita boleh guna vaksin ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

4. Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, gejala penagihan dadah masih berleluasa di kalangan remaja terutamanya di kawasan pinggir-pinggir bandar dan perumahan flat kos rendah. Terdapat sindiket-sindiket tertentu yang didalangi beberapa pihak yang tanpa henti mengeksploitasi para remaja untuk tujuan pengedaran dadah dan kini sasaran mereka tertumpu kepada golongan pelajar sekolah dan IPTA serta IPTS. Oleh itu,

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil kementerian untuk membendung permasalahan ini dan adakah wujud sebarang kolaborasi di antara kementerian-kementerian yang berkaitan dalam mencari penyelesaian ke atas permasalahan ini; dan
- (b) apakah statistik terkini penagih dadah mengikut struktur kaum termasuk minoriti.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam bahagia, selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah di negara ini sentiasa ditangani dengan serius dan berterusan oleh kerajaan. Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia mengambil langkah-langkah untuk membanteras masalah pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah di kalangan anak-anak muda seperti berikut:

- (a) tindakan oleh Polis Diraja Malaysia menempatkan pegawai perhubungan di setiap sekolah yang berperanan untuk menjadi perantaraan antara Polis Diraja Malaysia dan pihak pentadbiran sekolah. Pegawai ini juga berperanan untuk membantu masalah disiplin dan salah laku pelajar, termasuk masalah dadah dan samseng;

- (b) kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membantu pelajar-pelajar sekolah yang mempunyai masalah disiplin dan terlibat dengan masalah jenayah, dadah dan mat rempit;
- (c) bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia dalam menganjurkan perkhemahan dan bina semangat untuk pelajar-pelajar bermasalah bagi membentuk disiplin mereka;
- (d) mengadakan kempen kesedaran kepada pelajar sekolah menengah melalui pameran, ceramah, forum dan lain-lain aktiviti bersama untuk memberi pendedahan trend ancaman dadah terkini dan panduan untuk tidak terjebak dalam masalah dadah dan samseng; dan
- (e) mengumpul maklumat perisikan dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas sindiket dadah atau individu yang pengedar dadah kepada golongan tersebut melalui unit *Special Tactical Intelligent Narcotic Group* (STING) yang menguatkuasakan undang-undang dadah negara.

Bagi pihak Agensi Antidadah Kebangsaan pula, juga mengambil langkah-langkah untuk mengawal pengedaran dadah yang berleluasa, terutamanya di peringkat sekolah dan peringkat universiti dengan mengadakan Program Pendidikan Pencegah Dadah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Mulai tahun 2015, Program Agensi Antidadah Kebangsaan dilaksanakan mengikut pendekatan program cegah berfokus dengan memberi tumpuan di 177 buah kawasan berisiko, dan 178 buah kawasan berisiko tinggi melalui program *My Beautiful Malaysia* yang telah dikenal pasti berdasarkan maklumat *profiling* kawasan.

■1050

Selain itu, AADK turut melipatgandakan program media dan pergerakan gelombang kesukarelaan Skuad 1Malaysia yang sehingga Mei 2015, jumlah keahlian adalah seramai 244,416 orang. Kerjasama dengan rakan strategik dan rakan pintar NGO juga terus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan statistik penagih dadah dalam rekod Agensi Antidadah Kebangsaan, menunjukkan bahawa terdapat seramai 21,777 orang penagih dadah pada tahun 2014.

BANGSA	PENAGIH DADAH (Bil. orang)
Melayu	17,122
Cina	1,828
India	1,657
Anak negeri Sabah	842
Anak negeri Sarawak	180
Lain-lain	148
JUMLAH	21,777

Terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya tadi. Laporan media menyatakan ada penagih yang baru keluar pusat serenti tidak sampai seminggu kembali menagih dadah. Sejauh mana proses rehabilitasi penagih di pusat serenti dapat membantu dalam memastikan penagih ini tidak terjerumus kembali dengan penagihan dadah? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini adalah relevan dan perlu diambil perhatian.

Apabila saya memasuki kementerian ini Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya lihat ialah apabila kita memperkenalkan satu-satu dasar dan juga undang-undang, kita tidak pernah membuat kajian atas kejayaan dan keberkesanan sesuatu dasar dan undang-undang. Jadi saya membuat satu pendekatan ataupun *approach* yang ada kelainan sedikit bersama dengan Menteri, bersetuju tiap-tiap pelaksanaan dasar dan juga undang-undang mesti diikuti dengan kajian keberkesanan dasar dan undang-undang tersebut.

Jadi dalam keadaan sedemikian, dalam kajian dibuat oleh pihak AADK bersama dengan Majlis Profesor Negara, kita dapati bahawa 60 peratus daripada pihak penagih dadah yang telah keluar dari pusat pemulihan adalah baik tetapi 40 peratus kembali menagih semula. Walau bagaimanapun, pihak AADK mengenal pasti mereka yang kembali kepada penagihan dadah ini dan kita akan memanggil mereka untuk dibawa semula sama ada menerusi apa yang dikatakan Klinik *Cure & Care* secara sukarela ataupun kalau tidak mahu menerusi klinik sukarela ini, mereka akan ditangkap semula dan dibawa di bawah undang-undang untuk diberi hakim oleh ke mahkamah dan disimpan di tempat *rehabilitation centre* secara arahan daripada pihak mahkamah supaya dipulihkan semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menurut WHO, kini terdapat trend yang meningkat mengenai gejala ketagihan dadah sintetik di kalangan remaja. Dadah ini juga kerap dijadikan sebagai dadah reaksi di kalangan pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi bagi mengurangkan *stress*.

Soalan saya, apakah cabaran yang dihadapi oleh Agensi Antidadah Kebangsaan bagi memerangi penggunaan dadah sintetik ini dalam kawasan universiti dan apakah wujud jawatankuasa dadah di peringkat IPTA dan juga IPTS bagi memerangi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar-pelajar? Sekian, terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator berdua memang amat menarik. Soalan laporan daripada WHO begini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita mempunyai 21,000 orang penagih umpamanya, WHO akan tambahkan pula dengan tiga orang lagi di sekelilingnya menjadi empat kali. Jadi daripada itu, nisbah dia bukan mengikut apa yang ada didaftar tetapi *in every single person there are another three* penagih dadah yang belum didaftar. Ini secara purata kajian WHO.

Satu lagi, pengeluaran dadah secara sintetik Tuan Yang di-Pertua. Dulu kita menggunakan dadah, kebanyakan pengguna dadah ini menggunakan dadah tradisi. Opium, heroin, *morphine* dan sebagainya. Akan tetapi sekarang dadah secara sintetik ini banyak dikeluarkan khususnya negara seperti negara China, *Philippine* dan juga Afrika mengeluarkan dadah secara sintetik ini. Dia mengalir seluruh dunia dan dasar dadah dunia juga berubah oleh sebab pendekatan bahawa penagih dadah bukanlah satu *crime* ataupun jenayah tetapi satu penyakit. Jadi diubab secara penyakit. Kita pun menghala ke arah itu supaya kita bahagikan dua. Satu, penguatkuasaan undang-undang secara menghukumkan pihak *traffickers* dan penyebar dadah ini. Kedua, untuk mengubat mereka yang terlibat dengan yang dikatakan sakit sebagai penagih dadah ini.

Jadi soalan sama ada kita mewujudkan jawatankuasa, pada peringkat ini kita ada kekangan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita tidak mempunyai sumber-sumber yang tertentu untuk mewujudkan kelab dan membantu kelab itu dalam institusi pengajian tinggi, pertengahan ataupun sekolah. Jadi dalam keadaan sedemikian, pada bulan Disember lepas, Majlis Dadah Negara telah meminta Kementerian Dalam Negeri menubuhkan sebuah Jawatankuasa dan saya sendiri mempengerusikan jawatankuasa tersebut.

Secara kebetulan, laporan daripada jawatankuasa yang saya pengerusi selepas tiga kali bersidang yang diwakili semua kementerian dan agensi yang ada hubung kait. Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan macam-macam lagi termasuklah agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti polis, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Jabatan Kastam. Jadi berlandaskan itu kita membuat satu cadangan secara komprehensif yang baru pun semalam dibentangkan kepada Majlis Dadah Negara supaya mewujudkan kelab-kelab di tiap-tiap institusi sama ada di sekolah-sekolah dan juga di universiti-universiti dengan kerjasama di antara Agensi Antidadah Kebangsaan dengan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan hingga ke peringkat daerah.

Mereka ini dipanggil NGO, dan NGO ini akan sokong cadangan kita, disokong oleh pihak kerajaan. Walaupun mekanisme sokongan ini belum lagi dapat diputuskan semalam oleh sebab kita kena berbincang jauh lebih banyak lagi dengan pihak EPU, Kewangan untuk soalan sumber kewangan yang kita bakal guna untuk menyokong NGO ini untuk bergerak, membantu.

Di samping itu juga kita sekarang, kekangan yang kedua ialah saringan yang kita hendak *screen* semua pelajar peringkat sekolah hingga peringkat universiti, sama ada dia terlibat dengan dadah ataupun tidak. Jadi ini juga kita ada kekangan dari sudut sumber kewangannya. Jadi dalam keadaan sedemikian, saranan yang kita akan bawa kepada kerajaan itu akan diprioritize nanti dan yang mana satu kita perlu dahulukan secara berperingkat-peringkat akan dilaksanakan. *InshaaAllah*. Terima kasih.

5. Dato' Adam bin Abdul Hamid minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, rancangan membangunkan industri hiliran berkaitan perikanan di Malaysia kerana di pangkalan-pangkalan pendaratan sekarang, tidak terdapat kegiatan tersebut, kecuali untuk tujuan permintaan pasaran basah.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid sahabat saya. Pantun dia dua kerat saya bagi pantun empat kerat.

*Parti politik berebut Kerusi,
Bermatian berkempen di pilihan raya,
Yang Berhormat Senator mantan pengerusi,
Sudah tahu bertanya pula.*

Akan tetapi jawab jugalah sudah ditanyakan. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Adam saya memberikan fakta di sini iaitu tidak benar bagi beliau Yang Berhormat mengatakan tidak ada kegiatan membangunkan industri hiliran di pangkalan-pangkalan penangkapan ikan. Kita ada di seluruh negara 20 buah pusat pemprosesan hasil perikanan yang dibina oleh LKIM.

Negeri	Pusat Pemproses Hasil Perikanan
Johor	Endau
Perlis	Kuala Perlis dan Perlis Selatan
Kedah	Tanjong Dawai, Kuala Kedah dan Langkawi
Sarawak	Sri Muara, Kampung Punang, Bintulu, Buntal, Belawai
Pulau Pinang	Kuala Muda
Terengganu	Chendering, Besut, Kemaman
Kelantan	Kuala Besar
Perak	Pulau Pangkor
Pahang	Kuala Pahang dan Rompin
Selangor	Kuala Selangor

Ini senarai pusat pemprosesan hasil perikanan. Jadi soalan Yang Berhormat kata kerana di pangkalan-pangkalan pendaratan sekarang tidak terdapat kegiatan tersebut kecuali untuk jual ikan basah sahaja. Jadi saya betul. Okey, sebagai maklumat tambahan, pusat-pusat pemprosesan ini dibina oleh LKIM dan diberi ruang kepada pengusaha-pengusaha untuk menjalankan aktiviti memproses ikan-ikan yang didaratkan. Dalam ruang-ruang ini disediakan peralatan-peralatan dan mesin-mesin yang bersesuaian untuk menjalankan aktiviti mereka, mengeluarkan produk-produk yang berasaskan ikan.

Produk-produk seperti *fish ball* dan keropok dan macam-macam lagi, *crab base product*, *fishcake*, *surimi*. Surindam sahaja yang tidak ada. Surimi ada. Jadi produk-produk ini dikeluarkan di pusat-pusat pemprosesan ini yang dibina dan juga disediakan peralatannya oleh LKIM. Selain daripada itu, mereka ini juga diberikan sokongan daripada segi geran pepadanan iaitu *matching grant* di mana LKIM menyediakan 70 peratus daripada keperluan modal untuk membeli peralatan, 30 peratus pihak pengusaha.

Jadi kita melihat kejayaan yang telah dicapai begitu banyak sekali hasil daripada inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui LKIM dan juga Jabatan Perikanan. Kita lihat umpamanya di Shah Alam terdapat seorang pengusaha keropok bernama Zainal. Dia dari Keropok House. Kemudian di Gombak terdapat seorang yang bernama Wan Wahab. Nama syarikatnya Kimi Ocean. Kemudian di Mambang di Awan *frozen fish* produknya eksport ke Arab, Timur Tengah. Mambang di Awan. Banyak mambang di sana. Mambang oh mambang. Teringat cerita P.Ramlee pula.

Jadi di sini bukan sahaja kita menyediakan premis, peralatan, mesin kita juga memberi latihan, *training* dan juga bantuan daripada segi pemasaran Tuan Yang di-Pertua. Kita bawa mereka kepada ekspo-ekspo di dalam dan di luar negara. So, ringkasnya kemajuan yang telah dicapai boleh kata membanggakan.

Dalam pada itu untuk makluman sahaja terdapat juga pengusaha-pengusaha bersendirian yang bukan di bawah naungan kementerian. Ini banyak pengusaha orang-orang bukan bumiputera, pengusaha Cina yang mereka lebih pandai, lebih bijak, lebih rajin, ada duit dan modal. Terdapat umpamanya syarikat-syarikat seperti QL, di Hutan Melintang mengeluarkan produk eksport ke Jepun, Hong Kong, *Singapore*, United State saya tengok besar betul kilangnya, dengki saya. Bukan saya hendak.

Dengki fasal apa orang Melayu tidak boleh buat. Yang tangkap ikan orang Melayu, nelayan orang Melayu, pergi ke laut menyabung nyawa. Dapat jual ikan setakat itu sahaja. Keuntungan daripada kegiatan hiliran, pemprosesan, pemasaran dalam negara luar negara orang lain yang menikmatinya. Bukannya susah sangat saya tengok. Tidak ada susah. Yang buat kerja dalam kilang pun budak-budak Melayu juga. Yang jaga mesin, tekan butang itu butang ini budak Melayu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat. Lepas itu Yang Berhormat agaknya sebagai Timbalan Menteri sekarang elok jalankan usaha itu. Saya sokong Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Saya sokong itu. Saya sambut cabaran Tuan Yang di-Pertua itu tetapi setakat Timbalan Menteri tidak ada kuasa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mana boleh tidak ada kuasa.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: [*Ketawa*] Cuba-cuba berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Sama-sama.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Kita ucap terima kasih atas saranan Tuan Yang di-Pertua. Memang menjadi perjuangan kita bersama. Sekian, terima kasih.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Puasa Tuan Yang di-Pertua. Dato' Adam.

Tuan Yang di-Pertua: *Sorry [Ketawa]* Silakan.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Seri satu-satu. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah. Akan tetapi yang saya sebut ini yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah usaha-usaha yang berskala kecil. Kalau kita perhatikan Tuan Yang di-Pertua misalnya di Patani Thailand naik sahaja ikan didaratkan sebelah pada jeti terus ada industri-industri yang berkaitan dengan perikanan misalnya kilang sardin, kilang makanan haiwan, kilang baja dan pelbagai. Oleh sebab itu juga sebahagian daripada bot-bot kita pergi menjual ikan ke sebelah sana fasal kemudahan adanya industri berkaitan dengan perikanan itu.

Saya melihatnya begini. Sesuai dengan Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, adakah kementerian bercadang untuk mengubah satu pendekatan kerana ikan di Malaysia banyak, negara kita kelilingnya laut, supaya kita dapat memanfaatkan tangkapan ikan ini dengan lebih realistik dan juga demi menaiktarafkan pendapatan para nelayan? Saya minta Timbalan Menteri menjelaskan. Terima kasih.

■1110

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kitakan orang perjuangan. Yang Berhormat pun orang perjuangan, Tuan Yang di-Pertua orang perjuangan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu yang kamu dua orang ini...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Apabila ditanya soalan begitu, jawabnya sudah pasti kita hendak memajukan industri hiliran khusus yang ditanya. Industri lain pun kita 'dok' pejuang tak habis-habis.

Jadi dalam RMKe-11 ini, segala peluang, segala keupayaan, segala peruntukan kita akan memanfaatkan untuk membangunkan industri ini. Saya pun sebut tadi, bukan saya dengki dengan apa yang saya lihat, dalam negara yang kita tidak buat orang lain buat. Saya pergi ke negara China, saya tengok juga pelabuhan penangkapan ikan, pendaratan ikan, sebagaimana Yang Berhormat Senator cakaplah, dia orang boleh buat dengan teknologinya, dia boleh *add value*, tambah nilai kepada produk tangkapan ikan itu. Bukan susah sangat. Mesin-mesinnya, peralatan tidak susah.

Akan tetapi masalah kita di Malaysia ini, apa jua dasar kerajaan, apa juga insentif yang kerajaan buat, tidak akan berjaya kalau tidak disambut oleh *stakeholders, target group*. Siapakah *target group*? Bakal-bakal pengusaha, nelayan-nelayan. Saya selalu sebutkan, nelayan, petani mesti sambut program yang kerajaan bawa. Kerajaan sentiasa-tak ada dalam dunia ini kerajaan macam Kerajaan Barisan Nasional ini. Bagi macam-macam insentif, macam-macam bantuan, macam-macam sokongan tetapi *slow* juga. Jadi bukan salah kerajaan. Kita sebagai ahli masyarakat, bangsa kita yang mesti sambut cabaran untuk maju ini. *We must act as one, think of the nation*. Eh, cakap orang putih sikit. Ada semangat patriotik, bangunkan negara kita ini. Baru boleh jadi. Itu kaedah yang dilakukan oleh orang Jepun, orang Korea. Semangat Jepun dan semangat Korea itu mesti mahu ada. Apakah benda yang kita tidak boleh buat? Ini kecil punya hallah. Ini proses apa semua ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dua orang ini, perwatakan Yang Berhormat, perangai Yang Berhormat dua orang ini boleh buat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat. Jangan risaukan sesiapa. Tidak ada halangan rasanya kalau dua orang Yang Berhormat ini bersatu, *go ahead*. Saya rasa berjaya.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *InshaaAllah*, kita bersatu selepas ini.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik atas ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya hendak tanya kepada kementerian, kalau kita lihat memang banyak insentif yang diberi oleh kerajaan, tetapi macam kata Menteri tadi, tidak disambut. Jadi, adakah langkah-langkah yang kementerian ambil supaya kita lihat, kita panggil nelayan ini, kita *educate* dia supaya dia dapat memperbesarkan kaedah prosesnya? Itu satu.

Keduanya, saya rasa adakah kementerian mempunyai- kita kadang-kadang kelemahan kita adalah *follow through action*, dengan izin. Jadi bagaimana kementerian membuat langkah-langkah untuk *follow through* memastikan kalau kita bagi geran atau insentif, kita kena pastikan dia berjaya dan tidak hanya sekerat jalan sahaja? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan juga Tuan Yang di-Pertua. Ini kena jawab. Apakah yang tak kita buat? *Incubator*? Kita ada *incubator*, kita bawa dia orang, latih dia orang dalam *incubator*. Kita ada pusat latihan. Akan tetapi selepas dilatih, selepas keluar dari *incubator*, maaf cakaplah. Macam kita orang politik pun bila dalam Dewan pun kita berjuang untuk bangsa dan negara, sudah balik daripada mesyuarat agung, macam orang kata pudar sahaja balik. "*Bersatu kita!*" Bagai hendak pecah Dewan Merdeka itu. Apabila sudah keluar, takdan beberapa minggu, sudah bergaduh sesama sendiri. Tak buat. Begitu juga kursus. Semasa kursus bukan main lagi bersemangat hendak buat ini, hendak jadi usahawan berjaya. Sudah keluar, balik perangai lama.

Jadi kita hendak pimpin ini Tuan Yang di-Pertua, sampai kita hendak orang kata dukung 'depa' itu baru boleh berjaya. Itu pun kadang-kadang tidak boleh juga. *So, this is the problem.* Budaya kita, sikap kita ini yang perlu menjadi *target* kita, sasaran kita untuk diubah. Bimbingan kita bagi.

Dahulu saya ingatkan Tun Mahathir pun dahulu- sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Semasa kem Pemuda UMNO di Pasir Panjang, selepas dia bebaskan saya daripada tahanan ISA, saya kata tak apa Tun tangkap saya, *that's a small contribution*, tetapi saya hendak Tun menolong orang Melayu. Ini kerana masa itu dia sibuk tolong orang lain, sebab orang Melayu ini susah. Bagi itu tak boleh buat, bagi ini tak boleh buat. Jadi dia pun *fed up*, dia pun bagi orang lain. Akan tetapi saya cakup dengan Tun, Tun jangan begitu, jangan kecewa dengan orang Melayu. Tun tempat orang menaung, naungan kita. Kalau Tun sudah tak ada semangat hendak tolong, manakah kita hendak pergi? Kita tidak mahu negara kita maju tetapi jadi macam *Singapore*.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup. Pengalaman Yang Berhormat itu banyak.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Banyak dah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi agaknya dengan adanya kerjasama dengan Yang Berhormat Datuk Norliza mewakili wanita, bagus sudah itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Sudah ya, cukuplah itu. Okey, jadi kita dalam hal ini, saya rasa Senator, wakil rakyat negeri, ADUN, Ahli Parlimen kena berkempen di lapangan bagi motivasi, ubah sikap, ubat minda, ubah perangai rakyat supaya mereka ada jiwa membangun, ada cita-cita besar untuk membangun. Jangan pergi kelapangan dok cocok-cocok bantai kerajaan sahaja. Ubah jadikan positif, progresif *society*. Ini tugas pemimpin seperti saya, Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua sudah buat lama sudah tetapi semangat lagi itu. Saya tahu. Sama-samalah kita Tuan Yang di-Pertua.

6. Datuk Dr. Lucas Umbul minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sejauh mana penubuhan pasukan-pasukan elit dalam PDRM seperti STAFOC, STING, dan STAGG, bagi membanteras jenayah berprofil tinggi, membantu dalam pembanterasannya secara mendalam dan menyeluruh

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ini ada hubung kait dengan soalan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Syed yang awal tadi secara khusus. Kementerian Dalam Negeri dengan persetujuan pihak kerajaan telah menubuhkan pasukan khas seperti *Special Tactical for Organized Crime (STAFOC)*, *Special Task Force for Anti-Vice, Gaming and Gangsterism (STAGG)* dan *Special Tactical Intelligent Narcotic Group (STING)* sebagai langkah untuk membanteras jenayah berprofil tinggi di samping untuk mengurangkan perasaan *fear of crime* di kalangan penduduk di dalam negara dan menimbulkan *fear to be caught* di kalangan penjenayah.

■1120

Kewujudan pasukan khas ini yang menerima latihan dan mempunyai kepakaran tertentu adalah untuk memberi fokus kepada sindiket-sindiket yang bergerak licik agar dapat dicantas sehingga ke akar umbi dan melaksanakan sesuatu misi bagi memastikan ia dapat menyelesaikan satu kes secepat mungkin. Antara fokus utama penubuhan pasukan khas ini adalah seperti berikut:

- (i) mengenal pasti, mengesan, menjalan, menguatkuasakan ke atas ketua sindiket pengedaran dadah ataupun *kingpin* oleh pihak STING, kumpulan kongsi gelap, sindiket perjudian, maksiat oleh pihak STAGG, kes jenayah berat, jenayah yang merentasi sempadan oleh STAFOC; dan
- (ii) mengumpulkan semua aktiviti jenayah yang sering dilakukan oleh kumpulan berkenaan, menutup ruang dan peluang kumpulan tersebut daripada melakukan jenayah.

Walau usia penubuhan pasukan khas ini masih lagi baru, banyak kejayaan telah diperolehi oleh pasukan ini. Antara kejayaan yang diperolehi oleh STING umpamanya pada tahun 2015 seperti berikut:

- (i) tangkapan kepada ketua sindiket dadah ataupun *kingpin* pada 2015. Bulan Januari hingga bulan Mei sahaja, warganegara kita tujuh orang, warga asing enam orang, jumlah tangkapan *kingpin* yang berhubung dengan kes dadah ialah tiga belas orang;
- (ii) rampasan keseluruhan dadah yang bermacam-macam termasuk heroin, ganja, daun kad, syabu, cecair syabu, *ketamin*, *kafein*, pil aromin, pil yaba, pil *ecstasy*. Jumlah rampasan tahun 2014 ialah RM55.87 juta. Pada tahun 2015 sehingga bulan Mei, Januari hingga Mei ialah berjumlah RM72.63 juta; dan
- (iii) pembongkaran makmal dadah pada tahun 2014 ialah 6 dan bagi tahun 2015 hingga bulan Mei ialah 7.

Antara kejayaan diperolehi pasukan STAFOC umpamanya pada tahun 2014 dan 2015 sehingga Mei seperti berikut:

- (i) 2014, penjenayah ditumpaskan seramai 13 orang, rampas senjata api 11, penjenayah ditangkap 82 orang; dan
- (ii) 2015 sehingga bulan Mei, penjenayah ditumpaskan 3 orang, rampasan senjata api 7, penjenayah ditangkap 29.

Antara kejayaan diperolehi pasukan STAGG umpamanya pada tahun 2015 hingga Mei seperti berikut:

- (i) OPS Cantas Gengsterisme, 28,690 pemeriksaan telah dibuat, 1,649 orang telah ditangkap, 2,481 unit pelbagai jenis senjata dan kenderaan telah dirampas;
- (ii) OPS Noda ataupun maksiat, 99 serbuan, tangkapan 1,497 orang, rampasan berjumlah RM180,996.20; dan
- (iii) OPS Dadu Perjudian, serbuan 292 orang, 1,514 orang ditangkap dan RM462,920.50 rampasan.

Masyarakat perlu membantu pihak polis dalam menyalurkan maklumat merupakan kunci utama dalam menentukan kejayaan untuk menghapuskan kegiatan jenayah di negara ini walau apa sahaja badan atau strategik *group* yang kita tubuhkan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi atau Gengsterisme (STAGG) difahamkan di evolusi daripada gerak kerja Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat Bukit Aman dan akan memberi tumpuan terhadap suspek-suspek yang memainkan peranan penting dalam kegiatan judi haram, pelacuran serta kongsi gelap di seluruh negara. Saya amat bersetuju dengan laporan media yang mengatakan bahawa penangkapan jerung iaitu kegiatan perjudian, maksiat dan gengsterisme harus dilakukan kerana operasi yang dilaksanakan sebelum ini hanya menumpukan kepada ikan bilis sahaja.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kemampuan STAGG untuk membanteras gejala perjudian haram disebabkan akta sedia ada iaitu Akta Rumah Judi Terbuka 1953 terbatas memandangkan akta ini belum lagi dipinda? Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menjawab, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa mulai hari ini kita akan mula selepas habis soal lisan, akan membahaskan rang undang-undang yang hanya ada lapan sahaja. Saya ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat kemukakan mana satu Yang Berhormat hendak bahas, senang untuk membuat masa. Di samping itu, saya hendak maklum juga semua kementerian kalau sekiranya nampak tidak itu, saya hendak soal lisan ini saya akan panjangkan mungkin untuk memberi peluang, kalau tidak daripada segi masa. Jadi kalau contohnya hari ini, mungkin kita akan panjangkan lebih sebagai biasa untuk memberi peluang kepada soalan lebih dapat dijawab. Saya harap kementerian pun ambil perhatian ya. Sekarang, silakan Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Dr. Lucas memang amat relevan sekali. Bukan sahaja Kementerian Dalam Negeri tetapi juga pihak Polis Diraja Malaysia pun bersependapat dengan Yang Berhormat Senator berhubung dengan soalan ini sebab tiga undang-undang judi terbuka. Undang-undang ini di bawah kawal seliaan Kementerian Kewangan dan draf telah dibuat oleh pihak *Attorney General* ataupun Peguam Negara. Saya cukup yakin *final draft* apabila disetujui oleh pihak Kabinet nanti, boleh dibentangkan di Dewan ini pada persidangan yang akan datang.

Jadi kalau undang-undang ini kita bawa, undang-undang ini yang kebanyakannya pada tahun 1960, tahun 1970 dan tidak pernah dipinda dari sudut hukumannya dan syarat yang terkena di dalam itu, jadi dengan keadaan sedemikian kita perlu meminda undang-undang perjudian. Tiga rang undang-undang perjudian yang ada pada kita sekarang yang perlu dipinda yang masih di pejabat Peguam Negara dan Peguam Negara telah memberi jaminan bahawa kita boleh membentangkan rang undang-undang ini pada sesi yang akan datang yang boleh memberi apa yang dikatakan taring sedikit kepada pihak PDRM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Memang Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang sedih juga. Penyelidikan kepada pihak-pihak penjenayah khususnya perjudian ini begitu payah sekali untuk dibuat dan Yang Berhormat Tan Sri sendiri memang cukup arif dalam sudut risikan, penyelidikan ini dalam soal undang-undang *gambling*. Di satu sudut lagi, *expertise* dari sudut *gambling* ini juga mempunyai satu bidang yang berlainan yang perlu juga mendapat latihan dan tumpuan yang sekarang kita melihat bersama dengan pindaan undang-undang ini yang juga menyukarkan pelaksanaan undang-undang perjudian ini.

[*Timbalan Yang di-Pertua mampengerusikan Mesyuarat.*]

■1130

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ikut ilmu yang saya ketahui, sebelum Speaker duduk tidak boleh bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih. Jadi apabila pindaan ini nanti akan menangani dua perkara ini, satu dari sudut hukuman, kedua dari sudut *expertise* dan ketiga dari sudut teknologi baru yang diguna oleh pihak-pihak *gambling* sindiket ini boleh ditangani yang mana sekarang tidak dapat ditangani.

Masalahnya satu yang penting sekali, setelah menjalankan siasatan begitu payah sekali apabila sampai ke mahkamah nanti. Bukanlah kita hendak mengkritik mahkamah tetapi mahkamah itu sendiri terbandung oleh sebab hukuman yang tidak mencukupi.

Jadi, orang yang ditangkap itu kena hukum RM300-RM400. Dia balik pun ketawa sahaja dan duit daripada *stoking* dia pun cukup RM300 hendak bayar. Jadi, itulah menjadi satu kepayahan besar untuk menangani jenayah perjudian pada masa ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika kita lihat hari ini, banyak filem di kaca TV berkait dengan penyiasatan pihak polis dalam kes-kes berprofil tinggi dan ia memaparkan kadang-kadang cara hendak menghapuskan bukti, cara mengubah bukti. Jadi persoalannya, adakah apa yang dipaparkan di kaca-kaca TV ini boleh mempengaruhi trend jenayah yang berlaku di Malaysia pada hari ini? Satu lagi berkait dengan *criminal profiler*. Bagaimanakah tahap kesediaan pihak polis dari sudut *criminal profiler* ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang Yang Berhormat, saya amat bersetuju dengan apa Yang Berhormat menyebut berhubung dengan soalan pengaruh daripada pihak media dan sebagainya. Pengaruh daripada media menerusi dalam Internet kita boleh mencari macam mana buat satu-satu perkara. Bahkan *importing* dadah sekarang pun Yang Berhormat, sekarang kita sudah bekerjasama dengan pihak Jabatan Kastam dan Pos Malaysia kerana kita sudah mengetahui bahawa dia menghantar dadah menerusi cara pos.

Itulah kenapa dalam jawatankuasa yang saya sebut awal pagi tadi menjawab, kita cadangkan supaya pihak-pihak Jabatan Kastam dan *checkpoint* kita, *entry point* kita dan juga pihak Pos Malaysia mesti mempunyai satu *scanner* yang boleh *scanning* dadah dalam paket, *box* dan sebagainya supaya kita boleh mengetahui benda-benda yang datang. Dalam internet ini boleh di *order* menerusi melalui internet juga.

Kedua, Yang Berhormat menjawab itu juga apa yang cerita macam *crime scene investigation* itu. Sebenarnya saya mendapat sedikit imbasan Yang Berhormat, apabila anak saya berumur 14 tahun, dia menjadi terpengaruh dengan *series* ini. Jadi akhirnya dia hendak jadi *forensic scientist* sebab dia minat tengok. Sekarang dia sudah dalam tahun yang ketiga di universiti di Keele di England. Bila dia balik dia kata, abah kata dia *most of the thing* dalam TV itu *is rubbish*. Hanya sedikit sahaja yang ada kebenaran daripada realiti penyelidikan. Jadi tidak semua yang ditunjuk dalam TV itu ada menyatakan, menunjukkan perkara-perkara yang betul walaupun adalah kalau hendak buka kunci, hendak hentam bilik atau rumah orang itu macam itu, ada. Akan tetapi soalan *forensic investigation* kata dia, memang banyak yang terpesong. Bahkan bila dia balik tahun yang kedua, dia *attached ke police lab*, dia kata *police lab requires some updating in equipment*.

Jadi bila saya bincang dengan *police lab*, *police lab* pun setuju dengan apa yang dia kata. Memang kita perlu *updating* kita punya *police lab* supaya dipertingkatkan lagi. *Forensic scientist* perlu ada dalam tiap-tiap *police department* untuk mengkaji benda-benda yang di luar pengetahuan orang *layman* macam kita, supaya mengetahui tiap-tiap kesan itu bukan sahaja daripada kesan jenayah dadah, jenayah pembunuhan tetapi juga jenayah-jenayah siber yang sekarang mencecah perpecahan berbilion-bilion kehilangan sumber kewangan. Ini juga perlu. Umpamanya kalau kita lihat penyiasatan di Thailand itu, ini satu jurusan forensik lagi yang perlu kita punyai. Jadi, kesiap sediaan pihak PDRM akan kita pertingkatkan daripada jurusan ini untuk melengkapkan lagi kebolehan pihak PDRM untuk menyiasat kes-kes yang bersifat *high technology* dan menerusi multimedia Yang Berhormat. Terima kasih.

7. Dato' Boon Som A/L Inong minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, sama ada cukai jualan sebanyak 10 peratus di hotel dan restoran masih diteruskan selepas pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dan benarkah bayaran bagi cukai 10 peratus yang dikenakan selama ini turut digunakan untuk membayar gaji pekerja di hotel dan restoran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon. Walaupun saya asal dari Kedah, tetapi tidak pandai untuk berpantun. Patutnya orang Kedah ini pandai pantun, tetapi saya tidak begitu mahir untuk berpantun. Walau bagaimanapun, terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon atas soalan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mulai 1 April 2015, semua cukai jualan yang dikutip melalui cukai jualan dan perkhidmatan iaitu SST telah diganti dengan cukai barangan dan perkhidmatan GST. Walau bagaimanapun, caj sebanyak 10 peratus yang dikenakan oleh pihak hotel dan restoran bukanlah cukai jualan yang dikutip oleh pihak kerajaan. Ia merupakan caj yang dikutip oleh pihak hotel dan restoran berdasarkan persetujuan antara majikan dan pekerja melalui perjanjian kolektif bagi pekerja yang berkesatuan dan perjanjian perkhidmatan bagi pekerja yang tidak berkesatuan. Caj tersebut dikenali sebagai caj perkhidmatan dan ia masih dikutip oleh pihak hotel dan restoran selepas pelaksanaan GST serta turut dikenakan GST.

Tuan Yang di-Pertua, caj perkhidmatan yang ditakrifkan di bawah Akta Kerja 1955 adalah sebahagian daripada gaji dan upah. Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi turut memutuskan sedemikian dalam beberapa kes melibatkan caj perkhidmatan dalam sektor hotel. Selain itu, pihak kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Dasar Gaji Minimum untuk membantu golongan pekerja bagi memastikan kebajikan pekerja terpelihara. Sehubungan itu, garis panduan Majlis Perundingan Gaji Negara mengenai Kaedah Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012 dikeluarkan bagi membantu majikan melaksanakan Dasar Gaji Minimum pada peringkat awal.

Garis panduan ini turut membenarkan pihak majikan yang melaksanakan kutipan caj perkhidmatan untuk menyerap sebahagian atau semua caj perkhidmatan yang diagihkan kepada pekerja sebagai sebahagian daripada gaji minimum. Namun, kebenaran itu tertakluk kepada rundingan majikan dan juga pekerja yang diperlukan sebelum tarikh penguatkuasaan gaji minimum di hotel dan di restoran. Terima kasih.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan tadi. Adakah masa depan, sebab apa ia akan membebaskan pengguna hotel tersebut, jadi apakah cadangan kerajaan untuk menghapuskan cukai perkhidmatan tersebut? GST cukai terbaik bagi menangani masalah ekonomi terlindung dan gelap.

■1140

Selepas tiga bulan GST dilaksanakan, adakah kerajaan menyedari bahawa beberapa kelemahan telah berlaku dan majoriti rakyat merasa pelaksanaan GST membebaskan mereka, apatah lagi dengan pelaksanaan dasar pengapungan terkawal harga petrol dan diesel. Hari ini harga petrol RON95 naik 10 sen kepada RM2.15 dan RON97 naik 20 sen kepada RM2.55. Ini kenaikan kali ketiga sejak 1 Mac lalu. Kita boleh jangkakan naiknya harga bahan api...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: ...Harga barang akan turut naik. Jadi, apakah persediaan dan usaha kerajaan untuk mengurangkan bebanan ini dalam jangka pendek dan jangka panjang?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan mengenai adakah kerajaan berhasrat untuk menghapuskan caj perkhidmatan. Untuk makluman Yang Berhormat, hingga sekarang memang kerajaan ada membuat kajian, tetapi masih lagi caj perkhidmatan itu dikenakan kepada pengguna ataupun pelanggan-pelanggan sama ada di hotel ataupun di restoran yang mengenakan caj perkhidmatan.

Akan tetapi untuk mengawal keadaan tersebut Yang Berhormat, kementerian telah mengadakan *engagement* ataupun perjumpaan dengan persatuan-persatuan ataupun *stakeholders* yang terlibat untuk kita bincangkan mengenai dengan cadangan caj perkhidmatan ini yang pada awalnya beranggapan kementerian bahawa tidak sepatutnya caj 10 peratus ini dikenakan setelah GST ini dilaksanakan.

Akan tetapi, apabila perbincangan dibuat bersama dengan Persatuan Pemilik Hotel Malaysia, Persatuan Hotel-hotel, Persatuan Pengusaha Restoran, Persatuan *Franchise* dan banyak lagi mewakili peniaga-peniaga dan dalam perjumpaan tersebut, keputusan telah dibuat bahawa caj perkhidmatan ini dikekalkan seperti sebelum pelaksanaan GST.

Cuma apa yang perlu dibuat oleh pihak hotel ataupun restoran yang mengenakan caj perkhidmatan 10 peratus ini mesti meletakkan atau mempamerkan notis pengenaan caj perkhidmatan ini di premis masing-masing supaya mudah dilihat pelanggan-pelanggan ataupun pengguna-pengguna yang hendak mendapatkan perkhidmatan ke restoran atau ke hotel tersebut untuk memberi makluman kepada pengguna di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan iaitu penanda caj perkhidmatan hotel dan restoran. Jadi yang ini kita kuat kuasa mulai pada 1 hari bulan Mei.

Jadi kalau sekiranya hotel ataupun restoran mengenakan caj perkhidmatan 10 peratus ini tidak meletakkan notis ini, mereka melakukan satu kesalahan. Notis ini diletakkan bagi membolehkan pengguna untuk membuat pilihan. Jadi sebelum dia masuk ke dalam hotel ataupun ke restoran ini, dia telah melihat bahawa restoran ataupun hotel ini mengenakan 10 peratus dan bergantung pada pengguna itu sama ada dia hendak masuk ataupun dia tidak ingin lagi untuk masuk ke premis ataupun hotel-hotel berkenaan untuk menempah makanan dan sebagainya. Jadi ini kita buat supaya pengguna-pengguna boleh membuat pilihan supaya dia boleh buat keputusan sebelum pengguna ini masuk ke dalam hotel atau restoran tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham dengan penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya lihat untuk hotel memang caj untuk cukai perkhidmatan itu memang pelanggan itu datang ke meja dan dia bagikan makanan.

Akan tetapi ada yang KFC, *McDonalds* ada yang *fast food* restoran; pelanggan perlu pergi ke sana beratur dan ambil barang dan dia servis sendiri, perkhidmatan tidak dapat sebarang perkhidmatan mempunyai beban di situ. Kenapakah pelanggan perlu bayar 10 peratus itu? Saya minta penjelasan.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader atas soalan tambahan. Memang di kementerian, kita ada membincangkan. Bagi pandangan saya sendiri pun saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat.

Pada awal dahulu memang perkhidmatan ini yang kita sebut ialah servis yang diberi oleh hotel ataupun restoran, tetapi sekarang ini memandangkan kebanyakan restoran telah menjalankan perniagaan secara layan sendiri (*self service*), jadi tidak sepatutnya mereka ini mengenakan 10 peratus caj perkhidmatan kepada pelanggan.

Jadi sebab itu perbincangan ini kita adakan, tetapi sekiranya ada juga contohnya KFC macam Yang Berhormat sebut tadi ataupun *McDonalds* dan sebagainya, itu terpulang kepada pelanggan. Jadi notis dia mesti letak di situ kerana semua restoran yang jualannya lebih daripada RM500 ribu, mereka berdaftar dengan pihak kastam untuk dikenakan GST 6 peratus dan dari atas daripada 6 peratus itu sebelum ini mereka dikenakan 10 peratus iaitu caj perkhidmatan.

Jadi mereka juga mesti meletakkan notis di situ. Seperti yang saya sebutkan tadi, sekiranya mereka mengenakan 10 peratus kepada pelanggan-pelanggan mereka. Sekiranya pelanggan merasakan bahawa dia tidak sepatutnya membayar 10 peratus itu, pengguna bolehlah kalau dia tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi setimpal dengan ini dan sebagainya; jadi pengguna boleh membuat aduan di tribunal pengguna untuk kita membuat siasatan dan sebagainya.

Jadi hak pengguna pun ada, dia boleh buat aduan dan sebagainya kepada kita sekiranya dia merasakan tidak kepuasan hati atas tindakan yang diambil oleh pihak restoran dan sebagainya. Terima kasih.

8. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan pertindihan fungsi yang wujud antara pelbagai jabatan dan agensi pembangunan di luar bandar.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan nombor 8, usaha-usaha untuk membangunkan luar bandar sememangnya melibatkan pelbagai kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. Bagi mengelakkan pertindihan fungsi antara kementerian dan agensi tersebut, langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut.

Setiap kementerian dan agensi telah ditetapkan bidang tugas, fungsi dan peranan masing-masing dengan jelas supaya fokus penyampaian dan perkhidmatan berkenaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta tepat kepada kumpulan sasar yang terlibat. Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan tapisan dan penyelarasan kesemua program pembangunan yang dipohon dan mengagihkan peruntukan mengikut keutamaan di samping memastikan tiada pertindihan program dan kumpulan sasar yang sama.

Kerajaan juga melalui Unit Pelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, melaksanakan pemantauan dan penyelarasan, pelaksanaan program projek di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah bagi memastikan projek-projek dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut matlamat dan skop yang telah ditetapkan.

Kerajaan turut menggalakkan pelaksanaan projek secara Strategi Lautan Biru iaitu *Blue Ocean Strategy* bagi meningkatkan strategi dan kerjasama antara kementerian dan agensi. Kerajaan juga sentiasa prihatin dan berusaha dari semasa ke semasa untuk memperkemas mekanisme pelaksanaan program dan projek pembangunan luar bandar bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaannya serta mengelakkan ketindihan fungsi antara kementerian dan agensi pelaksana yang terlibat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang baik. Oleh sebab jawapannya begitu komprehensif, saya tidak ada soalan tambahan.

■1150

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat. Saya buka ruang untuk soalan tambahan kedua. Tidak ada ya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang begitu bernas sekali. Nampaknya dengan jawapan Yang Berhormat Menteri itu tadi, maka setakat itu dululah sesi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.51 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2015 untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2015 yang akan dicadangkan ini telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 18 Jun 2015. Ia merupakan pindaan berbangkit dengan izin, *consequential amendments* kepada Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3] lanjutan daripada penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia atau dengan izin, *Malaysia Aviation Commission* (MAC) bagi mengelakkan berlakunya pertindihan bidang kuasa di antara MAC dengan Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

Rang undang-undang bagi MAC pula telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas bagi menubuhkan suruhanjaya tersebut sebagai badan kawal selia ekonomi industri penerbangan awam negara melalui peruntukan undang-undang mengenai fungsi dan kuasanya. Dengan penubuhan MAC ini, terdapat beberapa kuasa dan fungsi Menteri Pengangkutan serta DCA akan diambil alih oleh MAC seperti berikut:

- (i) pemberian Lesen Perkhidmatan Udara, dengan izin, *Air Service License* (ASL);
- (ii) pemberian Permit Perkhidmatan Udara, dengan izin, *Air Service Permit* (ASP);
- (iii) pemberian Lesen Pengendalian Darat, dengan izin, *Ground Handling License* (GHL);
- (iv) pemberian Lesen Pengendalian Aerodrom, dengan izin, *Aerodrome Operating License* (DOL);
- (v) penetapan caj-caj *aeronautical* antaranya dengan izin, *Passenger Service Charge* (PAC), fi pendaratan dan fi parkir, dengan izin, *landing and parking charges*;
- (vi) memperuntukkan hak trafik udara; dan
- (vii) mengurus dan mentadbir laluan Obligasi Perkhidmatan Awam, dengan izin, *public service obligation* (PSO).

Walau bagaimanapun, pengawal seliaan daripada segi aspek teknikal dan keselamatan penerbangan awam masih dikekalkan di bawah bidang kuasa DCA. Dalam hubungan ini, terdapat keperluan bagi Kementerian Pengangkutan untuk melakukan pindaan berbangkit kepada Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3] bagi mengelakkan pertindihan bidang kuasa dan fungsi seperti yang dinyatakan sebentar tadi.

Rang undang-undang yang dicadangkan juga perlu dikuatkuasakan dan diwartakan bersekali dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 bagi memastikan kelancaran pelaksanaan semua undang-undang yang berkaitan penerbangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi beberapa pindaan berbangkit dan satu bahagian baru yang dirangkumkan di bawah 9 fasal. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa. Pindaan kepada Akta 3 ini akan mula berkuat kuasa pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Fasal 2 merupakan pindaan am yang dibuat kepada teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan padang terbang kepada aerodrom bagi tujuan keselarasan memandangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 menggunakan rujukan kepada aerodrom.

Fasal 3 mengandungi pindaan kepada seksyen 2, Akta 3 iaitu berhubung dengan tafsiran-tafsiran antaranya seperti berikut:

- (i) menggantikan tafsiran “*aerodrom*” supaya selaras dengan tafsiran “*aerodrom*” dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015;
- (ii) menggantikan tafsiran “*airport*” supaya selaras dengan tafsiran “*airport*” dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015;
- (iii) memasukkan tafsiran “*hire or reward*” memandangkan terdapat rujukan kepada perkataan “*hire or reward*” di dalam peruntukan seksyen 5(a) dan seksyen 3(2)(a) Akta 3;
- (iv) mengeluarkan tafsiran “*krew*” dalam teks bahasa kebangsaan memandangkan perkataan “*krew*” tidak lagi dirujuk dalam mana-mana peruntukan dalam Akta 3. Perkataan “*crew*” dalam teks bahasa Inggeris akan dirujuk sebagai anak kapal dalam teks Bahasa Kebangsaan, dan;
- (v) mengeluarkan tafsiran “*padang terbang*” dan “*padang terbang kerajaan*” dalam teks Bahasa Kebangsaan memandangkan “*padang terbang*” digantikan dengan perkataan “*aerodrom*”.

Seterusnya fasal 4 mengandungi tiga pindaan kepada seksyen 3(2), Akta 3 seperti berikut:

- (i) perenggan 3(2)(a) dengan meminda kuasa Menteri Pengangkutan daripada membuat peraturan berhubung sistem pelesenan bagi penggunaan kapal udara, dengan izin, *use of aircraft* untuk sewa atau upah kepada sistem persijilan, dengan izin, *System of Certification*. Ini kerana pemberian lesen berhubung penggunaan kapal udara untuk upah dan sewa iaitu ASL dan ASP kini berada di bawah bidang kuasa MAC. Walau bagaimanapun, DCA masih mempunyai kuasa daripada segi kawal selia teknikal berhubung penggunaan pesawat untuk sewa atau upah melalui pengeluaran Sijil Perakuan Pengendali, dengan izin, *Air Operator Certificate (AOC)*;
- (ii) perenggan 3(2)(n) dengan meminda kuasa Menteri Pengangkutan dalam penetapan caj dan fi di bawah Akta 3 dengan mengecualikan caj dan fi yang telah diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015; dan
- (iii) dengan memotong perenggan 3(2)(m)(n) memandangkan kuasa Menteri Pengangkutan untuk menetapkan caj dan fi bagi perkhidmatan yang disediakan di lapangan terbang adalah dirangkumkan dengan izin, *covered by* di bawah pindaan kepada perenggan 3(2)(n) Akta 3.

Fasal 5 mengandungi pindaan kepada seksyen 5A, Akta 3 iaitu berhubung dengan kuasa Menteri dengan memberi kebenaran kepada syarikat melalui pengeluaran lesen untuk menubuhkan, menyelenggarakan dan mengendali aerodrom.

■1200

Berdasarkan fasal 38 Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015, MAC telah diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen pengendalian *aerodrome* dengan izin, *aerodrome operating license* bagi sesuatu *aerodrome* yang digunakan bagi pelepasan dan pendaratan mana-mana kapal udara yang terlibat dalam pengangkutan penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah. Memandangkan MAC telah diberi kuasa tersebut, maka pindaan kepada seksyen 5A, Akta 3 perlulah dibuat. Di bawah fasal 5, pindaan juga dibuat antara lain seperti berikut:

- (i) memasukkan seksyen 5A(3) iaitu peruntukan berhubung hukuman bagi kegagalan untuk mendapatkan kebenaran atau lesen di bawah seksyen 5A(1). Pindaan dibuat dengan menaikkan hukuman sedia ada iaitu denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, berbanding hukuman asal iaitu denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun bagi individu dan denda tidak melebihi RM100,000 bagi syarikat.

Pindaan ini dibuat supaya setara dan selaras dengan hukuman mengenai kesalahan kegagalan untuk mendapatkan ASL di bawah fasal 35, Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015; dan

- (ii) memasukkan seksyen 5A(4) iaitu peruntukan berhubung hukuman bagi kegagalan untuk mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan dalam kebenaran atau lesen yang diberikan di bawah seksyen 5A(1). Pindaan dibuat dengan menaikkan hukuman sedia ada iaitu denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, berbanding hukuman asal iaitu denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun bagi individu dan denda tidak melebihi RM100,000 bagi syarikat. Pindaan ini dibuat supaya setara dan selaras dengan hukuman mengenai kesalahan kegagalan untuk mematuhi terma dan syarat yang dikenakan pada lesen sebagaimana yang ditetapkan di bawah fasal 40(3) Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Fasal 6 mengandungi pindaan kepada seksyen 24A, Akta 3 iaitu berhubung dengan kuasa Menteri Pengangkutan untuk mengeluarkan lesen kepada mana-mana syarikat yang dinamakan kerajaan untuk menjalankan fungsi-fungsi DCA atau menyediakan apa-apa perkhidmatan di dalam lapangan terbang atau selainya. Seksyen 24A, Akta 3 ini telah digunakan oleh Menteri Pengangkutan dalam memberikan lesen. Antaranya kepada pengendali lapangan terbang seperti Malaysia Airport Holdings Berhad, dan Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd.

Berdasarkan fasal-fasal 37 dan 38 Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015, MAC telah diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen pengendalian *aerodrome* dengan izin, *aerodrome operating license* kepada mana-mana orang yang mengendalikan sesuatu *aerodrome* yang digunakan bagi pelepasan dan pendaratan mana-mana kapal udara yang terlibat dalam pengangkutan penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah serta lesen pengendalian darat, dengan izin, *ground handling license*. Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di bawah kedua-dua lesen tersebut adalah merupakan perkhidmatan yang disediakan di dalam lapangan terbang. Memandangkan MAC telah diberi kuasa tersebut, maka seksyen 24A Akta 3 perlulah dipinda.

Fasal 7 mengandungi pindaan kepada seksyen 24F iaitu peruntukan berhubung hukuman bagi kegagalan syarikat yang dilesenkan di bawah seksyen 24A untuk mematuhi terma yang dikenakan pada lesen. Pindaan ini dibuat dengan menaikkan hukuman sedia ada iaitu denda tidak melebihi RM500,000 berbanding hukuman asal iaitu denda tidak melebihi RM100,000. Pindaan yang dibuat adalah selaras dan setara dengan hukuman mengenai kesalahan kegagalan untuk mematuhi terma dan syarat yang dikenakan pada lesen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah fasal 40(3) Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Fasal 8 mengandungi pindaan kepada seksyen 24K(3) iaitu dengan menggantikan perkataan "lapangan terbang ditetapkan" kepada "*aerodrome*" bagi tujuan keselarasan.

Fasal 9 memasukkan bahagian baru ke dalam Akta 3 iaitu bahagian 8B yang mengandungi lapan seksyen berhubung peruntukan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Cadangan memasukkan bahagian 8B ke dalam Akta 3 bukanlah merupakan sebahagian daripada pindaan berbangkit kepada penubuhan MAC. Akan tetapi ia merupakan penambahbaikan kepada kuasa kawal selia pihak DCA untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan dan penyiasatan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Akta 3 supaya selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya tegaskan di sini bahawa rang undang-undang yang dicadangkan akan dapat mengelakkan pertindihan bidang kuasa di antara *Malaysia Aviation Commission* (MAC) dengan Kementerian Pengangkutan dan DCA. Menerusi rang undang-undang yang sama, beberapa kuasa Menteri Pengangkutan akan diserahkan kepada pihak MAC.

Manakala pengawalseliaan daripada aspek teknikal dan keselamatan penerbangan awam masih kekal di bawah DCA. Selain mengelakkan pertindihan bidang kuasa, rang undang-undang ini juga bertujuan menyeragamkan beberapa penggunaan tafsiran dan hukuman yang dikenakan serta menambah baik pengawalseliaan sedia ada melalui peruntukan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan kepada pihak DCA di bawah Akta 3. Seterusnya, industri penerbangan negara dapat dikawal selia sepenuhnya dari pelbagai sudut perundangan melalui rang undang-undang ini dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membuka ruang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita cuma ada empat hari termasuk hari ini untuk membahaskan 12 rang undang-undang.

■1210

Jadi saya mohon kerjasama Yang Berhormat sekalian, supaya kalau Yang Berhormat ingin turut serta membahaskan mana-mana rang undang-undang yang telah disenaraikan di sini supaya menghantar nama dengan segera. Kalau boleh sebelum jam 1 petang nanti. Saya minta kerjasama Yang Berhormat juga supaya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan Yang Berhormat yang tidak berada di Dewan sekarang. Ini kerana kalau Yang Berhormat buat di saat-saat yang terakhir, susah untuk kita hendak mengatur masa.

Tanpa melengahkan masa, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad. Silakan Yang Berhormat.

12.10 tgh.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur pada tengah hari yang berbahagia ini kerana inilah kali pertama saya mendapat tempat pertama, nombor wahid untuk berbahas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat Dato' yang pertama dan terakhir kalau tidak ada Ahli Yang Berhormat lain yang menghantar nama. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih. Saya telah mendengar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya rasa inilah masanya Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun sampai masanya di mana kita memerlukan pindaan ini dibuat. Seharusnya sebelum ini. Akan tetapi saya melihat, nama-nama seperti aerodrom, kalau kita mengkaji balik Yang Berhormat Menteri, aerodrom ini sebenarnya lapangan terbang kecil yang digunakan. Kita guna macam-macam, *air field*, *air base* untuk tentera, *air strip*, *airport*. Memang banyak. Aerodrom, kerana kita hendak bahasa kebangsaan, tetapi daripada perkataan bahasa Inggeris juga, aerodrom. *Air field* itu lapangan terbang, ia *air field* dahulu.

Akan tetapi kita bersyukur, tidak apa. Sudah hendak buat, kerana kita hendak keluarkan lesen. Ini kerana kita takut ada penceroboh-penceroboh yang boleh masuk ke dalam negara ini tanpa ada lesen, buka lapangan terbang sesuka hati mereka. *Alhamdulillah*.

Cuma saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri, macam di Sarawak ini ataupun di Sabah, macam mana kita hendak *control* kalau kadang-kadang padang sekolah, padang bola juga dijadikan lapangan terbang. Itu tidak ada dalam senarai lapangan terbang kepada DCA ataupun kepada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (SPM) ataupun MAC. Saya masih ingat lagi pada satu masa ketika dahulu di Sarawak, waktu itu waktu van-kecelakaan yang berlaku di jalan raya. Van-van banyak mengalami kemalangan. Apa yang berlaku di Sarawak ialah *skyvan*. *Skyvan* ini sama macam van di jalan rayalah. Cuma apabila ia di awan, kita panggil *skyvan*.

Skyvan ini digunakan di Sarawak untuk membawa barangan kargo masuk ke kawasan-kawasan pedalaman. Bila masuk ke kawasan pedalaman, ia balik kosong. Kapal terbang yang bawa kargo ini, ia balik kosong, tidak ada *seat*. Tidak ada tempat duduk Tuan Yang di-Pertua. Sampai di destinasiya, ia akan kutip penduduk-penduduk di situ, di kampung ini, dalam hutan, yang hendak pergi ke bandar dan bawa mereka ini tanpa ada *seat*, tanpa ada tali pinggang keledar. Bawa mereka ini dengan bayaran RM10-RM15.

Jadi dia bawa mereka orang kampung yang tak tahu apa-apa, orang-orang rumah panjang, bawa mereka ini keluar ke bandar kerana mereka ini perlu pengangkutan. Kita faham, kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak, di Sabah, tidak ada pengangkutan yang sesuai. Jadi pilot ini mengambil kesempatan untuk bawa orang kampung ke bandar dengan caj RM10. Kadang-kadang sekali dengan sangkar ayam itu dibawa, kerana dia hendak menjual, berdagang di dalam bandar.

Oleh sebab tidak ada kawal selia daripada DCA kita pada ketika itu, satu hari *skyvan* terjunam dan membunuh semua penumpang. Tali pinggang keledar tidak ada, apa-apa pun tidak ada, jadi ia terbang, dia berangkat sesuka hati. Apa yang dia buat, dia dapat *collection*. Kita difahamkan ketika itu Tuan Yang di-Pertua, pada ketika itu rupa-rupanya sebelum ini sudah berapa ribu orang dibawa, berapa ribu orang penumpang dia bawa ke tempat-tempat destinasi yang diperlukan oleh mereka ini, orang-orang kampung. Itu satu.

Jadi kita hendak buat pindaan ini, saya bersetuju sangat. Akan tetapi, yang ini yang perlu kita lihat. Contohnya mereka yang duduk di dalam kampung, di kawasan pedalaman. Kita mempunyai sistem *online* untuk kita buat *booking*. Kalau kita buat *booking* awal, bererti kita dapat harga yang murah. Baik Malaysia Airlineskah, baik AirAsiakah, kita dapat harga yang murah kerana kita boleh *book* awal, dua bulan dahulu, tiga bulan dahulu. Akan tetapi kalau kita dengar apa yang dinyatakan Menteri Komunikasi dan Multimedia semalam, kalau kita hendak memperkembangkan *WiFi* ini, internet ini ke kawasan-kawasan pedalaman, kita memerlukan RM2 bilion. Akan tetapi kerajaan hanya membelanjakan RM300 juta, jadi tak bolehlah sampai ke kawasan pedalaman.

Soalan saya kepada Kementerian Pengangkutan, macam mana kita hendak bantu orang di dalam kampung, mereka di luar bandar atau mereka di kawasan pedalaman ini untuk mereka ini juga dapat manfaat apa yang kita ada. Ini kerana mereka yang tinggal di luar bandar, di kawasan pedalaman, kalau dia hendak beli tiket, macam mana dia hendak *book online*, elektrik pun tidak ada. Jangan kata internet, elektrik pun belum ada di kawasan-kawasan itu termasuklah air untuk mereka minum.

Kalau kita pergi melawat di kawasan-kawasan ini, yang hendak sampai pun kadang-kadang dua hari, kemudian mereka ini hendak *book online*, macam mana? Jadi mereka tidak mendapat manfaat apa yang ada kepada kita yang tinggal di dalam bandar. Ini saya sedih. Kita hendak buat pindaan ini, hendak buat bagi hebat. Kita hendak mencapai 2020, tetapi apa persediaan yang kita buat untuk mereka ini yang banyak menyokong kita di luar bandar, di kawasan pedalaman. Apa yang kita hendak buat, hendak bantu mereka. Hendak *book seat online* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pun menjadi masalah.

Jadi mereka tidak dapat manfaat itu. Bila tunggu hari dia hendak keluar untuk dia hendak terbang, baru dia hendak pergi buat *booking over the counter*, dengan izin, dia tidak mungkin akan dapat harga yang mana kita orang dalam bandar yang dapat. Mereka hidup lagi sengsara. Hendak beli satu *tank* gas pun, kalau mereka yang tinggal di pedalaman, bukan masalah Kementerian Pengangkutan, tetapi hendak beli satu *tank* gas kadang-kadang tiga kali daripada harga yang kita beli di bandar.

Ini kita cerita kepada mereka bahawa ada kemudahan-kemudahan ini tetapi mereka tidak dapat hendak memanfaatkan. Saya fikir kementerian harus juga melihat apakah cara-caranya untuk kita dapat membantu mereka-mereka ini selain daripada kita hendak buat perubahan-perubahan ataupun pindaan-pindaan yang saya rasa kita menyokong penuh. Kita menyokong penuh dengan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan kita berharap sangat-sangat supaya sekarang ini kita melihat kembali, apa yang perlu kita bantu mereka yang berada di kawasan pedalaman yang seperti saya katakan tadi, *skyvan* digunakan untuk mengangkut penumpang tanpa mengikut peraturan-peraturan yang ada.

■1220

Ini saya cerita yang di Sarawak ataupun Sabah. Akan tetapi yang di Semenanjung Tanah Melayu ini pun kalau kita hendak lihat, saya pernah melihat sendiri kawasan-kawasan ladang ini. Yang Berhormat Menteri, kawasan-kawasan ladang ini dia pun ada kapal terbang dia sendiri. Dia ada *air strip* dia sendiri dengan izin. Dia ada lapangan terbang dia sendiri, *air field* dia sendiri. Dia boleh menggunakan kapal terbang-kapal terbang yang kecil dan ruang dibuka juga untuk mereka. Jadi tibalah masanya untuk kita meletakkan tempat-tempat ini supaya mereka ini memohon lesen untuk membuka aerodrom yang dimaksudkan.

Kalau tidak, kita tidak boleh kawal keadaan kerana mereka ini saya rasa bukan setakat- minta maaf saya hendak sebut bukan setakat MH370 yang hilang tetapi mereka ini yang mana yang datang boleh menceroboh masuk ke negara kita yang kita tidak tahu. Banyak lagi kapal terbang-kapal terbang yang boleh menceroboh negara kita masuk ke negara kita tanpa kita dapat *detect*, dengan izin. Kalau kita membiarkan lapangan terbang atau aerodrom yang ada di dalam negara kita sekarang ini, yang ada ini saya rasa sudah cukup banyak.

Saya pernah mendarat di Perak, di aerodrom, di *air field* yang dibuka, saya pernah mendarat di Taiping, saya pernah mendarat di kawasan- sebuah kawasan sawit dengan pesawat-pesawat kecil ini. Kadang-kadang *air strip* ini kita buka Yang Berhormat Datuk untuk kita hendak mengendalikan kapal terbang yang jenis *stol*. Kita namakan ia *stol* oleh sebab ia *short take of landed*, yang ini juga kita harus beri perhatian. Ini kerana mereka ini mempunyai peralatan yang canggih untuk membuat perkara-perkara ini. Jadi ia boleh mendarat di mana-mana sahaja asalkan *air strip* itu cukup untuk dia mendarat.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya rasa banyak perkara yang perlu kita lihat. Bukan sekadar nama, kerana nama ini saya melihat nama aerodrom ini kita hendak alihkan bahasa sahaja. Akan tetapi, 'harimau mati tinggal belang, manusia mati tinggal nama'. Ini lapangan terbang ini hendak tinggal apa saya tidak tahu. Kalau kita kerana nama sahaja, kalau kita tukar nama sahaja lepas itu kita tidak boleh hendak buat pembetulan yang lain-lain, saya rasa tidak memberi faedah kepada kita. Kalau kita hendak betul-betul hendak tukar nama, kita tukar nama dan kita jadi canggih kerana kita hendak menghadapi 2020.

Saya bukan patriotik sangat tetapi saya hendak tegaskan bahawa kita hendak tukar bahasa, kita tukar ke bahasa Melayu jugalah. Aerodrom ini bahasa orang putih, bahasa Inggeris. Jadi kita kena cari satu kaedah lain. Jadi tidak bolehlah kita tetapi kita sokonglah sebab selalunya bila siap baru bawa ke Dewan untuk kita bincang. Jadi kita cerita apa-apa pun dia patah balik ke kementerian, benda itu telah pun ditetapkan. Selalunya ini yang berlaku.

Jadi saya berharap sangat-sangat apa yang saya minta kepada Yang Berhormat Menteri tadi Tuan Yang di-Pertua, supaya memberi perhatian sedikit terutama membantu mereka yang menyokong kita, yang berada di luar-luar kawasan ini untuk mendapat faedah dengan apa yang sedang kita lakukan. Saya dengan ini menyokong penuh Rang Undang-undang Pindaan Akta Penerbangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat, sekali lagi saya mengingatkan kepada Yang Berhormat kalau Yang Berhormat hendak membahaskan mana-mana rang undang-undang yang terdiri daripada 12 ini, sila hantarkan nama sebelum pukul 1 ya Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Silakan Yang Berhormat.

12.25 tgh.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya turut sama membahaskan dalam Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, industri penerbangan negara telah berkembang semenjak seabad lalu dan telah melalui pelbagai perubahan dan yang amat membanggakan. Tidak dinafikan industri penerbangan negara telah diiktiraf di peringkat antarabangsa baik daripada kewujudan infrastruktur malah bangga memiliki *flat* pesawat dan perkhidmatan yang bertaraf dunia. Rekod cemerlang ini dibuktikan oleh pelbagai award yang diraih antaranya KLIA yang terpilih sebagai antara lapangan terbaik di dunia.

LCCT sebagai terminal tambang murah yang teraktif di Asia Pasifik dan sebagainya. Justeru itu, tidak menghairankan bahawa Malaysia MAS telah merangkul lebih daripada 100 award atas amalan dan perkhidmatan cemerlang sehingga kini. Begitu juga AirAsia yang sehingga kini berkembang pesat dalam segmen penerbangan tambang murah Asia Pasifik melintasi batas sempadan hampir seluruh negara Asia bagi penerbangan domestik dan antarabangsa. Kejayaan sebegini bukan sahaja mewujudkan satu *environment* sihat, malah ia juga turut menarik ramai pemain baru penerbangan yang merancakkan lagi industri penerbangan tanah air.

Bukan sahaja kecemerlangan ini berdasarkan *passenger* sahaja, industri penerbangan Malaysia juga terkenal sebagai hab kargo udara yang ternama. Pengendalian kargo yang cekap dan disokong dengan sistem pengurusan yang terkini menjadi ikutan dan model kepada industri penerbangan di negara-negara lain baik dari wilayah Asia sehinggakan ke Afrika. Pengalaman dan tenaga kerja mahir ini bukan sahaja menarik perhatian syarikat luar malah ramai di antara bekas kakitangan industri penerbangan negara telah diambil bekerja di negara-negara teluk dan di serata dunia. Ini menunjukkan staf didikan negara menjadi pilihan ramai pemain industri di luar sana.

Sokongan industri pengangkutan udara, jalinan jalan raya dan kepesatan industri pembuatan dan kedatangan pelancongan seumpama sindosis yang menyokong satu sama lain sehingga kini. Tidak dinafikan industri ini merupakan penyumbang besar kepada ekonomi negara. Perkembangan pesat ini menurut rekod telah menyumbang lebih 150,000 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan ia terus berkembang menjelang kemunculan Malaysia menjadi negara maju tahun 202.

Sehubungan dengan kemajuan industri ini, kerajaan telah mengambil satu langkah yang bertepatan dengan mewujudkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia baru-baru ini atau dikenali sebagai *Malaysia Aviation Commission* (MAC) baru-baru ini. Kewujudan MAC ini secara relatifnya memenuhi tuntutan dasar penerbangan nasional yang disebut dalam pembentangan Belanjawan Negara 2014 yang lalu. Memenuhi permintaan yang tinggi dan dalam landasan menjadi ASEAN langit tanpa sempadan ini, kerajaan telah mengambil langkah ke hadapan dengan memperkemarkan lagi aktiviti penyeliaan dan kawalan industri udara tanah air.

Langkah transformasi ini langkah kerajaan menangani lebih 28,000 orang pengguna pengangkutan darat sambil menambah fasiliti-fasiliti yang sedia ada. Sukacita peranan dan beban DCA ini semakin berkurangan selepas penubuhan MAC. MAC ini sebenarnya diusulkan oleh pihak industri bukan oleh pihak kerajaan. Ini kerana pihak industri merasakan perlu ada *Malaysia Aviation Commission* yang lebih adil dan neutral sedangkan DCA agensi kerajaan. Maka MAC, ia akan dilantik daripada orang-orang profesional dan ia di harap akan memberikan keadilan kepada semua industri dalam negara kita.

■1230

Pengagihan peranan tugas setelah dikenal pasti iaitu MAC akan mengawal selia aspek ekonomi industri penerbangan. Antaranya perlindungan pengguna, penyelesaian pertikaian dan juga persaingan. MoT berperanan untuk menetapkan dasar dan pembangunan sektor penerbangan negara secara keseluruhan. MoT akan terus menetapkan dasar berhubung peruntukan had trafik udara, laluan obligasi, perkhidmatan awam dan juga merundingkan perjanjian perkhidmatan dengan negara-negara lain.

Manakala DCA berperanan mengawal selia perkara-perkara berhubung dalam aspek teknikal dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sebanyak mungkin mengenai Rang Undang-undang Penerbangan Awam ini iaitu mengenai seksyen 2, pindaan mengenai aerodrom atau padang terbang. Pindaan untuk menggantikan perkataan 'padang terbang' kepada 'aerodrom' dalam teks bahasa kebangsaan. Persoalan saya, apakah perlu semua lapangan terbang yang wujud sekarang ini didaftarkan semula di bawah undang-undang baru ini? Bagaimanakah pula kewujudan *unlicensed aerodrom* iaitu aerodrom selain yang didaftarkan sebelum ini seperti lapangan terbang untuk pesawat kecil bagi tujuan latihan ataupun digunakan sebagai pangkalan helikopter di pedalaman Sabah dan Sarawak? Bagaimana pula helipad swasta yang bukan berorientasikan keuntungan seperti di hospital-hospital, pelantar-pelantar minyak dan juga bangunan-bangunan tinggi yang mempunyai kemudahan pendaratan helikopter?

Mengenai seksyen 3 pula yang berkaitan dengan kuasa yang menguatkuasakan Konvensyen Chicago, mengawal selia penerbangan awam yang termasuk membuat peraturan berhubung sistem pelesenan bagi kegunaan pesawat dan penetapan caj dan fi di aerodrom adalah antara pindaan penting untuk meningkatkan lagi daya saing industri penerbangan serta memastikan konsistensi dengan Rang Undang-undang MAC 2014 ini. Soalannya, bagaimana untuk memberi pentakrifan caj bagi aerodrom yang digunakan sebagai transit udara atau bagi tujuan rekreasi pesawat *air ride* ataupun bagi tujuan pelepasan dan pendaratan, *unmanned aerial vehicle* atau *drone* yang semakin popular di tanah air ini?

Seksyen 5A, kuasa Menteri membenarkan sesuatu syarikat yang mempunyai lesen menubuhkan, menyelenggarakan dan mengendalikan aerodrom yang turut merangkumi pindaan hukuman bagi kegagalan mendapatkan kebenaran atau lesen hukuman kegagalan memenuhi terma dan syarat adalah sangat bersesuaian dan penting dalam mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan dan juga pengendalian aerodrom. Bagi seksyen ini, saya ingin menarik perhatian kepada lesen yang diberikan Malaysia Airport Berhad dan Senai Airport Berhad. Apakah dengan adanya undang-undang nanti, kedua-dua *airport* ini akan dikawal selia oleh MAC? Apakah kriteria syarikat yang dimaksudkan oleh seksyen ini dan apakah kaedah pengawalan yang akan dilaksanakan? Apakah mekanisme pengurusan dan pengawalan ke atas operasi syarikat ini oleh pihak MAC?

Seksyen 24A pula berkenaan dengan kuasa Menteri untuk memberikan lesen bagi mengadakan perkhidmatan lapangan terbang dan penerbangan dan seksyen 24F untuk menaikkan hukuman sedia ada iaitu denda tidak melebihi RM500,000 berbanding dengan hukuman asal iaitu tidak melebihi RM100,000 selaras dengan seksyen 43, Rang Undang-undang *Malaysia Aviation Commission* 2014. Sekali lagi persoalannya, apakah undang-undang ini dikenakan kepada penggiat *aerodrom* dan apakah dengan menaik turun *drone* mereka juga dikenakan denda dengan begitu tinggi?

Fasal 9 yang bertujuan untuk memasukkan bahagian baru iaitu VIII B untuk mengadakan peruntukan mengenai penyiasatan dan penguatkuasaan dan perkara yang berkait di mana Ketua Pengarah boleh secara bertulis memberi kuasa mana-mana kepada pegawai Jabatan Penerbangan Awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di akta ini. Memandangkan pegawai diberikan kuasa, hendaklah mempunyai segala kuasa polis tidak kira apa juga pangkat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 953*] kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran berhubung dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan juga penyiasatan.

Persoalan bagi seksyen ini ialah bagaimanakah bentuk pelantikan pegawai penguat kuasa ini? Ini kerana pada hemat saya, pegawai yang diberi kuasa ini mempunyai pengalaman atau menunjukkan keupayaan serta profesionalisme yang tinggi serta memegang kepada prinsip berkecuali semasa menjalankan kewajibannya bagi memastikan penguatkuasaan pemeriksaan dan penyiasatan yang dilakukan adalah bebas dan telus daripada sebarang pengaruh. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, juga penting bagi memastikan industri penerbangan negara menjadi industri yang dinamik dan progresif untuk semua syarikat penerbangan.

Akhir sekali, apakah komitmen kerajaan yang memberi jaminan bahawa MAC ini akan menjalankan tugas dan fungsinya dengan telus dan tidak berpihak kepada mana-mana industri penerbangan?

Sungguhpun begitu, saya menyokong langkah kerajaan bagi menambah baik industri penerbangan di tanah air ini. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, saya akan beri peluang yang terakhir sekiranya ada di antara Yang Berhormat yang ingin membahaskan rang undang-undang ini boleh berdiri. Kalau tidak, saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Nampaknya tidak ada. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

12.38 tgh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin mengenai nama aerodrom.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkataan aerodrom ialah perkataan yang dipinjamkan daripada bahasa Inggeris. Proses pembinaan perkataan dalam Bahasa Melayu ini memang dibenarkan bagi kita membina perbendaharaan kata Bahasa Melayu. Sebagai contoh, import, eksport teknologi. Maka dalam konteks ini, oleh sebab dua rang undang-undang yang disatukan yang mana *Malaysia Airport Commission* telah menggunakan perkataan aerodrom, maka pindaan hendak diselaraskan supaya ia tidak terkeliru dengan apa yang dipanggil padang terbang. Jadi itulah sebabnya kita ubah nama padang terbang yang digunakan pada akta sebelum ini dan kita gunakan aerodrom untuk kita selaraskan.

■1240

Seterusnya apa yang juga disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin mengenai *Skyvan*. *Skyvan* pada hari ini sudah tidak ada lagi. Malah hari ini kita telah gantikan dengan *rural as service* yang diberi khidmat oleh syarikat MASwings dan untuk penduduk luar bandar pada dasarnya kerajaan telah memberi pembelaan kepada penduduk luar bandar khususnya di kawasan Malaysia Timur, Sabah, Sarawak dengan memberi satu peruntukan sebanyak RM160 juta setiap tahun bagi memastikan penduduk luar bandar mendapat tiket ataupun perkhidmatan yang murah dan untuk makluman malah di Sabah dan Sarawak, kerajaan tidak mengenakan *passenger service charge*. Jadi, ini adalah salah satu pembelaan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada penduduk luar bandar. Di samping itu juga, tiket-tiket yang dijual adalah harga yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dengan satu siling yang terbatas.

Jadi di samping itu seperti kata Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin, yang menyatakan agak kesulitan untuk membeli tiket *online*. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah melantik ejen-ejen MASwings di Sabah dan Sarawak dan di samping itu juga pihak ketua-ketua kampung memberi bantuan perkhidmatan untuk mengumpulkan nama-nama penumpang yang ingin menggunakan perkhidmatan *rural and service* ini ataupun perkhidmatan MASwings di kawasan pedalaman. Jadi keseluruhan...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, Yang Berhormat mohon mencelah. Yang Berhormat saya bagi contoh *Skyvan* tadi itu contoh. Saya tahu sekarang ini tidak ada sudah *Skyvan*. Kita pun sekarang, dulu van *Vanette* ini banyak. Sekarang ini sudah *Estima* sudah, *Alphard*lah. Saya bagi contoh saja tadi bila saya sebut kata *Skyvan*. Apa yang saya hendak nyatakan ialah masalah yang dihadapi kalau kita tidak jaga, kita tidak peduli lapangan terbang, padang sekolah, padang bola boleh jadi lapangan terbang, boleh aerodrom yang itu. Bukan Yang Berhormat kata fasal peruntukan yang diberikan ataupun kepada ketua-ketua kampung.

Saya difahamkan sehingga sekarang mereka ini bukan kita kata fasal hendak naik MAS saja atau hendak naik ini, maksud kita ini kepada mereka ini seharusnya ada satu ruang hendak *book* ke mana-mana pun. Itu kalau dia hendak pergi ke Kuala Lumpur, mungkin dia dapat keistimewaan itu kerana kita ada peruntukan daripada kerajaan tetapi kalau dia hendak pergi ke tempat lain, destinasi lain, dia tidak ada kemudahan *online* yang macam kita ada untuk dia buat *booking* itu.

Kalau kita beri kepada ketua kampung, ketua kampung yang ada di rumah panjang, ketua rumah panjang pun, kalau dia ada di rumah panjang tetapi dia tidak ada *internet* untuk dia hendak akses kepada *online*, macam mana dia hendak dapat harga yang kita di bandar ini dapat. Itu maksud saya tadi.

Jadi, bukan hendak salahkan Kementerian Pengangkutan tetapi kita mesti ada satu kaedah kalau boleh sebab mereka ini dia tinggal di dalam kawasan pedalaman yang tidak ada bekalan elektrik. Bila tidak ada bekalan elektrik, tidak ada internet, hendak akses kepada *online*, yang ini yang maksud saya tadi. Kalau kita kata kita bagi peruntukan itu dan ini itu betul tetapi macam mana dia hendak dapat apa keistimewaan yang macam kita dapat. Kalau ada yang kita bagi kepada ketua kampung untuk bagi pada dia itu, itu soal lain tetapi dia hendak akses kepada ini. Mungkin Kementerian Pengangkutan kena buat kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk selesaikan masalah mereka-mereka ini. Itu maksud saya tadi. Terima kasih Yang Berhormat Datuk.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Khairudin. Mengenai peluang-peluang ataupun harga tiket yang promosi tawaran ini, untuk makluman biasanya dia akan menawarkan harga yang murah ini dalam tempoh yang lama. Maknanya kalau kita hendak terbang esok atau lusa, kita baru hendak *booking online*, pun kita dapat harga yang tidak promosi. Biasanya harga promosi ini harga tiga bulan sebelum jadual penerbangan kita. Jadi dalam konteks ini, maka siapa-siapa di luar bandar perlulah kena mencari *online* ataupun sistem *online* di kawasan yang *available* atau diperoleh untuk membuat tempahan lebih awal. Walau bagaimanapun, saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Khairudin bahawa pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk meningkatkan jaringan jalur lebar ini sampai ke peringkat pedalaman bagi lebih memudahkan kepada masyarakat pedalaman mendapatkan akses yang lebih mudah.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Khairudin juga menyebut tentang lapangan terbang. Lapangan terbang semua dikawal oleh pihak DCA, perlu mendapat kelulusan. Walaupun helipad sekalipun perlu mendapat kelulusan DCA. Jadi semua aerodrom dalam negara ini perlu mendapat kelulusan untuk operasi daripada pihak DCA. Jadi tidak ada lapangan terbang yang dikecualikan. Maka sebab itu ia pada kali ini, akta kita telah meminda dalam soal hukuman kepada hukuman yang lebih berat untuk memastikan semua ahli masyarakat, industri mematuhi peraturan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah juga menyebut tentang lapangan terbang ataupun aerodrom, apakah semua tidak perlu daftar semula aerodrom apabila telah pihak MAC menguatkuasakan undang-undang mereka. Jadi semua lapangan terbang tidak perlu didaftarkan semula. Hanya pemantauan akan diambil alih oleh pihak MAC. Sekiranya aerodrom ini adalah bertujuan untuk membawa penumpang, *meal and cargo* bagi *hire or reward*, ia perlu dilesenkan di bawah MAC atau sebaliknya di bawah MOT. Maksud di sebaliknya ada sesetengah aerodrom yang digunakan untuk *private* seperti di Kertih, Lapangan Terbang Petronas. Dia hanya untuk kegunaan *private*. Tidak untuk penumpang melibatkan *hire or reward*.

Jadi dalam konteks ini, semua aerodrom memang diurus oleh pihak MAC dan pihak seterusnya pihak DCA akan mengawal selia daripada aspek teknikal dan keselamatan. Jadi semua lapangan terbang dikawal selia oleh dua buah badan iaitu dalam konteks aspek ekonomi dan komersial pihak MAC, *Malaysia Aviation Commission* akan menguruskan dan pihak DCA akan mengurus untuk kawal selia teknikal dan keselamatan.

■1250

Seterusnya untuk soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah mengenai caj aerodrom sebagai transit udara ataupun tujuan rekreasi. Ini tiada caj yang dikenakan pada masa ini oleh pihak kerajaan. Hanya perlukan dapat kelulusan daripada pihak DCA.

Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah juga ada membangkitkan mengenai kuasa penyiasatan yang diberi kepada pegawai oleh pegawai DCA. Untuk makluman, buat masa ini, pihak DCA tidak mempunyai kuasa penyiasatan dan seperti ada insiden baru-baru ini, *drone* yang telah menceroboh di kawasan KLIA, pihak DCA hanya boleh membuat laporan kepada pihak polis dan seterusnya pihak polislah membuat penyiasatan. Ini menyukarkan untuk pihak DCA untuk terus membantu ataupun menyelesaikan isu-isu berbangkit dengan *drone* ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Noriah juga telah membangkitkan isu *drone* ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan kerajaan terhadap penggunaan kenderaan udara tanpa pemandu ataupun *unmanned aerial vehicle* (UAV) ini, kepada peminat-peminat hobi berkenaan, pihak DCA dan 'MAC' telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk mengetatkan kawalan terhadap aktiviti yang dijalankan khususnya di kawasan *control airspace* dan juga aerodrom *traffic zone*. Antara langkah tersebut adalah seperti pengawasan ruang udara oleh *air traffic controller* dan juga rondaan oleh pihak *aviation security*.

Seterusnya, Kementerian Pengangkutan juga sedang mengkaji dan meminda perundangan sedia ada bagi tujuan penambahbaikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan penjualan *drone* kepada pihak tertentu sahaja. Pihak kementerian melalui DCA hanya boleh mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan melanggar akta di bawah seksyen 24(O) Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3].

Untuk makluman, penggunaan kenderaan udara tanpa pemandu atau *drone* oleh peminat-peminat hobi berkenaan dikawal di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 dan *Civil Aviation Regulation 1996*. Secara amnya, *drone* tidak boleh diterbangkan berhampiran laluan penerbangan di lapangan terbang dalam negara. Syarat-syarat terperinci penggunaan *drone* telah ditetapkan di dalam Pekeliling *Aeronautical Information Circular 4/2008 Unmanned Aerial Vehicle Operation in Malaysian Airspace*. Jadi, itulah sedikit sebanyak mengenai *drone*.

Buat masa ini di bawah akta tersebut, mana-mana individu yang melakukan kesalahan dan disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Jika ia daripada syarikat ataupun pertubuhan perbadanan, ia boleh didenda tidak melebihi RM100,000.

Jadi Yang Berhormat Datuk, itulah sedikit sebanyak mengenai industri penerbangan awam di negara kita yang hari ini begitu maju, cepat maju. Kita Malaysia merupakan sebuah lokasi yang strategik di rantau ini, di mana hari ini KLIA merupakan menjadi transit hab utama di rantau Asian dan ini sekali gus dapat meningkatkan ekonomi negara sekiranya kita dapat menguruskan ruang udara, mengurus aspek ekonomi dan juga terpaksa juga mengurus soal keselamatan ...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang nak mencelah Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Sila.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum saya agak-agak Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak sudah habis ucapan itu, sebelum habis ucapan itu, saya nak *refer* kepada fasal 4 akta ini. Dalam huraian saya mengatakan fasal 4 bertujuan untuk meminda perenggan 3(2)(a), untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan penggunaan kapal udara dalam penerbangan untuk sewa atau upah dengan mengadakan suatu sistem persijilan atau selainnya berhubung dengan perkara teknikal dan penasihat perihal keselamatan.

Soalan saya ialah memandangkan apa yang terjadi dalam insiden kejatuhan kapal terbang *Germanwings* di French Alps baru-baru ini, di mana saya masih ingat kita bincang berhubung dengan keselamatan dalam kapal terbang. Adakah kementerian ataupun Menteri Pengangkutan bercadang untuk membuat peraturan supaya sekurang-kurangnya *at any one time*, dengan izin, sekurang-kurangnya ada dua orang kakitangan di dalam kokpit.

Saya bertanya demikian kerana dalam pengalaman saya, saya baru terbang dari Subang ke Kota Bharu baru-baru ini, saya nampak pilot keluar daripada kokpit, dia tidak kunci pintu kokpit dan dia tidak ada di dalam kokpit selama 20 minit. Saya pasti bahawa pada masa itu hanya seorang sahaja ada dalam kokpit.

Maknanya, sungguhpun ada insiden *Germanwings* dan kementerian pada masa itu berkata ataupun Menteri yang menjawab pada masa itu, dia akan tengok perkara ini, adakah Menteri bercadang supaya kita mempunyai satu undang-undang demi keselamatan. Ini kerana insiden itu saya tengok sendiri, pada masa itu siapa sahaja boleh masuk kokpit dan membuat apa sahaja dan keselamatan penumpang-penumpang akan terancam kerana nyawa kita adalah terpulang kepada keadaan semasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri, jawab dengan ringkas Yang Berhormat ya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim mengenai apa yang dibangkitkan di fasal 4. Di fasal 4, memang ia meminda kuasa Menteri berhubung sistem pelesenan dan persijilan. Dia dua perbezaan pelesenan dan persijilan. Pelesenan ini untuk kapal udara ataupun *airlines* yang digunakan untuk sewa dan upah, manakala persijilan adalah untuk penggunaan kapal udara yang tidak untuk sewa dan upah. Jadi sekarang Menteri hanya ada kuasa untuk persijilan, tetapi untuk pelesenan di bawah kuasa MAC.

Seterusnya mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Rahim mengenai isu *Germanwings*...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya waktu kita sekarang tepat pukul satu. Jadi, saya rasa Yang Berhormat sambung baliklah menjawab sebelah petang nanti.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kalau dua minit lagi, boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau dua minit pun, Yang Berhormat Menteri kena balik tengah hari nanti sebab kita belum...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi kita tangguhkan sekaranglah ya. Yang Berhormat Menteri balik sebelah petang nanti menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 petang. Saya tangguhkan Dewan ini hingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sekarang kita sambung semula persidangan kita, dan saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri agaknya yang sambung ya? Silakan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat Senator Tan Sri Abdul Rahim mengenai kejadian keluar masuk kokpit oleh orang tiada berkenaan. Untuk makluman, bagi kawasan kokpit pesawat, hanya kru di dalam pesawat yang dibenarkan untuk keluar dan masuk. Keperluan dalam manual operasi setiap syarikat penerbangan untuk menerangkan peraturan dan prosedur ini. Tambahan pula, hanya kru-kru ataupun anak-anak kapal yang berkaitan yang disenaraikan dalam manual operasi tersebut dibenarkan masuk ke dalam kokpit. Penumpang-penumpang pesawat tidak dibenarkan sama sekali untuk masuk kecuali dengan kebenaran daripada komander ataupun kapten pesawat.

Berkaitan kejadian yang bersangkutan dengan insiden *Germanwings* di mana hanya seorang juruterbang ditinggalkan dalam kokpit pesawat. Sehubungan dengan itu, di Malaysia memang kita telah wujudkan satu peraturan yang memerlukan seorang daripada kru pesawat seperti *senior flight attendant* untuk berada di dalam kokpit sekiranya ada keperluan untuk seorang juruterbang keluar daripada kokpit tersebut.

Maka ini bermakna, di dalam kokpit akan senantiasanya ada dua orang dalam kokpit. Ini dapat menjamin keselamatan pesawat sekiranya apa-apa berlaku kepada juruterbang yang masih berada dalam kokpit.

Jadi Tan Sri Tuan Yang di-Pertua, itulah mengenai perkembangan penerbangan di Malaysia yang mana hari ini industri penerbangan di Malaysia begitu maju. Dengan adanya *Malaysian Aviation Commission* ini, kita mengharapkan perkembangan industri penerbangan dapat ditampung dengan kemajuan yang sedang berlaku di mana Malaysia dilihat sebagai sebuah lokasi strategik untuk sebagai pusat transit hab pertemuan antara barat dan timur. Mudah-mudahan dengan *Malaysian Aviation Commission* ini, ia mampu dapat mengemudi industri penerbangan negara ke arah yang lebih mampan dan lebih maju. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Pohon pencilahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, silakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Jadi, saya berterima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Insiden yang saya sendiri alami itu ialah yang pertama, kapten keluar daripada kokpit, pintu kokpit itu bukan sahaja tidak dikunci, dia tinggal *ajar*, dengan izin. Saya pasti dalam kokpit pada masa itu hanya seorang sahaja dan dia keluar daripada kokpit, dalam pengalaman penerbangan saya itu selama 20 minit. Jadi perkataan *prevention is better than cure*, maknanya kita ini ada undang-undang dan kita tidak pastikan undang-undang itu dipatuhi.

To me, adalah sangat serius sebelum apa-apa terjadi, bukan sahaja orang boleh masuk dalam kokpit kalau nak buat sesuatu ataupun terjadi, apa yang terjadi di *Germanwings* yang kita tak sangka terjadi. Jadi apa tindakan yang boleh dibuat terhadap nombor satu sekali *pilot* dan nombor dua terhadap syarikat penerbangan seumpama itu? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Abdul Rahim, itu memang satu jelas pelanggaran peraturan dan perundangan penerbangan. Maka, pihak juruterbang apa yang telah dipaparkan tadi ataupun apa yang disebut tadi jelas juruterbang telah melanggar peraturan kerana pintu setiap kali dibuka mesti dikunci. Kunci ataupun pintu kokpit itu dia ada dua buah kunci keselamatan untuk memastikan ia dapat menghindarkan daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti rampasan kapal terbang. Jadi kalau ada perkara ini berlaku disaksikan oleh penumpang, ia bolehlah membuat laporan kepada pihak DCA tentang kejadian-kejadian pintu yang tidak ditutup apabila juruterbang keluar daripada kokpit. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi bangun, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Seri.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, ini cerita lama, perkara lama baharu bawa balik semula. Ramai penumpang AirAsia di Kota Kinabalu merungut tentang kesesakan di Terminal 2 Kota Kinabalu. Jadi mereka bertanya, bilakah AirAsia boleh berpindah ke terminal utama Kota Kinabalu Airport ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan mengenai kesesakan di Terminal 2 ini memang kerajaan akuilah, kerana Terminal 2 di Kota Kinabalu ini merupakan terminal sementara di Kota Kinabalu bagi kerja-kerja pengubahsuaian dan menaiktarafkan Lapangan Terbang Kota Kinabalu di terminal utama. Sebenarnya pembinaan ataupun terminal utama di Kota Kinabalu itu telah siap malah kerajaan telah meminta pihak AirAsia untuk pindah daripada awal tahun 1 Januari tetapi pihak AirAsia mengambil masa yang panjang untuk membuat perpindahan...

■1440

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Berdegil?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Berdegillah. Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan telah membuat arahan kepada AirAsia untuk berpindah pada 1 Ogos kerana dalam rancangan MAHB dan kerajaan kita hendak menutup Terminal 2 di Kota Kinabalu ini dan akan pindahkan semua pegawai penguatkuasaan seperti Imigresen, Kastam untuk kita pindahkan ke terminal utama, Terminal 1 pada 1 Ogos ini.

Jadi saya yakin AirAsia harap dapat bekerjasama dengan kerajaan dan seterusnya memberi keselesaan kepada penumpang-penumpang ke terminal baru yang mana kerajaan telah membelanjakan lebih kurang RM1 bilion untuk memberi keselesaan kepada penumpang-penumpang bagi mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat, semua Ahli Yang Berhormat saya fikir tolong tengok sedikit kita ada 12 rang undang-undang, kita ada empat hari. Semasa Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh berbahas dalam mana-mana rang undang-undang yang berkenaan. Apabila Yang Berhormat sudah berbahas, apabila Menteri jawab mengikut keadaan sebenarnya sudah tidak boleh tanya pada orang lain. Itu untuk melicinkan perjalanan persidangan. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat kemukakan siapa hendak berbahas untuk senang saya buat percaturan masa. Sudah habis Yang Berhormat? Bai lah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa.**]*

[Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila.

2.45 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, susulan daripada Rang Undang-undang Penubuhan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini, maka terdapat pindaan yang berbangkit iaitu *consequential amendment* kepada Akta Angkatan Tentera 1972. Cadangan pindaan yang dibuat ini adalah bagi membolehkan potongan dibuat kepada pencen anggota tentera bagi maksud pembayaran pinjaman perumahan kepada LPPSA.

Dengan pindaan tersebut, maka sekiranya terdapat anggota tentera yang membuat pinjaman perumahan dan pinjaman tersebut masih belum selesai dibayar selepas mereka pencen atau bersara, maka sebahagian daripada pencen atau *gratuity* atau apa-apa geran lain yang diterima oleh anggota tentera itu boleh dipotong untuk menyelesaikan pinjaman perumahan tersebut kepada LPPSA.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk meminda seksyen 185, Akta 77 kepada Akta Angkatan Tentera 1972. Cadangan rang undang-undang ini mengandungi perkara yang berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 185(1), Akta 77 untuk membenarkan pencen, ganjaran atau pemberian lain yang kena dibayar di bawah Akta 77 diserahkan atau dipindahkan bagi maksud menjelaskan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 atau Akta 767 berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan oleh lembaga itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya hendak menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kalau sekiranya ada sesiapa, sila kemukakan nama. Saya dapati tidak ramai hendak berbahas. Kalau tidak, kita akan teruskan.

Kedua apabila dalam peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat juga boleh melibatkan diri kalau sekiranya ada benda-benda yang hendak dibangkitkan ataupun perlu pindaan dan sebagainya. Ini peraturan biasa kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru. Kalau ikut di sini ada seorang sahaja, Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Ada sesiapa lagi? Sila kemukakan kalau hendak berbahas.

2.49 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana keizinan untuk saya membahaskan rang undang-undang ini. Perbahasan saya pendek sahaja. Pertama sekali ialah ada dua fasal yang hendak dipinda.

Fasal 1 berkaitan dengan "Tajuk Ringkas" dan saya rasa itu tidak perlu dibahaskan.

■1450

Fasal 2 seperti yang telah diterangkan oleh Menteri tadi mengenai pembayaran hutang. Pembayaran hutang ini berkaitan dengan subseksyen 185(1), Akta 77. Menteri telah menerangkan salah satu sebab mengapa perlu ada akta ini. Sebab yang disebutkan ialah kerana adanya penubuhan sebuah Lembaga yang baru iaitu Lembaga Pembiayaan. Adakah apa-apa lagi yang mendorong akta ini? Adakah misalnya disebabkan banyak hutang yang tertunggak atau ramai orang yang berhutang belum bayar? Oleh sebab itu, perlu dikuatkuasakan undang-undang seperti ini.

Sekiranya inilah sebabnya, maka saya ingin menyebut bahawa kita perlu memikirkan apakah kemudahan-kemudahan yang boleh kita berikan kepada pegawai-pegawai tentera, terutama yang berpangkat rendah. Kita tahu yang berpangkat rendah ini pendapatannya kecil dan tentu sekali pencennya lagi kecil. Biasanya separuh daripada apa yang diterima dan ada pula antara mereka yang tidak ada pencen oleh sebab pilihan-pilihan dalam perkhidmatan mereka yang tertentu.

Oleh sebab golongan ini, terutama yang berpangkat rendah ini, sudah memberikan khidmat yang begitu baik kepada negara dan kepada rakyat, maka tentulah negara dan rakyat seolah-olah berhutang budi untuk memberikan sesuatu kepada mereka.

Saya tidak mengatakan kita harus lupakan sahaja hutang itu walaupun misalannya orang yang berhutang kepada bank berjuta-juta dilupuskan begitu sahaja. Apa yang saya maksudkan bahawa kita mesti fikirkan bagaimana hendak menolong mereka. Satu misalannya, adakah hutang yang diambil itu mengenakan juga bunga? Sekiranya ada unsur bunga atau faedah, maka saya ingin mengesyorkan supaya tidak ada faedah atau bunga yang dikenakan kepada hutang perumahan, terutama kepada pegawai-pegawai tentera berpangkat rendah.

Kedua, berapakah biasanya jumlah ataupun kadar *percent* hutang yang harus dibayar berbanding dengan gaji mereka? Kalau misalannya kadar hutang yang patut dibayar tiap-tiap bulan adalah tinggi *percentnya* berbanding dengan pendapatan mereka yang rendah itu, maka saya ingin mencadangkan juga bahawa diadakan mekanisme untuk memikirkan atau melaksanakan supaya hutang yang dibayar tiap-tiap bulan itu kadarnya kecil dan tidak menjejaskan gaji atau pencen mereka. Ini akan bererti sangat besar, terutama kepada bukan sahaja pegawai-pegawai rendah tetapi khususnya pegawai-pegawai rendah yang mempunyai anak yang ramai, yang bersekolah ataupun yang belum bekerja. Saya menekankan tadi bahawa ini semua perlu kita fikirkan kerana mengenang budi kepada pasukan tentera yang berhutang itu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mengetahui bahawa kerajaan mempunyai bermacam-macam rancangan perumahan dan ada juga misalannya telah diterangkan dalam Dewan ini tentang rumah yang *rent to buy* ataupun sistem sewa untuk beli. Jadi, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya menggantikan cara berhutang untuk membuat rumah ini dengan cara *rent to buy* ataupun sewa untuk beli. Sewaan untuk beli ini akan lebih meringankan bebanan mereka sama ada waktu masih bertugas ataupun semasa sudah pencen. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Kalau tidak ada lain-lain lagi, saya mempersilakan Yang Berhormat memberi jawapan.

2.55 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali sebentar tadi. Seperti mana yang telah saya jelaskan tadi bahawa apabila kita meminda akta ini, ia bertujuan untuk menyelaraskan terhadap tindakan dan keputusan kerajaan untuk menubuhkan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) yang satu ketika dahulu bahawa pinjaman-pinjaman ini adalah dikendalikan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan.

Perbadanan ini merupakan satu langkah yang dibuat kerajaan untuk menambah baik lagi sistem perkhidmatan pengurusan pinjaman kerajaan. Ia tidaklah bermaksud dengan perkara-perkara yang lain melainkan untuk menambah baik lagi pengurusan dan juga perkhidmatan kepada anggota-anggota kerajaan yang meminjam wang daripada kerajaan untuk maksud membeli rumah.

Beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, memang kita mengambil maklum. Sememangnya menjadi satu tanggungjawab sosial kepada kerajaan untuk memastikan bahawa anggota tentera kita, khususnya daripada pelbagai pangkat sama ada pangkat tinggi ataupun rendah, untuk mendapat kemudahan pinjaman perumahan dan juga mendapat rumah.

Oleh sebab kita harus sedar bahawa anggota tentera merupakan golongan yang telah pun menabur banyak jasa kepada negara ini untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara kita. Oleh sebab itu menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan bahawa mereka ini mendapat pembelaan yang sewajarnya. Beberapa perkara yang harus dilakukan ialah untuk membolehkan mereka mendapat pinjaman perumahan semasa dalam perkhidmatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya pihak kerajaan telah pun menyediakan pinjaman perumahan kepada semua anggota tentera, tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil.PR1.1/2013, di mana apabila seseorang tersebut telah menjadi anggota tetap, ia boleh membuat pinjaman dan sekurang-kurangnya telah pun berkhidmat satu tahun, gaji bersih minimum bulanan tidak kurang daripada 20 peratus daripada gaji terkini setelah ditolak potongan pinjaman perumahan yang dipohon.

Berbanding dengan kakitangan awam yang lain, di mana gaji bersih bulanan tidak kurang daripada 40 peratus.

Kelonggaran syarat-syarat yang telah diubahsuai ini telah membolehkan banyak warga tentera memiliki rumah awal setelah mereka berkhidmat satu tahun dan ke atas. Ini bermakna apabila anggota bersara, mereka telah pun membuat bayaran tiga per empat sekiranya anggota tersebut berkhidmat dalam tempoh 21 hingga 25 tahun. Jumlah hutang pinjaman ini telah mengurangkan beban jangka masa bayaran selepas mereka bersara dan sekurang-kurangnya anggota telah memiliki rumah sendiri selepas bersara.

Jadi, ini yang saya ingin jelaskan di sini. Cadangan Yang Berhormat juga supaya mengenakan *interest free loan* ini merupakan satu cadangan yang boleh dipertimbangkan bergantung kepada keupayaan kerajaan. Walaupun cadangan ini memang baik dan popular tetapi ia juga harus mengambil kira keupayaan kerajaan dan juga harus diselaraskan dengan anggota-anggota perkhidmatan yang lain. Oleh sebab sekiranya ia dikenakan kepada anggota tentera, mungkin juga akan menyebabkan jabatan-jabatan lain juga memohon permohonan yang sama. Ini akan membebankan kewangan kerajaan dengan begitu banyaknya.

■1500

Walau bagaimanapun, apa sahaja perkara-perkara yang boleh memberikan kebajikan kepada anggota tentera kita, kita sedia mempertimbangkan. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya Angkatan Tentera Malaysia mempunyai beberapa buah agensi yang bertanggungjawab untuk membantu golongan tentera ini khususnya untuk mendapatkan perumahan misalnya Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Lembaga Tabung Angkatan Tentera merupakan sebuah agensi yang telah pun terlibat bukan sahaja dalam pelaburan-pelaburan yang memberikan pulangan yang tinggi kepada pencarum-pencarumnya. Sehingga kini, Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah pun mampu memberikan pulangan sehingga 16 peratus kepada caruman-carumannya dan ini merupakan satu rekod yang begitu baik.

Bagi menyediakan perumahan anggota-anggota tentera, pihak LTAT telah membangunkan sekurang-kurangnya di tiga buah tempat, Taman Lembaga Tabung Angkatan Tentera di Bukit Jalil, Mutiara Damansara Selangor dan Mutiara Rini Johor. Walaupun tiga pembangunan ini yang telah pun menjual sekurang-kurangnya 1,650 buah rumah mampu milik kepada anggota tentera yang layak di Johor Bahru, Damansara dan Kuala Lumpur, tetapi pada ketika ini Lembaga Tabung Angkatan Tentera juga dan anak-anak syarikatnya memang bercadang untuk membina 1,068 unit rumah kos sederhana dan 580 unit rumah mampu milik PR1MA di Bukit Jalil serta 748 unit rumah berkembar dua tingkat dan 307 unit rumah teres dua tingkat di Mutiara Rini Johor.

Ini rancangan-rancangan yang telah terlaksana dan akan dilaksanakan. Saya juga difahamkan oleh Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan juga Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B), akan ada banyak lagi projek perumahan yang akan disediakan. Di antaranya, yang telah pun dirangka dan dirancang oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Koperasi Angkatan Tentera yang akan diperbadankan sebagai bank koperasi pada tahun hadapan juga berhasrat untuk mengadakan beberapa projek perumahan yang bertujuan untuk menyediakan perumahan kepada anggota tentera kita.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga telah pun mencadangkan berkaitan dengan rancangan perumahan *rent to buy*. Ini pun merupakan satu cadangan yang baik dan saya berharap Lembaga Tabung Angkatan Tentera akan dapat menggiatkan lagi pembinaan perumahan berbentuk *rent to buy* ini kerana sekurang-kurangnya ini akan dapat menambah keupayaan khususnya golongan angkatan tentera berpangkat rendah untuk mendapatkan rumah. Seperti mana yang kita tahu, akibat kemajuan dan juga pembangunan negara Malaysia, harga-harga rumah telah meningkat dengan begitu tinggi sekali sehingga menyebabkan ramai yang tidak mampu untuk membeli khususnya mereka yang bergaji rendah ataupun yang berpendapatan rendah.

Sudah menjadi satu tanggungjawab sosial kepada agensi-agensi kerajaan ataupun GLC-GLC kerajaan untuk membangunkan sebanyak mungkin rumah mampu milik yang dapat dibeli oleh golongan-golongan ini.

Saya berharap Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan juga bank koperasi angkatan tentera juga di masa akan datang akan dapat menggiatkan lagi usaha-usaha ini memandangkan beberapa buah kawasan tanah-tanah yang bernilai juga yang dimiliki (*land bank*) angkatan tentera juga begitu banyak yang boleh disediakan untuk maksud ini. Jadi, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.07 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia Kedua (CMP2) telah menggariskan strategi-strategi utama untuk memastikan perkembangan pesat sektor pasaran modal Malaysia di samping mewujudkan sebuah rangka kerja pengawalseliaan pasaran modal yang lebih kukuh dan teguh. Strategi-strategi yang telah digariskan dalam Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia kedua ini juga adalah selaras dengan cadangan-cadangan yang telah diputuskan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan juga Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi meletakkan negara sebagai pesaing utama ekonomi di persada antarabangsa dan memastikan negara berada pada landasan yang betul bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Justeru, pihak Suruhanjaya Sekuriti bercadang untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi memastikan undang-undang sekuriti di Malaysia kekal moden dan konsisten dengan perubahan pasaran modal global dan di Malaysia.

Secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 (CMSA) akan:

- (i) memperkenalkan sebuah rangka kerja pengawalseliaan undang-undang baru bagi penjanaan dana masyarakat melalui ekuiti. Dalam bahasa Inggerisnya dengan izin, *equity crowd funding* seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (ii) mengiktiraf Malaysia sebagai negara mesra penghasilan bersih dengan izin, *netting friendly jurisdiction*;
- (iii) membolehkan Suruhanjaya Sekuriti untuk melantik pengurus berkanun untuk tujuan pengurusan krisis bagi pasaran dan institusi-institusi pasaran modal;
- (iv) mengukuhkan perlindungan pemegang saham minoriti berkaitan pengambilalihan dan percantuman;
- (v) mengukuhkan perlindungan pelabur dari segi integriti penzahiran maklumat; dan
- (vi) membuat pindaan kecil dan berbangkit kepada akta sedia ada.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2007, peserta-peserta pasaran di peringkat global telah menggabungkan penggunaan teknologi dalam urusan perniagaan mereka bagi perkhidmatan kepada para pelabur di samping memanjangkan masa dagangan serta pelaksanaan transaksi pada harga yang lebih rendah. Selepas krisis kewangan global, pelbagai sistem perdagangan ataupun *trading system*, alternatif telah muncul untuk mengisi jurang penjanaan dana akibat sekatan *capital* yang telah dikenakan ke atas institusi-institusi perbankan oleh badan piawaian global.

Di Malaysia juga usahawan kecil sederhana dan syarikat yang baru turut mencari saluran alternatif untuk menjana dana atau meningkatkan modal bagi memenuhi keperluan meningkatkan modal mereka sekali gus menangani jurang pembiayaan dan bekalan terhadap modal jangka panjang pada masa ini. Untuk membantu usahawan kecil sederhana dan syarikat yang baru dalam hal ini, rang undang-undang bercadang untuk memperkenalkan subpenggal 4, penggal 2, Bahagian II yang baru ke dalam akta sedia ada.

Rangka kerja pasaran diiktiraf dengan izin, *recognized market* yang baru ini membolehkan penubuhan platform perdagangan saham dan *derivative* yang baru yang memudahkan penjanaan dana masyarakat melalui ekuiti ataupun *equity crowd funding* oleh usahawan kecil sederhana atau baru bermula untuk memperoleh modal melalui pelaburan kecil ekuiti daripada sejumlah besar pelabur.

Proses ini yang juga dikenali sebagai *equity crowd funding* akan dilakukan melalui penggunaan platform atas talian bagi mempromosikan dan memudahkan tawaran usahawan tersebut diakses oleh khalayak pelabur dengan cara yang lebih efisien, terurus dan telus.

Memandangkan pelaburan dalam syarikat perusahaan kecil atau baru bermula ini membawa risiko tersendiri seperti risiko kecairan syarikat dengan izin, *liquidity risk* serta kemungkinan projek yang ingin dimajukan dana pelabur itu gagal, Suruhanjaya Sekuriti akan mewujudkan satu rangka kerja penyeliaan terhadap pengendali pasaran diiktiraf tersebut untuk memastikan pertumbuhan industri ini tidak akan menjejaskan kerangka perlindungan pelabur sedia ada. Ciri-ciri utama bagi rangka kerja pasaran diiktiraf adalah seperti berikut:

- (i) pengendali sesebuah pasaran diiktiraf hendaklah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti;

- (ii) memperuntukkan kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk mengenakan terma dan syarat, mengeluarkan arahan dan menyemak status dan mengubah status pasaran diiktiraf itu kepada pasaran diluluskan dengan izin, *approve exchange* sekiranya risiko pasaran itu meningkat kepada taraf risiko *systemic*; dan
- (iii) memperuntukkan perlindungan kepada syarikat-syarikat persendirian, *private company* yang menawarkan saham mereka di bawah rangka kerja ini daripada didakwa bagi pelanggaran Akta Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, semasa ucapan Bajet 2014, kerajaan telah mengumumkan bahawa satu undang-undang akan digubal bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara *netting friendly jurisdiction*. Berhubung kebolehkuasaan peruntukan penghasilan bersih penamat dengan izin, *enforceability of close-out netting provisions* di bawah perjanjian-perjanjian kewangan. Justeru pada Disember tahun lalu, Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan telah pun diperkenalkan. Walau bagaimanapun, Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan adalah terhad kepada perjanjian derivatif melalui kaunter dengan izin, *over the counter derivative* dan perjanjian beli semula, *repurchase agreement* ataupun Repo.

Justeru untuk melengkapkan rangka kerja negara berkaitan kebolehkuasaan peruntukan penghasilan bersih penamat, rang undang-undang ini bercadang untuk memperkenalkan subpenggal 7, penggal 2, Bahagian II yang baru, bagi merangkumi konteks pasaran yang didagangkan di bursa, pinjaman dan pemberian pinjaman sekuriti dengan izin, *securities borrowing and lending* dan prosiding ingkar oleh bursa dengan izin, *default proceeding*, berkaitan kontrak pasaran bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan pilihan di kalangan negara-negara Asia. Antara lain, subpenggal 7 penggal 2, Bahagian II yang baru akan:

- (i) memberi jaminan undang-undang bahawa penghasilan bersih penamat bagi kontrak pasaran, pinjaman dan pemberi pinjaman sekuriti dan prosiding ingkar oleh bursa berkaitan konteks pasaran boleh dikuatkuasakan; dan
- (ii) memastikan pihak-pihak berkuasa dapat melaksanakan resolusi kewangan secara teratur tanpa menjejaskan penguatkuasaan penghasilan bersih penamat kontrak-kontrak pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Bahagian II, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan memperuntukkan kehendak bagi kelulusan dan kewajipan-kewajipan institusi-institusi pasaran modal. Institusi pasaran modal ini antara lain merujuk kepada institusi pasaran modal diluluskan seperti Bursa Malaysia, pusat penjelasan diluluskan iaitu *clearing house*, dengan izin, dan pengendali pasaran diiktiraf, *recognized market operator*, dengan izin. Walau bagaimanapun, Bahagian II pada masa ini tidak mempunyai peruntukan berkaitan pemulihan dan resolusi sesuatu institusi pasaran modal sekiranya berlaku krisis.

Rangka kerja berkaitan pemulihan atau resolusi sesuatu institusi pasaran modal ini adalah penting untuk memastikan bahawa pasaran modal negara terus beroperasi dengan baik sewaktu krisis supaya tidak menjejaskan perlindungan pelabur dan ekonomi negara. Mengambil kira hal di atas, rang undang-undang akan meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan dengan memperuntukkan sebuah rangka kerja yang khusus berkaitan penerusan operasi, pemulihan atau resolusi bagi institusi-institusi pasaran modal dengan penganalan subpenggal 5A, penggal 2, Bahagian II yang baru bagi memperuntukkan:

- (i) kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk mengarahkan, antara lain suatu pemindahan kawalan atau pemberian akses ke atas suatu perniagaan atau urusan sesebuah institusi pasaran kepada seorang pengurus berkanun yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti, sekiranya difikirkan perlu bagi kepentingan awam dan bagi perlindungan pelabur;
- (ii) kuasa Suruhanjaya Sekuriti dalam menyelia pengurus berkanun tersebut; dan
- (iii) satu kehendak bagi mana-mana orang untuk memberikan bantuan, akses dan maklumat kepada pengurus berkanun itu dalam menjalankan fungsinya.

Peruntukan-peruntukan dan rangka kerja yang dicadangkan di atas juga terdapat di dalam rangka kerja undang-undang pasaran saham negara sejajar dengan saranan prinsip-prinsip bagi institusi-institusi pasaran kewangan oleh Organisasi Suruhanjaya-suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa. Selain itu, pihak Bank Negara Malaysia turut mempunyai peruntukan bagi melantik sebuah institusi perantara di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Subpenggal 5A yang baru ini juga akan memperuntukkan semua peruntukan am berkaitan institusi pasaran modal termasuklah memindahkan seksyen 32 dan seksyen 33, sedia ada ke dalam subpenggal 5A ini dan memperkenalkan seksyen 40G baru yang memperuntukkan kuasa untuk mengenakan suatu yuran tahunan yang perlu dibayar oleh institusi pasaran modal.

Rang undang-undang juga akan meminda seksyen 27 bagi menjelaskan fungsi Suruhanjaya Sekuriti untuk memberi nasihat kepada Yang Berhormat Menteri sebelum Yang Berhormat Menteri membuat satu perintah bagi penutupan atau penggantungan sesuatu bursa saham dan bursa derivatif. Seksyen ini juga akan dipinda bagi memperuntukkan dengan jelas hal keadaan yang perlu dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebelum memberikan nasihat kepada Yang Berhormat Menteri bagi tujuan tersebut.

Selain itu, bagi memudahkan operasi serta memastikan sebaran maklumat mengenai penutupan atau penggantungan sesuatu bursa saham atau bursa derivatif dapat dijalankan dengan pantas dan efisien, rang undang-undang juga akan meminda subseksyen 30(7) bagi memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti boleh menyiarkan perintah penutupan atau penggantungan tersebut melalui akhbar harian nasional berbahasa kebangsaan dan sebuah akhbar harian nasional berbahasa Inggeris berbanding daripada keperluan untuk mewartakan perintah tersebut pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengukuhkan lagi perlindungan untuk pemegang saham minoriti, peruntukan berkaitan pengambilalihan, percantuman dan pengambilalihan paksa di bawah Penggal 2, Bahagian VI CMSA akan dipinda seperti yang berikut:

- (i) memperuntukkan bahawa Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman akan diterbitkan untuk memperuntukkan prinsip-prinsip berkaitan pengambilalihan dan percantuman dan disokong oleh garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti;
- (ii) untuk menjelaskan jenis orang yang boleh dianggap bertindak bersama, dengan izin, *persons acting in concert*;
- (iii) untuk meluaskan peruntukan pengambilalihan paksa di bawah seksyen 222, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan untuk merangkumi sekuriti boleh tukar saham atau bursa derivatif dapat dijalankan dengan pantas dan efisien;
- (iv) bagi memberi kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk melantik penasihat bebas bagi penerima tawaran sekiranya penerima tawaran itu gagal untuk melantik penasihat bebas; dan
- (v) untuk menjelaskan dan menyelaraskan jenis-jenis tindakan pentadbiran yang boleh diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti jika terdapat sebarang ketidakpatuhan terhadap kehendak-kehendak di bawah penggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan fungsi Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan pelabur adalah dilindungi, rang undang-undang akan meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan dengan memasukkan seksyen 59(A) yang baru bagi membolehkan pelabur mengambil tindakan terhadap seseorang orang berlesen bagi salah laku wakilnya.

Seksyen 59(A) yang baru ini akan memantapkan prinsip bahawa seseorang *principal* sebagai contoh, sebuah syarikat broker saham adalah bertanggungjawab terhadap salah laku remisier kerana remisier tersebut adalah bertindak sebagai agen kepada syarikat broker saham itu.

Bagi tujuan ini, seksyen 59(A) ini memperuntukkan bahawa segala kontrak yang mengecualikan tanggungan syarikat broker saham bagi tingkah laku remisiernya terbatal.

■1520

Selain itu, bagi mengukuhkan integriti maklumat di dalam dokumen penzahiran yang diberikan kepada pelabur serta bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan dan penzahiran maklumat tidak terlepas daripada tanggungjawab dan liabiliti masing-masing, rang undang-undang juga akan meminda seksyen 248, 257 dan 273 akta dan memperkenalkan seksyen 280A yang baru. Antara lain, cadangan ini menghendaki pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan sesuatu dokumen penzahiran untuk memaklumkan kepada Suruhanjaya Sekuriti jika terdapat sebarang perubahan material berkaitan dokumen penzahiran itu dan juga membatalkan segala kontrak yang mengecualikan tanggungan pihak penerbit bagi sebarang liabiliti.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga bercadang untuk membuat beberapa pindaan kecil dan berbangkit seperti yang berikut.

Fasal 13, 16, 35 dan 44 akan meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan dengan memotong seksyen 89, 95, 298 dan 371 kerana ia adalah *redundant* memandangkan kehendak di bawah seksyen-seksyen ini adalah turut diperuntukkan di bawah undang-undang sekuriti.

Fasal 15 akan meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan dengan memotong seksyen 94 untuk membenarkan pekerja syarikat broker saham untuk membeli sekuriti melalui seseorang Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang lain dalam hal keadaan yang akan diperuntukkan dalam garis panduan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 14 dan 32 akan meminda seksyen 92A dan 256ZP bagi mengadakan peruntukan pembelaan usaha yang wajar atau dengan izin, *due diligence defense* kepada orang yang telah melanggar seksyen-seksyen ini sejajar dengan seksyen 215 akta sedia ada.

Fasal 17 akan memperkenalkan seksyen 139ZS yang baru bagi membolehkan anggota skim persaraan swasta menamakan mana-mana orang lain untuk menerima apa-apa bayaran selepas kematiannya.

Fasal 18 akan meminda seksyen 160 bagi memperuntukkan bahawa caruman kepada Dana Pampasan Pasaran Modal boleh dipulangkan dalam hal keadaan tertentu.

Fasal 19 akan meminda seksyen 201 untuk meluaskan kesalahan di bawah seksyen ini untuk merangkumi pemberi tips dalam kes perdagangan orang dalam atau *insider trading*.

Fasal 31 akan meminda seksyen 256ZO bagi melanjutkan tempoh serah simpan kepada Suruhanjaya Sekuriti laporan tahunan pengurus pemegang amanah daripada dua bulan kepada empat bulan selepas berakhirnya tahun kewangan.

Fasal 36 akan memperkenalkan subpenggal 3 Penggal 6 yang baru untuk mengadakan peruntukan penetapan produk pasaran modal Islam dan sekuriti Islam bagi produk pasaran modal dan sekuriti.

Fasal 38 akan meminda seksyen 325 bagi menjelaskan bahawa cadangan bagi meminda sebarang peraturan badan pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf juga hendaklah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti terlebih dahulu.

Fasal 39 akan memotong Bahagian IXA dan seksyen 316A hingga 316H Akta sedia ada memandangkan ia kini diperuntukkan di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 seperti yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015.

Fasal 40, 41, dan 42 akan meminda seksyen 354, 355 dan 356 bagi menyelaraskan jumlah penalti yang boleh dikenakan di bawah seksyen-seksyen ini kepada jumlah yang diperuntukkan di bawah seksyen 220, akta sedia ada.

Fasal 43 akan meminda seksyen 369 bagi menjelaskan bahawa kesalahan memberi maklumat palsu kepada Suruhanjaya Sekuriti adalah merangkumi maklumat yang diserahkan kepada atau diserahkan simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 45 akan meminda seksyen 379, memantapkan kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk meluluskan badan alternatif bagi penyelesaian pertikaian pasaran modal atau dengan izin, *alternative dispute resolution body*.

Rang undang-undang ini juga memasukkan peruntukan kecualian dan peralihan untuk menangani isu-isu yang boleh berbangkit berikutan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan. Fasal-fasal lain dalam rang undang-undang ini adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya dapati hanya seorang sahaja yang beri nama. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi.

3.24 ptg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana membenarkan saya untuk turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan pindaan-pindaan cadangan yang dibuat di Dewan yang mulia ini.

Saya ada beberapa isu yang hendak dibangkitkan. Cuma sebelum saya membentangkan isu-isu ini, izinkan saya pada bulan yang mulia ini memulakan perbahasan saya berkenaan dengan rang undang-undang ini dengan sepotong ayat Al-Quran yang relevan dengan isu yang berbangkit. Dalam Surah Al-Muzzammil, Allah SWT berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, "*Dan sebahagian daripada mereka bertebaran di muka bumi Allah untuk mencari rezeki daripada limpahan kurnia Allah dan sebahagian yang lainnya adalah orang-orang yang berjuang di jalan Allah*". Dalam ayat ini, Allah menyamakan taraf orang-orang yang berjuang, berjihad *fisabilillah* dengan orang-orang yang cuba untuk mengaut seberapa banyak khazanah, rezeki, limpahan kurniaan Allah di muka bumi.

Dalam konteks ini, saya kira Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan ini adalah penting untuk kita lihat dalam konteks untuk mengawalselia *behavior* dengan izin, ataupun tabiat manusiawi yang berkecenderungan untuk mengaut keuntungan seberapa banyak tetapi kadang-kadang boleh melakukan penyimpangan dan penyelewengan dari semasa ke semasa sebagai manusia yang terdedah dengan nafsu yang dilatih oleh syaitan yang pelbagai.

Walaupun bulan Ramadan dikatakan syaitan semua telah diikat, tetapi nafsu kita masih ada lagi kerana 11 bulan kita dilatih oleh syaitan. Nafsu yang ada, walaupun bulan Ramadhan tidak ada syaitan, nafsu itu masih ada lagi. Contohnya dalam bazar Ramadhan, ramai yang menjual tetapi menjual kualiti makanan yang amat mendukacitakan walaupun harganya cukup tinggi. Maknanya kecenderungan manusia untuk melakukan penyimpangan dan penyelewengan dalam aspek harta ini cukup tinggi sekali. Oleh sebab itu dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta sesama kamu secara batil.*"

Jadi saya hendak terus menumpukan kepada beberapa pindaan yang dicadangkan oleh pihak kementerian.

Pertamanya, kalau kita lihat dalam Rang Undang-undang Pasaran Modal Perkhidmatan ini, fokus utama diberikan kepada satu bentuk instrumen pelaburan baru yang dikenali sebagai *crowdfunding equity*, dengan izin, iaitu satu bentuk pelaburan yang hari ini menjadi cukup popular di peringkat kewangan global terutamanya dengan pelbagai krisis ekonomi dan kewangan sejak tahun 2007 sehingga 2011 di Amerika Syarikat, di Eropah yang mana banyak negara hari ini pun sampai sekarang masih lagi berhadapan dengan kemelut untuk keluar daripada krisis kewangan yang betul-betul menjadikan negara yang sebelum ini yang kita tidak pernah dengar bahawa negara boleh bankrap tetapi hari ini negara pun boleh jadi bankrap. Contohnya Greece, negara yang hari ini berhadapan dengan krisis kebangkrutan yang cukup merisaukan masyarakat di Eropah khususnya, kerana ia mempunyai kesan apa yang dipanggil sebagai *systemic risk*, dengan izin, ataupun risiko sistemik kepada negara-negara lain.

Cuma dalam konteks ini, apabila kita bercakap mengenai *crowdfunding*, ia bentuk pelaburan yang memanfaatkan penggunaan *online* dengan izin, ataupun pelaburan atas talian. Apabila dikatakan pelaburan atas talian ini, dia adalah pelaburan yang mengguna pakai aplikasi internet, aplikasi *online* yang begitu luas sekali. Melalui aplikasi inilah, contohnya usahawan-usahawan yang hendak mencari modal, dia tidak perlu lagi bersusah payah untuk hendak register sebagai IPO dan sebagainya. Akan tetapi usahawan-usahawan yang kecil dan sederhana umpamanya, mereka hanya boleh gunakan platform *online* untuk menarik seberapa ramai pelabur yang bersedia untuk melabur dalam perniagaan ataupun transaksi bentuk pelaburan tadi yang dianggap sebagai boleh memberikan pulangan yang besar dan tinggi.

■1530

Cuma dalam konteks ini mungkin saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah sudah dikaji segala risiko yang terkandung dalam bentuk pelaburan sebegini terutamanya risiko daripada segi *operational* ataupun operasi?

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap soal *online investment* ataupun pelaburan atas talian ini, sebenarnya risiko paling besar ialah risiko penipuan melalui kaedah moden iaitu atas talian ini bukan sahaja kita tidak bercakap soal pelaburan yang lebih *sophisticated* dan canggih seperti mana yang kita bincangkan dalam rang undang-undang ini. Pelaburan yang mudah hari ini yang rata-rata masyarakat hari ini tertipu, kebanyakannya pelaburan-pelaburan atas talian.

Saya baru minggu lepas, pelajar kepada isteri saya di Universiti Islam Antarabangsa baru *graduate*. Sebenarnya dia datang ke rumah hendak minta hutang Tuan Yang di-Pertua. Minta hutang kerana terpengaruh dengan skim pelaburan atas talian yang menjanjikan pulangan tetap yang nampak begitu lumayan dan rupa-rupanya ini kaedah ataupun pendekatan pelaburan atas talian yang hari ini bergerak secara meluas dan *target groupnya*, dengan izin, golongan mahasiswa yang baru bergraduasi dan memberikan pelbagai bentuk janji-janji yang nampaknya begitu meyakinkan hinggan sanggup untuk berhutang dengan pensyarah sendiri pun dan tanpa rasa malu.

Maknanya, ini pun dalam satu aspek yang positif. Kita boleh tengoklah bagaimana pelajar-pelajar dan graduan-graduan Melayu ini dalam satu aspek dia banyak malu, tetapi dalam aspek hendak berhutang dia tidak malu. Akan tetapi yang kita risanya ialah apabila penipuan sebegini begitu berleluasa. Sebelum ini kita telah banyak dengar contohnya pelaburan emas secara *online*, pelaburan *Forex* secara *online* yang hakikatnya, walaupun nampak begitu meyakinkan daripada segi urus niaganya, tetapi rata-ratanya memang akhirnya *collapse* ataupun jatuh, hancur yang menyebabkan kerugian beribu-ribu ringgit bahkan ada yang rugi berjuta-juta ringgit. Kebanyakannya orang-orang biasa bukannya orang-orang yang *sophisticated* ataupun canggih daripada segi pemikiran, daripada segi ilmu pelaburan dan sebagainya.

Oleh sebab itulah saya ingin bertanya juga dalam konteks pasaran modal sebegini, yang mana saya kira Suruhanjaya Sekuriti mempunyai tanggungjawab yang begitu besar dan Kementerian Kewangan yang mempunyai tanggungjawab secara langsung terhadap kestabilan di dalam memastikan segala urus tadbir dan juga kawal selia pasaran yang memberikan kebenaran kepada bentuk pelaburan baru yang memanfaatkan *online* seperti ini tidak terdedah kepada risiko-risiko seperti mana yang disebutkan tadi.

Apatah lagi dalam konteks ini, sebenarnya banyak kajian yang terkini ataupun *contemporary* menunjukkan bahawa antara risiko-risiko besar yang dihadapi dalam konteks *crowd funding equity* ini ialah seorang pelabur dia tidak dapat benar-benar melakukan proses *due diligence*, dengan izin, ataupun menyelidik secara tuntas. Apa prospek sesuatu urus niaga pelaburan ataupun *business*, perniagaan yang hendak dijalankan secara konvensional, secara seperti mana secara profesionalnya kita boleh melihat daripada segi *feasibility studies*nya, kita boleh melihat kertas-kertas cadangan secara tuntas.

Akan tetapi dalam konteks ini rata-ratanya *due diligence* itu selalunya tidak diambil berat kerana kebanyakannya dilakukan secara atas talian. Jadi atas aspek ini saya kira penting untuk dilihat apakah kita telah melakukan suatu bentuk kajian dan penelitian sama ada risiko-risiko yang boleh muncul ataupun wujud daripada corak urus niaga yang baru seperti ini tidak akan akhirnya menjejaskan kestabilan dari segi pasaran modal dan juga kestabilan ekonomi dan kewangan negara secara keseluruhan. Ini kerana kita tahu bahawa banyak negara seperti mana yang saya sebutkan tadi Greece ataupun negara yang dipanggil sebagai PIGS, bukan babi. PIGS, Portugal, Ireland, Greece dan Sepanyol.

Negara ini berhadapan dengan kebangkrapan sejurus selepas krisis kewangan dan krisis ini berlaku kerana satu dua transaksi yang akhirnya *spill-over effect* ataupun kesan gandaan ataupun kesan *multiplier* yang lain yang akhirnya menjadi satu *systemic risk* ataupun risiko sistem kepada seluruh negara. Jadi sebab itulah kalau kita bercakap soal rang undang-undang seperti ini, banyak negara bila memperkenalkan satu undang-undang untuk mengawal selia pasaran modal, pasaran kewangan, akhirnya objektifnya adalah untuk menjaga kepentingan rakyat secara keseluruhan *public order* ataupun *public interest*.

Akhirnya untuk memastikan tidak berlakunya krisis rentetan daripada risiko-risiko yang gagal untuk kita mengenal pasti dan gagal untuk kita melakukan penyelidikan secara tuntas. Ini antara perkara-perkara yang saya ingin tahu sama ada sudahkah Kementerian mengenal pasti risiko-risiko ini dan kita hendak tahu juga selain daripada isu-isu yang saya bangkitkan, apa lagi risiko-risiko lain yang boleh wujud daripada bentuk pelaburan baru seperti *crowd funding equity* ini.

Saya juga ingin mengetahui, berapakah syarikat-syarikat ataupun organisasi-organisasi yang telah pun menawarkan skim *crowd funding equity* sehingga menyebabkan kerajaan hari ini mencadangkan supaya diperkenalkan pindaan terhadap Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan ini. Berapa juga nilai pelaburan dalam bursa pada ketika ini supaya kita mendapatkan gambaran sejauh manakah kepentingan untuk kita benar-benar melakukan bukan sahaja meluluskan rang undang-undang ini, tetapi juga bagi Kementerian dan juga Suruhanjaya Sekuriti melakukan satu ataupun mengadakan garis panduan-panduan yang lebih bersifat terperinci - *detail guidelines* dengan izin, untuk memastikan urus tadbir, untuk memastikan kesihatan pasaran ataupun *market health* akan terjamin. Itu dalam konteks pindaan ataupun fasal 9 yang dicadangkan sebagai pengenalan yang pertama.

Keduanya pula tadi, Yang Berhormat Menteri juga ada sebutkan hasrat Malaysia sebagai sebuah negara dengan izin, *netting friendly jurisdiction*. Sebenarnya istilah *netting friendly jurisdiction* ini dia terkait dengan instrumen kewangan yang hakikatnya menghantui masyarakat dunia hari ini iaitu instrumen yang dikenali sebagai *instrument derivative*. *Instrument derivative* ini sebenarnya satu instrumen yang sebenarnya bila saya kata menghantui komuniti dunia, ini sebenarnya dia macam hantu raya juga. Dia boleh kejar tuan, puan yang memperkenalkannya, yang dok bayar hidupnya selama ini tetapi tiba-tiba tuan dia matikah, dia cari tuan baru. Ini macam itu juga.

Pada peringkat awalnya, instrumen ini diperkenalkan dengan objektif yang baik oleh pencetus idea instrumen ini tetapi akhirnya disalahgunakan oleh mereka yang selepas daripada itu. Apa yang saya boleh beri contoh dalam konteks *derivative* ini pada era 1960-an, 70-an *instrument derivative* diperkenalkan. Untuk pengetahuan semua juga, *derivative* ini adalah sebuah instrumen yang kewangan. Semua kewangan, dia bukan aktiviti ekonomi benar. Dia bukan macam apa yang kita sebut sebagai *the real economy*, dengan izin.

Bila kita cakap *the real economy*, ini memang ekonomi benar. Maknanya setiap produk, setiap perkhidmatan yang lahir ataupun yang tumbuh dalam sesebuah negara itu adalah sebagai satu *indicator* kepada KDNK iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar. Maknanya dia melibatkan usaha yang benar, dia melibatkan aktiviti rakyat dalam mendapatkan perolehan secara benar, secara hakiki.

Akan tetapi apabila kita bercakap sebagai instrumen kewangan, dia hanya sebenarnya dia boleh disalahgunakan hanya untuk memperkayakan segelintir orang yang kaya boleh menjadi lebih kaya. Ini kerana yang paling penting dia ada duit permulaan yang besar dan dia boleh mengguna pakai instrumen ini untuk menjadi lebih kaya tetapi *at the expand of the minority* ataupun, dengan izin, akan menyebabkan orang yang tidak ada apa-apa akan terjejas teruk.

Ini yang berlaku kepada krisis kewangan tahun 2007 hingga 2011. Kenapa saya sebutkan sedemikian, pada peringkat awal apabila instrumen *derivative* ini diperkenalkan kepada sekitar tahun akhir penghujung 60-an, awal 70-an, tujuan utama adalah sebagai sebuah instrumen untuk lindung nilai ataupun diistilahkan dengan izin, *hedging instrument*. Apa yang dimaksudkan dengan *hedging instrument* ataupun instrumen lindung nilai kerana kita terdedah dengan ekonomi pasaran global, masing-masing ada wang tersendiri umpamanya. Kita eksport kelapa sawit ke negara Amerika umpamanya ataupun ke negara Eropah.

■1540

Kita bukan menggunakan mata wang Ringgit Malaysia, kita terpaksa menukar mata wang kepada mata wang asing. Akan tetapi isunya apabila harga barang itu ditentukan oleh pasaran tetapi terdedah pula dengan harga mata wang, kadar mata wang yang naik turun. Jadi, mana-mana peniaga dia hendak lindung nilai mata wang ini supaya kos dia tidak akan terjejas bukan hanya kerana harga pasaran yang naik turun tetapi juga harga mata wang juga boleh naik turun. Oleh sebab itulah ada instrumen lindung nilai, *hedging instrument* seperti *profit rate swap*, *cost currency swap*, *FX forward* dan sebagainya dengan izin, yang diguna pakai untuk melindungi nilai.

Maknanya, tujuan awal cukup baik sekali hendak melindungi nilai supaya pelabur ataupun peniaga tidak terdedah kepada risiko *losses* ataupun kerugian; risiko kerugian yang besar lantaran bukan kerana produk yang hendak dijual, tetapi mata wang yang berubah-ubah. Itu *noble* objektif ataupun objektif asal yang baik. Akan tetapi, lama-kelamaan instrumen ini digunakan oleh golongan yang seperti mana yang saya sebutkan tadi; golongan rakus untuk menjadi kaya dengan mengguna atau mengeksploitasi kekayaan modal yang dia ada, yang akhirnya menyebabkan orang lain merana. Apa yang berlaku ialah instrumen ini bukan hanya digunakan sebagai lindung nilai ataupun *hedging*, tetapi dia lebih berupa spekulatif *trading* ataupun *investment*, dengan izin.

Maknanya, aktiviti pelaburan bersifat spekulasi yang penuh dengan nilai-nilai perjudian, nilai-nilai ketidakpastian yang akhirnya menyebabkan apa yang berlaku pada tahun 2011 umpamanya, kalau kita lihat daripada segi market pasaran, tahun 2011 *over the counter*, *derivative market* ataupun pasaran *over the counter derivative* ini. Nilai *derivative* yang secara *over the counter* ini sahaja dengan izin, bernilai USD700 trilion iaitu 10 kali lebih daripada nilai KDNK. Semua negara seluruh dunia kalau kita *combine*, kalau kita jumlahkan KDNK dia, nilai instrumen *derivative* melebihi 10 kali. Maknanya, dia tidak mewakili nilai barang produk perkhidmatan benar yang terhasil di dalam negara, tetapi ia hanya berasaskan spekulasi kerana nilai kewangan ataupun instrumen ini berasaskan spekulasi. Tidak menggambarkan *the real economic activities underground*, dengan izin.

Jadi apa yang berlaku pada tahun 2007 hingga tahun 2011, apabila institusi kewangan berhadapan dengan kerugian, antara penyebab utama kepada kerugian negara-negara saya sebutkan tadi adalah kerana penyalahgunaan instrumen *derivative* tersebut. Ini sehinggakan seorang pakar pelabur ataupun pelabur antarabangsa yang tersohor, *Warren Buffet*, dia menyebutkan dalam syarahan perdananya yang begitu terkenal pada tahun 2002, dia sudah pun memberi satu ancaman apakah yang berlaku sekiranya dunia terlalu mempertuhankan instrumen *derivative* ini. Katanya dengan izin, "*It's a weapons of financial mass destruction.*" Akhirnya terbukti.

Ini kerana ini jugalah- instrumen *derivative* ini jugalah penyebab kepada kebangkrapan negara. Bukan individu tetapi negara, bukan sahaja institusi. Institusi yang dulunya kita tidak pernah terfikir akan jatuh, bank-bank besar seperti Citibank, seperti banyak bank di negara Amerika Syarikat yang dianggap sebagai *too big to fail*, terlalu besar untuk rugi tetapi akhirnya rugi dan melibatkan ratusan ribu orang yang tidak ada kerja, yang akhirnya hidup papa kedana.

Oleh sebab itulah bila kita bercakap soal rang undang-undang ini, saya sebenarnya bila saya membaca fasal 11 yang memasukkan subpenggal baru 7 ke dalam penggal 2, Bahagian II, Akta 671 ini. Ini disebutkan dalam itu, kalau saya boleh baca subpenggal baru ini; subpenggal baru ini turut memperuntukkan tiada tindakan oleh mana-mana badan pengawal di bawah mana-mana undang-undang bertulis termasuklah kuasa yang berkaitan dengan pengurusan risiko *systemic* atau kestabilan kewangan, atau kuasa untuk mengambil kawalan atau mentadbir perniagaan, hal ehwal dan harta boleh menjejaskan hak pihak-pihak di bawah peruntukan penghasilan bersih atau urusan tatacara ingkar yang berhubungan dengan kontrak itu.

Saya tidak tahulah sama ada kita faham atau tidak. Akan tetapi apa yang saya faham, minta diperbetulkan oleh Yang Berhormat Menteri kalau saya salah. Akan tetapi kefahaman saya ini kerana kita hendak menjadikan negara kita ini *netting friendly jurisdiction* membolehkan *derivative instruments*- instrumens *derivative* ini diurusniagakan secara meluas dalam pasaran modal kita hari ini dan kita memang hendak jadi satu hak kewangan dalam konteks itu. Dalam konteks ini, hak *derivative* di peringkat ASEAN ini.

Jadi seolah-olah kita melonggarkan daripada segi kita punya kawal selia dengan mencabut tindakan ataupun kuasa badan pengawal seperti Suruhanjaya Sekuriti kalau saya faham di bawah mana-mana undang-undang bertulis, termasuklah kuasa yang berkaitan dengan pengurusan risiko sistemik ataupun *systemic risk management* atau kestabilan kewangan ataupun kuasa untuk mengambil kawalan atau mentadbir perniagaan dan sebagai seperti mana yang saya sebutkan, yang boleh menjejaskan hak pihak-pihak di bawah peruntukan. Maknanya hak pihak-pihak institusi-institusi kewangan yang menawarkan produk instrumen ataupun institusi yang *subscribe* mengguna pakai *derivative* ini dipertahankan.

Maknanya seperti mana yang saya sebutkan, ini perkara yang saya ingin penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan, apakah dalam aspirasi kita hendak menjadikan kita negara yang *netting friendly jurisdiction*? Kita seolah-olah nampak dari situ yang saya faham, kalau salah tolong perbetulkan, kita mempermudah ataupun melonggarkan urus tadbir dan kuasa kawal selia pihak berautoriti dengan memberikan lebih banyak hak kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab. Jadi ini perkara yang pertama.

Keduanya dalam konteks ini juga, saya ingin pihak kementerian untuk memberikan pencerahan kepada Dewan yang mulia ini, berapakah sebenarnya nilai *derivative* kedua-dua *over the counter* dan juga *market trader derivative*? Ini kerana dalam konteks rang undang-undang ini seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kalau akta ini hanya memfokuskan kepada instrumen *derivative* yang berada dalam pasaran, *Market-trade exchange derivative*, dengan izin, bukannya *over the counter*. Ini kerana kalau *over the counter*, ada akta lain yang menjaganya.

Akan tetapi apa-apa pun, bila kita bercakap soal instrumen *derivative*, kita pun hendak tahu berapa banyak sebenarnya, berapa sebenarnya nilai *derivative* supaya kita di Dewan yang mulia sentiasa diberikan satu pencerahan berapa sebenarnya *exposure* kita, pendedahan kita pada risiko-risiko yang sebenarnya kalau di negara Eropah, inilah risiko yang dibimbangi yang akhirnya boleh mencetuskan suatu fenomena krisis kewangan apabila berlakunya krisis dan sebagainya.

Jadi, ini perkara yang mungkin pihak kementerian boleh memberikan pencerahan. Bukan bermakna saya menolak rang undang-undang ini, cuma kita inginkan pencerahan yang lebih lagi. Ini supaya kalau kita menyokong pun, menyokong dengan ilmu, menyokong dengan satu kepastian bahawa hak rakyat dan juga kepentingan rakyat terbanyak di luar sana sentiasa terpelihara.

Seperti mana yang saya sebutkan tadi, kita tidak boleh hanya meluluskan rang undang-undang ini, tetapi kita tidak faham bahawa sebenarnya rang undang-undang ini memberi kesan sistemik kepada sistem kewangan kita yang mana kalau apa-apa berlaku pada sistem kewangan negara, pasaran modal kita *collapse*, dia akan memberi kesan gandaan dan kesan *multiply effects* dan akhirnya boleh menyebabkan rakyat secara keseluruhannya akan terdedah dengan risiko tersebut.

Isu yang ketiga yang saya ingin bangkitkan ialah cadangan fasal 45, seksyen 379 yang dipinda yang mana di bawah seksyen ini, pihak rang undang-undang ini memberi-minta maaf, memberi kuasa untuk mewujudkan sebuah badan alternatif bagi penyelesaian pertikaian pasaran modal atau, dengan izin, *alternative dispute resolution* (ADR). ADR ini satu bentuk penyelesaian pertikaian di luar mahkamah, sama ada menggunakan prinsip *arbitration* ataupun *mediation* ataupun mana-mana cara di luar mahkamah.

■1550

Pada hakikatnya, secara umumnya bagi saya ada satu pendekatan yang baik bagi memastikan kalau berlakunya pertikaian itu dapat diselesaikan dengan lebih efisien, dengan lebih berkesan dan lebih cepat berbanding dengan proses mahkamah yang memakan masa yang biasanya lama. Cuma dalam konteks ini, saya juga ingin tahu, apakah sebenarnya agenda memastikan *Alternative Dispute Resolution* ini menjadi satu agenda besar Kementerian Kewangan? Apabila saya kata menjadi agenda besar kerana saya cuba untuk membandingkan negara kita dengan negara jiran, Singapura.

Singapura sudah lama menjadikan ADR ini sebagai sebuah platform penyelesaian pertikaian yang diiktiraf bukan sahaja negara serantau bahkan negara dunia. Saya beberapa kali pernah menjadi saksi dipanggil *expert witness* bagi institusi kewangan di Singapura dan saya nampak bagaimana infrastruktur dan bagaimana kesediaan institusi-institusi kewangan terutamanya menyelesaikan pertikaian mereka di Singapura melalui *Alternative Dispute Resolution* melalui *arbitration* yang mana kos di sana secara relatifnya lebih rendah berbanding dengan di Malaysia. Itu pandangan ataupun sentimen dalam pasaran.

Saya rasa kalau kita sebagai sebuah negara yang mempunyai cita-cita besar untuk menjadi hab kewangan, bukan sahaja kewangan konvensional tetapi juga kewangan Islam. Kita harus mempunyai sebuah rangka kerja yang bersifat komprehensif dan holistik. Bukan sahaja menyediakan sistem perundangan yang lengkap, menyediakan prasarana yang baik, mempunyai institusi-institusi kewangan sama ada perbankan, pasaran modal, insurans, takaful yang begitu berdaya saing tetapi juga akhirnya daripada segi pertikaian, menyelesaikan pertikaian juga kita perlu ada infrastruktur dan prasarana yang berkesan, yang akhirnya memberikan suatu rangsangan, keyakinan masyarakat kewangan antarabangsa.

Maknanya mana-mana institusi yang hendak mengurus niaga, dia tahu bukan sahaja kalau dia datang ke Malaysia dia tahu bahawa negara kita dikawal selia dengan baik, ada peraturan yang baik, ada ketelusan yang baik, ada infrastruktur prasarana yang baik tetapi juga kalau berlaku pertikaian boleh diselesaikan dengan cara yang efisien dan efektif. Ini antara sentimen besar mana-mana organisasi institusi kewangan besar di peringkat antarabangsa. Ini kerana ia hendak *complete*, ia hendak satu kitar operasi yang sempurna daripada 'A' sehinggalah 'Z', sehinggalah habis suatu transaksi ataupun urus niaga tersebut.

Jadi adalah wajar bukan sahaja negara melihat ADR ini, *Alternative Dispute Resolution* ini sebagai satu kaedah alternatif untuk penyelesaian. Apa sahaja pertikaian yang mungkin timbul antara pemain-pemain industri ini, selain daripada menggunakan sistem mahkamah. Dalam konteks itulah, sebab itu saya hendak tanya apakah agenda ini dijadikan satu agenda besar negara. Kalau tidak, kenapakah? Kalau ya, apakah strategi untuk memastikan ia benar-benar dilihat sebagai satu bentuk atau satu yang memang benar-benar boleh merangsang minat masyarakat industri kewangan antarabangsa itu datang ke Malaysia?

Contohnya daripada segi fi yang dikenakan, ADR kerana dalam mentaliti komuniti perundangan, saya bukan orang perundangan kena tanya Yang Berhormat Senator Khairiahlah.

Orang daripada komuniti kewangan dia punya pemikiran kalau pergi ke mahkamah, pergi ke ADR mahkamah walaupun lambat ia lebih murah tetapi ADR, pergi *mediation*, *arbitration*, kita ada *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* tetapi dianggap ini sentiment bahawa lebih mahal. Jadi ini perkara-perkara yang perlu kita perhalusi.

Bukan itu sahaja daripada segi apabila kita bercakap soal agenda, maknanya daripada segi modal insan, apakah kita mempunyai *arbitrator-arbitrator*, mereka yang menjadi *mediator*, orang tengah ini yang benar-benar diiktiraf di peringkat antarabangsa? Memang diyakini oleh masyarakat antarabangsa, mempunyai kredibiliti untuk menyelesaikan isu-isu ini seperti mana di negara-negara luar termasuklah negara jiran seperti mana saya sebutkan tadi.

Akhir sekali isu yang saya hendak bangkitkan dalam akta ini juga berlaku pindaan yang disebutkan berkenaan dengan produk-produk kewangan Islam dalam pasaran modal Islam ini, dalam konteks kawal selianya. Saya tidak pastilah sama ada - sebab di dalam ini tidak diterangkan secara tuntas. Saya ingin mendapatkan pencerahan daripada pihak Kementerian Kewangan, berkenaan dengan instrumen-instrumen kewangan Islam yang hari ini begitu subur terhasil di dalam urus niaga pasaran modal Islam di negara kita. Memang kita tak boleh nafikan Yang Berhormat Menteri Datuk Ahmad Maslan berulang-ulang kali menyebutkan pasaran sukuk kita pasaran antara yang tertinggi di dunia, 65 peratus pasaran sukuk antarabangsa adalah dari Malaysia.

Sukuk ini untuk pengetahuan semua bukan hanya sekadar instrumen kewangan yang bersifat untuk pinjam meminjam, kalau daripada segi bahasa mudahnya. Ini kerana banyak sentiment yang timbul dalam media sosial apabila disebutkan 1MDB terlibat dengan sukuk dan sebagainya. Risikonya seolah-olah sama dengan bon. Saya rasa itu satu pemahaman yang silap. Perbezaan paling besar di antara sukuk dengan bon ini, kerana bon ini hanya sekeping kertas yang menunjukkan bahawa anda berhutang dengan saya sahaja, *I owe you*. Akan tetapi sukuk ini instrumens kewangan, sebuah dokumen yang memberikan suatu justifikasi atau pengiktirafan bahawa mana-mana pihak pelabur yang memiliki sukuk tersebut, dia pemilik kepada sesuatu aset.

Maknanya instrumen itu ia terkait dengan instrumen ekonomi benar. Itu yang membezakan instrumen kewangan Islam dengan instrumen konvensional. Kalau konvensional yang berasaskan riba ini ataupun faedah, ia hanyalah sekeping kertas yang menjanjikan pulangan tanpa terkait dengan aktiviti ekonomi benar. Berapa nilai produk dan juga perkhidmatan yang terhasil dalam sebuah negara, ia hanya sekeping kertas? Oleh sebab itulah, apa yang berlegar dalam dunia kewangan antarabangsa ini hanyalah buih-buih yang menanti masa untuk pecah, sebab itulah apabila kewangan yang terhasil daripada riba ini memang akhirnya terbukti.

Tahun 2007 apabila berlakunya krisis, wang orang tidak boleh bayar ia mempunyai *spiral effect*, kesan gandaan dan kesan yang dikenakan kepada semua. Itu sebab kenapa IMF dan juga World Bank melihat apakah sistem kewangan Islam ini boleh menjadi sistem alternatif kepada sistem konvensional? Oleh sebab itu dalam Al-Quran, Allah SWT menyebutkan secara jelas dalam surah Al-Baqarah yang disebutkan... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ekonomi apa ataupun sistem yang berasaskan riba ini ia tidak boleh kekal lama kerana ia tidak ada *value*, tidak ada nilai. Ini terbukti apabila instrumen kewangan ini tidak ada nilai, apabila ia pecah ia menghancurkan bukan sahaja negara tetapi rakyat secara keseluruhannya.

Akan tetapi dalam konteks sukuk umpamanya, siapa sahaja yang beli sukuk, katakan yang hari ini 1MDB dia beli sukuk ataupun mengeluarkan sukuk, ia terkait dengan aset. Kalau apa-apa berlaku, apabila berlaku pertikaian pelabur ia tidak akan hilang semua. Ia masih ada aset lagi untuk dia dengan izin, *re-cost* ataupun dia dapat balik aset tersebut. Ini yang berlaku kepada dalam- kalau boleh saya bagi contoh, bagaimana berlaku di Amerika Syarikat.

Sebuah syarikat *East Cameroon* sebuah syarikat yang seperti mana 1MDB juga yang mengoperasikan gas yang mengeluarkan sukuk, tetapi akhirnya berlaku pertikaian kerana ia tidak mampu untuk bayar duit kepada pelabur.

Akhirnya pelabur bawa isu itu ke mahkamah dan mahkamah putuskan bahawa walaupun syarikat itu bankrap tetapi pelabur masih lagi memiliki pelan-pelan ataupun pusat-pusat pengoperasian gas tersebut. Ini kerana apa? Ini kerana sukuk tadi mengisytiharkan bahawa ia pemilik benar kepada aset tersebut. Maknanya ini membezakan sukuk dengan instrumen kewangan seperti instrumen bon dan sebagainya. Jadi kita kena bezakan.

Cuma persoalannya, apabila kita mengadakan peruntukan dalam rang undang-undang ini, soalnya saya perlukan pencerahan daripada pihak kementerian dan juga Suruhanjaya Sekuriti, apakah di sana ada satu garis panduan kawal selia? Bagaimanakah instrumen-instrumen kewangan Islam ini benar-benar memenuhi prinsip-prinsip syariah yang betul? Oleh sebab ini pasaran modal ia berbeza dengan pasaran dalam bidang perbankan dan juga takaful. Dalam bidang perbankan dan juga takaful kita ada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam yang diluluskan di Dewan yang mulia ini pada tahun 2013, yang mana kalau didapati mana-mana pihak menyalahgunakan istilah patuh syariah, yang menyalahgunakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya.

■1600

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat sudah cukup bagus menerangkan. Sudah itu. Saya rasa tidak ramai hendak bercakap ini. Saya rasa apa yang penting sekali sebelum kita luluskan, elok agak Yang Berhormat, apa yang itu teruskan beri penjelasan seluas-luasnya. Tidak ramai yang faham ini Yang Berhormat, saya tahu.

Saya harap perkara ini akan menjadi undang-undang. Kita bertanggungjawab kepada perkara-perkara ini. Masa banyak Yang Berhormat. Tidak mengapa, ini rang undang-undang kita ini terlibat pun tidak ramai. Saya anggap yang boleh bercakap itu terus sahajalah bercakap. Bagi saya, silakan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi pada bulan Ramadan ini saya pun, bila Tuan Yang di-Pertua sudah *stop* saya ini, saya pun sudah hilang idea [*Ketawa*]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Akan tetapi pokoknya, apa yang saya sebutkan tadi penting untuk kita faham perkara ini seperti mana Tuan Yang di-Pertua sebutkan, kerana ini tanggungjawab kita sebagai Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara yang bakal meluluskan akta ini. Ini kerana saya hendak bangkitkan tadi persoalan berkenaan dengan instrumen kewangan Islam. Ini kerana kalau di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang diluluskan di Dewan yang mulia ini, kita ada peruntukan yang jelas. Maknanya hak rakyat di luar sana, kepentingan rakyat di luar sana, kepentingan masyarakat di luar sana terbela.

Maknanya kalau berlaku penipuan ataupun instrumen itu kononnya dikatakan didakwa sebagai patuh syariah, tetapi hakikatnya tidak patuh syariah pun. Guna label sahaja, guna nama sahaja. Kita boleh dakwa syarikat institusi kewangan tersebut dan institusi kewangan tersebut *Board of Directornya* atau Lembaga Pengarahnya, penasihat syariahnya, pengurusan boleh dikenakan denda sehingga kalau tidak silap saya RM25 juta ataupun penjara lapan tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Ini satu peruntukan saya kira amat besar yang saya kira setakat pembacaan saya, Malaysialah antara negara yang paling keras dan paling kuat daripada segi peruntukan undang-undang hendak menjaga kepentingan rakyat daripada segi hendak memastikan institusi kewangan yang menggunakan label Islam, yang menggunakan label patuh syariah, benar-benar menepati setiap prinsip, setiap falsafah, setiap apa yang disebut tadi. Maknanya rakyat di luar sana tidak perlu risaulah.

Akan tetapi dalam konsep pasaran modal ini. Inilah yang saya rasa perlukan pencerahan lebih lagi. Apakah di sana ada peruntukan yang sama kerana dalam rang undang-undang tidak dijelaskan apa yang kita dapat ini.

Minta maaf, saya pun tidak sempat hendak pergi kepada akta *the main act* tu, akta ibu. Akta ibu itu saya tidak sempat lagi tetapi ini penting untuk kita dapat pencerahan kerana walaupun tidak ada dalam akta, kuasa diberikan kepada pihak pengawal selia. Dalam konteks ini, pasaran modal dikawal selia oleh Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti kalau kita bercakap soal sukuk umpamanya. Ini sebab saya bercakap ini berasaskan apa yang berlaku di luar sana di negara di luar pada Malaysia. Banyak sekali penipuan-penipuan berlaku di pasaran-pasaran modal atas label Islam.

Ini kerana di luar sana tidak ada kawal selia seperti mana Malaysia dan kita tidak ada pasaran modal Islam. Akan tetapi institusi-institusi bebas menggunakan label Islam untuk mengeluarkan sukuk-sukuk tetapi tidak ada garis panduan dan undang-undang yang menyelia perkara ini. Oleh sebab itu yang berlaku di luar Malaysia ada dua bentuk sukuk sebenarnya. Satu dipanggil *asset-based sukuk*, dengan izin, satu lagi *asset-back sukuk*. Satu sukuk yang mana saya sebutkan yang mana ia *genuine*, bila mana katakan sukuk ia mesti ada disandarkan dengan aset benar. Maknanya saya sebagai pemilik sukuk tersebut, saya memilik tanah tersebut. Kalau apa-apa berlaku, saya boleh pergi balik kepada tanah itu. Itu maksudnya.

Akan tetapi ada sukuk yang dibuat, yang dikeluarkan, yang diterbitkan oleh institusi-institusi ini yang mana nama sukuk tetapi di belakangnya tidak adapun aset benar. Itu yang berlaku apabila krisis baru-baru ini di Dubai, terbukti beberapa buah syarikat yang mana saya sendiri pun terlibat secara langsung. Selepas daripada itu, untuk menstrukturkan beberapa buah institusi ini saya dapati yang dikatakan sukuk ini yang dinamakan institusi kewangan ini tidak adapun aset di belakangnya. Itu yang seolah-olah ada *basic and discuss*, dengan izin.

Apa yang berlaku apabila krisis, baru terbuka segala penipuan ini. Oleh sebab itulah kita tidak mahu apa yang berlaku di luar berlaku di dalam negara kita. Kita hendak supaya kalau kita keluarkan sukuk, sukuk itu atas nama syariah *compliance* atau label mematuhi syariah. Ia betul-betul patuh syariah bukan hanya di bibir-bibir sahaja.

Kalau dikatakan penasihat syariah, luar pun ada penasihat syariah. Apa yang institusi-institusi yang saya sebutkan tadi menggunakan label-label Islam ini, ia diluluskan oleh penasihat syariah. Akan tetapi bezanya di Malaysia, penasihat syariah mesti mendapat lesen. Kalau dalam konteks Institusi Kewangan Perbankan dan Takaful, ia kena dapat lesen dari Bank Negara. Dalam Suruhanjaya Sekuriti, dalam pasaran modal, dia kena dapat lesen daripada Suruhanjaya Sekuriti. Cumanya lesen sahaja tidak cukup. *Approval* ataupun dengan izin, persetujuan daripada penasihat syariah, itu sahaja tidak cukup. Kita hendak pastikan bahawa benar-benar struktur itu, yang dikeluarkan itu benar-benar patuh syariah.

Oleh sebab itu saya hendak tahu pertamanya daripada pihak kementerian, kalau kementerian boleh berikan penjelasan kepada kita berapa banyak *asset-based sukuk*? berapa banyakkah *asset-based sukuk*? Ini memang saya tahu Suruhanjaya Sekuriti Bursa Malaysia ada data-data ini. Ia mempunyai kaitan juga. Kedua berikan penjelasan kepada kita supaya kita rasa tenang. Kalau kita lulus dalam undang-undang ini, ini bahawa ada mandat tertentu kepada Suruhanjaya Sekuriti, kepada Bursa Malaysia, kepada pengawal-pengawal selia untuk memastikan segala urusan niaga yang berkait rapat dengan patuh syariah ini benar-benar ada perinciannya secara holistik bukan hanya ada penasihat syariah tetapi daripada segi parameter-parameter yang ditetapkan dan sebagainya.

Saya rasa ini perlu diberikan penjelasan kepada kita supaya kita merasa yakin bahawa rang undang-undang ini ada manfaatnya untuk menjaga kepentingan rakyat di luar sana, barulah kita boleh secara bangga kita boleh mengatakan bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara yang mempunyai urusan tadbir, kawal selia syariah dalam konteks pasaran modalnya yang benar-benar berwibawa dan bersifat komprehensif. Saya juga ingin meminta pihak Kementerian Kewangan memberikan pencerahan kepada kita apakah sebenarnya *route map* ataupun rancangan besar negara untuk akhirnya pasaran modal kita ini untuk menjadikannya sebagai benar-benar pasaran modal yang didominasi oleh instrumen-instrumen kewangan Islam sejajar dengan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam.

Kenapakah saya kata penting perkara ini? Sebab ia berkait dengan macam-macam isu lain. Hari ini ramai keresahan orang di luar sana sentiasa membangkitkan apakah ASB ini halal ke haram. Apakah pelaburan ini halal atau haram? Ini semua berkait dengan berapa banyak instrumen urus niaga pelaburan, dana-dana yang patuh syariah dalam pasaran modal. Kalau pasaran modal tidak mempunyai pasaran yang besar yang patuh syariah, maka susahlah untuk syarikat-syarikat besar, organisasi besar seperti PNB umpamanya untuk melabur kerana akhirnya PNB dan juga GLC-GLC lain.

Kalau menjaga kepentingan bumiputera khususnya orang Islam yang mana orang Islam ini bukan hanya dia hendak patuh syariah sahaja, dia juga hendak perolehan patuh juga. Maknanya dia hendak keuntungan, dia tidak henda k- saya rasa dalam Dewan ini, kalau saya buat *survey* hari ini berapa ramai yang patuh syariah kalau tidak ada keuntungan, rugi, saya rasa ramai yang tidak hendak melabur dalam mana-mana dana yang rugi walaupun patuh syariah. Semua hendak sekurang-kurangnya duit yang kita laburkan itu terpelihara daripada segi modal dan bukan dapat modal sahaja tetapi juga dapat keuntungan. Itu sebab orang tanya Tabung Haji itu secara terperinci, sebab itu pun sama juga.

Tabung Haji perlukan- dia hendak laburkan dalam dana-dana yang patuh syariah. Ini berkait dengan dasar negara. Akhirnya bagaimana hendak meluaskan pasaran modal ini dengan instrumen-instrumen, dana-dana yang patuh syariah dan membolehkan organisasi-organisasi dan institusi-institusi melabur mengikut apa yang dikehendaki oleh rakyat terbanyak. Apabila saya kata instrumen yang patuh syariah, sekali lagi saya ingin menegaskan suasana dan realiti Malaysia ini apabila kata patuh syariah ini dia sudah tidak jadi sensitiviti agama. Ia sudah jadi *color blind*.

Maknanya orang bukan Islam pun sebenarnya lebih suka kepada yang patuh syariah. Ini terbukti, saya pernah keluarkan statistik yang mana pasaran perbankan dan takaful, 60 peratus orang pemain, pendeposit-pendeposit ataupun pelabur-pelabur bukan Islam. Itu tiga atau empat tahun lepas. Rasa hari ini lebih lagi kerana pengalaman saya apabila tanya kepada orang bukan Islam, dia pertama sekali mereka hendak keuntungan. Kedua, *capital guarantee*. Maknanya modalnya, nilai pokok mestilah terjamin. Itu pokok yang pertama.

Kedua kalau ada nilai tambah. Apabila kata patuh syariah, sudah pasti pelaburan-pelaburan itu tidak akan pergi kepada aktiviti-aktiviti perniagaan yang tidak bermoral dan tidak berakhlak. Ramai di kalangan pelabur-pelabur yang bukan Islam juga *concern* kepada *ethical investment* dengan izin, ataupun pelaburan yang beretika. Pelaburan yang tidak ada nilai judi, pelaburan yang tidak ada urus niaga yang merosakkan alam sekitar, pelaburan yang tidak boleh terlibat dalam aktiviti *pornography*, pelaburan-pelaburan aktiviti urus niaga yang tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak senonoh dan sebagainya.

■1610

Ini semua elemen etika yang ada *added value*nya ataupun ada nilai tambah dalam pelaburan yang dilaburkan itu. Oleh sebab itulah, bila kata pelaburan patuh syariah, saya rasa hari ini, dana-dana besar hari ini kebanyakannya dimonopoli oleh orang bukan Islam. Kalau Kementerian Kewangan boleh membantu saya memberikan statistik ini, lebih baik. Ini kerana saya yakin Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia ada data-data tersebut dalam konteks ini supaya kita dapat memberikan suatu dimensi baru dalam konteks negara kita, bahawa dalam kerangka negara hendak menjadi negara maju 2020, kita mempunyai sistem kewangan yang bersandarkan prinsip akhlak, moral, nilai etika yang tinggi.

Ini kerana apabila kita bercakap soal patuh syariah itu sendiri, elemen etika, etika nilai, elemen akhlak, elemen moral yang menjadi suatu prinsip ataupun falsafah ataupun suatu nilai sejagat yang bukan sahaja didukung oleh mereka yang menganut ajaran Islam, tetapi juga semua agama lain yang hendak perkara-perkara yang mempunyai nilai-nilai positif.

Jadi saya kira, kalau kita membangunkan pasaran modal sebegini rupa, dengan sendirinya negara kita satu aspek dalam bidang kewangan, kita sudah berjaya mewujudkan sebuah negara maju sepertimana dalam Wawasan 2020, berasaskan acuan sendiri. Apakah yang dimaksudkan dengan acuan sendiri? Mempunyai nilai moral yang tinggi, akhlak yang tinggi, etika yang tinggi.

Jadi, ini antara perkara-perkara yang saya kira penting untuk kita lihat secara holistik dan diberikan pencerahan berkenaan dengan agenda kerajaan dalam konteks membangunkan dan memperkasakan pasaran modal dan perkhidmatan sejajar dengan rang undang-undang yang bakal kita luluskan bersama.

Saya kira itu sahajalah daripada saya buat petang ini. Beberapa perkara yang saya bangkitkan dalam konteks hendak mendapatkan *feedback*, respons balas daripada pihak kementerian, saya dengan ini ingin turut menyokong rang undang-undang pindaan ini. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Dipersilakan.

4.13 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya tidak bercadang untuk berucap panjang macam rakan saya Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki yang boleh memberi *lecture* kepada kita, seolah-olah sudah jadi macam *lecture hall* di sini.

Saya hanya ingin menyentuh fasal 29, yang meminda seksyen 248 daripada Akta Ibu. Dalam fasal 29, pindaan rang undang-undang ini, ia memberikan hak ke atas seseorang bagi mendapatkan semula kehilangan ataupun kerugian daripada kos langganan sekuriti atau apa-apa produk langganan, bon, seperti mana dalam yang dinyatakan dalam seksyen 248, Akta Ibu yang bakal dipinda hendaklah memberikan penekanan yang jelas tentang tanggungjawab dan liabiliti penerbit atau pengarah sesebuah entiti penerbit pasaran modal agar memulangkan semula jumlah langganan berserta dengan faedah yang setara dengan satu nilai yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Melalui penguatkuasaan ini, kita mahukan pihak penerbit bertanggungjawab sepenuhnya untuk memenuhi tuntutan keadilan sepertimana maklumat unjuran keuntungan syarikat penerbit dan faedah atau dividen yang bakal diperolehi tidak memberikan risiko kerugian kepada pelabur atau pelanggan kumpulan pemegang saham minoriti. Justeru itu, saya mohon agar dalam fasal 29 ini, suatu hukuman atau syarat yang lebih tegas dan komprehensif dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan setiap penerbit produk pasaran modal benar-benar bertanggungjawab terhadap modal pelabur dan memastikan kos pelaburan langganan dan faedahnya diberikan wajar yang adil.

Kita tidak mahu pasaran modal Malaysia menjadi dengan secara mudah pelabur atau peniaga besar yang mendapatkan modal awam untuk digunakan bagi menanggung liabiliti semasa syarikat. Daripada akibat kekeliruan dan ketidaknyataan sepenuhnya secara jujur mengenai unjuran perniagaan dan prospek keuntungan serta anggaran risiko perniagaan, yang menjadi mangsa pelabur.

Saya juga ingin mencadangkan agar hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap semua pengarah syarikat, penerbit yang didapati melakukan kesalahan menerbitkan secara keliru dan dengan niat menipu dan eksploitasi terhadap nilai-nilai unjuran perniagaan dan aset syarikat penerbit agar integriti pasaran modal Malaysia lebih bermakna dan mendapat *rating* yang lebih tinggi daripada pelabur luar. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, nampaknya tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak membahaskan rang undang-undang ini. Jadi disebabkan demikian, saya ingin menjemput Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

4.16 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Saya ingin merumuskan bahawa apa yang kita pinda dalam Rang Undang-undang CMSA atau *Capital Market Services Act*, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan ini, pada CMSA sedia ada, akta dahulu, Akta Ibu memperkenalkan rangka kerja baru bagi saluran alternatif penajaan dana kepada perusahaan kecil dan sederhana iaitu *equity crowdfunding* yang dahulu tidak ada, pindaan ini ada. Kemudian mengiktiraf Malaysia sebagai negara mesra penghasilan bersih ataupun *netting arrangement*, Akta Ibu tidak ada tetapi akta pindaan ada. Mengukuhkan kuasa *Securities Commission*, Suruhanjaya Sekuriti bagi pengurusan krisis bagi pasaran dan institusi pasaran modal, dahulu ada tetapi sekarang ini diperbaiki. Kemudian, mengukuhkan perlindungan pelabur dalam dokumen penzahiran, dalam Akta Ibu tidak ada tetapi akta pindaan ini ada. Kemudian, mengukuhkan perlindungan kepada pemegang saham minoriti yang baru disebut sebentar tadi, bahawa dalam Akta Ibu tidak ada tetapi dalam akta pindaan ada. Itulah sebab mengapa kita meminda CMSA (Pindaan) 2015 ini.

Pada masa sekarang, pihak Suruhanjaya Sekuriti tidak membenarkan *derivatives* melalui kaunter ataupun *over the counter (OTC) derivatives* bagi ditawarkan kepada pelabur-pelabur runcit tanpa kelulusan pihak Suruhanjaya Sekuriti. Pada masa ini, transaksi OTC *derivatives* selalunya melibatkan pelabur-pelabur sofistiked yang mempunyai keupayaan untuk menilai risiko. *Securities Commission* juga sedang dalam usaha untuk menubuhkan *repository* dagangan bagi mendapatkan maklumat transaksi OTC ataupun *over the counter derivatives*. Cadangan dalam rang undang-undang ini adalah bagi melengkapkan perlindungan *netting* negara. Ia bukan bagi melonggarkan sebagaimana disebut tadi tetapi adalah untuk mengukuhkan pengawalseliaan. Ia adalah bagi memastikan pihak *Securities Commission* dapat menjalankan fungsinya berkaitan pengurusan risiko sistemik, *systemic risk* tanpa menjejaskan hak perlindungan *netting* sesuatu perjanjian, termasuklah kontrak yang didagangkan di Bursa Malaysia.

Kemudian, mengenai *alternative dispute resolution (ADR)*. ADR sememangnya merupakan satu agenda besar. Ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, agenda besar mana. Memang kita ingin jadikan ia sebagai satu agenda yang besar bagi pasaran modal negara. Untuk makluman, pihak *Securities Commission* telah pun menubuhkan suatu perbadanan bagi menjalankan *alternative dispute resolution* bagi pasaran modal.

■1620

Perbadanan tersebut dipanggil sebagai *Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)* yang telah pun beroperasi sejak tahun 2010. Selain itu, semua risalah penawaran sesuatu produk pasaran juga hendaklah mengatakan bahawa pelabur boleh merujuk kepada SIDREC untuk proses apa-apa *alternative dispute resolution*. Bagi sektor perbankan pula, terdapat *Financial Mediation Bureau* yang menjalankan ADR bagi pihak bank.

Statistik kes-kes ADR, jumlah *claim* dan *inquiries* yang telah diterima oleh SIDREC telah meningkat daripada 21 pada tahun 2011 kepada 363 pada tahun 2014. Ini menunjukkan pelabur-pelabur telah mula memahami dan menggunakan proses *alternative dispute resolution* bagi pasaran modal. Kuasa SC untuk mengambil tindakan kepada *false and misleading statement*, kenyataan yang mengelirukan, ia Akta Ibu CMSA ini juga memperuntukkan penalti yang keras sekiranya terdapat *false and misleading statement*. Sebagai contoh di bawah seksyen 92A, orang yang didapati bersalah memberikan maklumat palsu boleh didenda tidak melebihi RM3 juta, penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Selain daripada itu, di bawah seksyen 369, seorang yang memberi *false statement* kepada *Securities Commission* boleh dihukum dengan hukuman yang sama seperti di bawah seksyen 92A yang disebutkan tadi.

Kemudian tentang produk-produk modal Islam, instrumen pasaran modal Islam dan garis panduan. Sebagai pengawal selia pasaran modal, Suruhanjaya Sekuriti telah menyediakan sebuah rangka kerja yang efektif bagi menentukan kepentingan para pelabur dilindungi.

Kesemua keperluan-keperluan yang terdapat di dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan terpakai kepada produk-produk konvensional dan juga produk-produk Islam. Bagi penerbit-penerbit yang ingin menerbitkan produk-produk Islam, mereka perlu mematuhi garis panduan-garis panduan yang telah ditetapkan oleh *Securities Commission*.

Ini termasuk keperluan berhubung dengan syariah. Di samping itu, di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, terdapat peruntukan berhubung dengan penubuhan Majlis Penasihat Syariah. Mandat Majlis Penasihat Syariah ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa sesuatu produk pasaran modal Islam memenuhi kehendak-kehendak syariah. Ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah ini terdiri daripada ahli-ahli syariah serta pihak industri dan ahli-ahli akademik. Sehubungan dengan itu, sebuah rangka kerja yang komprehensif telah pun diletakkan oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi menentukan produk-produk pasaran modal Islam adalah benar-benar patuh syariah.

Pasaran modal di Malaysia Ahli-ahli Yang Berhormat, berkembang kepada RM2.67 trilion pada tahun 2014, bersamaan dengan 2.6 kali saiz ekonomi Malaysia dan kekal berdaya tahan dalam persekitaran ketidakpastian global. Jumlah ini adalah berdasarkan saiz pasaran bon sebanyak RM1.11 trilion dan permodalan pasaran ekuiti, *equity market capitalization* sebanyak RM1.65 trilion.

Mengenai pasaran modal Islam yang merupakan subjek yang amat digemari oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf, Malaysia mengukuhkan kepimpinan globalnya dalam pasaran modal Islam dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 12 peratus sepanjang lima tahun yang lalu kepada RM1.59 trilion pada tahun 2014 iaitu sebanyak 58 peratus daripada keseluruhan pasaran modal negara. Pada penghujung tahun 2014, 74 peratus buah syarikat tersenarai Malaysia diklasifikasikan sebagai patuh syariah dengan permodalan pasaran melebihi RM1 trilion. Malaysia juga mengekalkan kedudukan sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia iaitu 66 peratus, sudah naik daripada angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator, daripada penerbitan sukuk global. Pada tahun ini, bilangan senarai syarikat tersenarai di Bursa Malaysia tahun 2013 sebanyak 402; tahun 2014 sebanyak 799; dan tahun 2015 sebanyak 798.

Ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator tadi, apakah usaha-usaha yang diambil oleh *Securities Commission* untuk meningkatkan pasaran modal Islam negara. Sekurang-kurangnya ada tiga kaedah yang kita sedang laksanakan. Pertama, menggalakkan wakaf sebagai sebuah kelas aset alternatif. *Securities Commission* menerbitkan sebuah buku bertajuk, "*Wakaf Aset Pembangunan Pentadbiran dan Peranan Pasaran Modal Islam*". Buku ini berfungsi sebagai panduan kepada pihak yang ingin meneroka peluang dalam membangunkan harta wakaf dan menyediakan cadangan mengenai tadbir urus amalan terbaik bagi institusi wakaf yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan ICM, khusus untuk mengumpul dana dan pelaburan.

Kedua, pihak SC telah menerbitkan parameter syariah bagi *Islamic Exchange Traded Fund*, dengan izin, IETF berdasarkan emas dan perak pada bulan Oktober 2014. Parameter ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan daripada perspektif syariah bagi memudahkan perkembangan produk pasaran modal Islam negara. Mengadakan kerjasama bersama pihak Hong Kong melalui inisiatif *Mutual Cooperation on Development of Islamic Capital Markets and Islamic Collective Investment Schemes*, dengan izin, antara pihak SC dan *Securities and Futures Commission of Hong Kong* (SFC) bagi memudahkan penawaran dua buah dana Islam Malaysia kepada pelabur runcit Hong Kong.

Ketiga, usaha-usaha yang dilakukan oleh SC untuk meningkatkan pasaran modal Islam negara iaitu menggalakkan pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab melalui pengenalan sukuk pelaburan mampan dan bertanggungjawab atau dalam bahasa Inggeris, *socially responsible investment* (SRI). Rangka kerja sukuk SRI telah diperkenalkan pada bulan Ogos 2014 untuk memudahkan pembiayaan inisiatif pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab. Oleh sebab prinsip asas SRI adalah sama seperti yang mendasari kewangan Islam, inisiatif sukuk SRI adalah tepat pada masanya kerana ia membawa bersama-sama sektor SRI yang semakin meningkat dan sektor kewangan Islam yang maju di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Khazanah Nasional Berhad telah pun menerbitkan sukuk SRI pertama di dunia pada bulan Jun 2015 yang lalu iaitu pada bulan yang lepas. Kemudian telah disebutkan juga tadi mengenai *equity crowd funding*. Ini ialah satu perkara yang baru untuk negara kita. Saya juga ingin membuat sedikit penjelasan tentang *equity crowd funding* ini. Ia sedang dilaksanakan seperti di negara Amerika Syarikat ada 344 buah platform; *France* - 53 buah platform; Itali - 12 buah platform; *United Kingdom* – 87 buah platform; *Spain* – 27; *Netherlands* – 34; dan *Germany* – 26.

Ini adalah *investing platform* ataupun *investment platform* yang menggunakan *crowd funding* ini. *Brazil* – 17; *Canada* – 34; *Australia* – 12; *South Africa* – 4; *India* – 10; *Rusia* – 4; *Belgium* – 1; Hong Kong, China, *United Emirates*, *Estonia* – 1; dan *Malaysia*, kita menerima 27 permohonan untuk menjalankan *equity crowd funding* di *Malaysia*. Daripada jumlah tersebut, enam permohonan telah diluluskan. Saya ingin memberikan nama-namanya iaitu ALIX Global; kedua, ATA Plus; ketiga, *Crowdonomics*; keempat, *Eureca*; kelima, *Pitchin*; dan yang keenam, *Propeller Crowd*.

Rangka kerja *equity crowdfunding* akan ditetapkan dengan garis panduan SC berkenaan. *Equity crowdfunding* yang memperuntukkan perkara-perkara seperti pengendali platform yang saya sebutkan enam tadi. Platform ini dijangka akan memulakan operasi mereka sebelum berakhirnya tahun 2015. Daripada enam buah pengendali ini, ATA Plus akan menjalankan *equity crowdfunding* syarikat-syarikat yang patuh syariah bagi tujuan pelaburan oleh para pelabur.

Daripada segi kriteria pendaftaran untuk menjadi enam itu, pertama, pengendali platform *equity crowdfunding* hendaklah sebuah syarikat yang ditubuhkan di *Malaysia*. Pengendali haruslah memohon untuk mendaftarkan diri mereka dengan SC. Sebelum didaftarkan, seseorang pengendali hendaklah menunjukkan bahawa pengendali itu mempunyai sumber kepakaran dan kaedah-kaedah *rules* yang mencukupi bagi menjalankan operasi platform itu. Membuat penilaian sebagaimana yang disebut oleh Dato' Dr. Asyraf, tentang *due diligence* terhadap syarikat-syarikat yang berminat untuk disenaraikan di platform supaya tidak berlaku janji manis, risiko penipuan, kerugian berjuta yang disebut, sama ada melalui skim cepat kaya atau melalui *Forex*, atau emas *online* dan sebagainya. Kita perlu ada urus tadbir dan kawal selia yang ketat untuk memastikan pelabur adalah dilindungi. Ini bagi memastikan hanya pengendali yang benar-benar layak dan bersedia dari segala segi dan daftarkan sebagai pengendali platform *equity crowdfunding*.

Jenis-jenis syarikat yang boleh menjana dana melalui *crowdfunding*. Apakah jenis-jenis syarikat yang boleh menjana dana? Pertama, syarikat persendirian, *private company* dengan modal berbayar, *paid-up capital* tidak melebihi RM5 juta dan syarikat hendaklah mempunyai pelan perniagaan yang kukuh dan jelas.

■1630

Kemudian, berapakah jumlah dana yang boleh dijana oleh syarikat-syarikat yang berkaitan seperti SME ataupun Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) ini? SME boleh menjana dana sehingga RM3 juta setahun melalui platform *equity crowd funding* ini. Sejumlah maksimum RM5 juta sepanjang tempoh penglibatannya dalam platform tersebut.

Risiko ditanyakan, apakah risiko-risiko tentang *equity crowd funding*? Antaranya pertama kerugian keseluruhan jumlah wang yang dilaburkan sekiranya projek yang ingin dimajukan daripada dana syarikat pelabur itu gagal. Itu risiko pertama. Kedua, risiko kecairan syarikat, *liquidity risk* bagi pelabur untuk melepaskan pemegang syer mereka dalam SME itu. Kita mengambil kira risiko-risiko *equity crowd funding* seperti yang telah dinyatakan. Para pelabur *equity crowd funding* adalah tertakluk pada konsep *buyers beware* ataupun pembeli mesti berwaspada.

Kemudian, peruntukan-peruntukan perlindungan pelabur yang akan diperkenalkan supaya tidak ditipu seperti mana yang ditanyakan. Pertama, SC akan memantau dan mengawal selia *equity crowd funding* bagi memastikan mereka akan menjalankan fungsi mereka dan mengawasi syarikat tersenarai. Aspek-aspek perlindungan pelabur diperuntukkan bagi pelabur ekuiti melalui:

- (i) memastikan pelabur diberi pendedahan dan maklumat yang mencukupi bagi memahami risiko dan prosedur berkaitan *equity crowd funding*. Mereka hendaklah tahu melalui pendidikan pelaburan, *investor education*. Jangan main masuk sebarang sahaja dan dokumen penzahiran atau *disclosure* dokumen;
- (ii) SC menghadkan jumlah maksimum pelaburan atau *exposure* pelabur runcit iaitu RM5 ribu bagi setiap syarikat, RM50 ribu setahun bagi jumlah keseluruhan yang boleh dilabur dalam *equity crowd funding*;
- (iii) wang para pelabur akan disimpan dalam sebuah akaun amanah, *trust account* dan akan hanya diberikan kepada syarikat berkenaan sekiranya jumlah dana yang telah dikenal pasti dapat dicapai sepenuhnya. Sekiranya jumlah dana tersebut gagal dikumpul, wang para pelabur akan dipulangkan;
- (iv) pelabur akan diberi rehat atau *cooling-off period* selama enam hari bagi membenarkan pelabur untuk menarik balik pelaburan mereka sekiranya mereka ingin berbuat demikian; dan
- (v) kehendak bagi memaklumkan pelabur akan sebarang perubahan material berkaitan syarikat tersebut semasa tempoh penawaran syarikat itu.

Kemudian ditanyakan tentang mengenai langkah-langkah jika menyalah guna wang pelabur, berlaku *fraud*. Penyalahgunaan wang pelabur, *fraud* satu kesalahan di bawah seksyen 179, Akta Pasaran Modal Perkhidmatan yang sekiranya disabit kesalahan boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi 10 tahun dan denda minima RM1 juta. Apakah *exit mechanism* untuk keluar daripada *equity crowd funding* ini? Pertama, pengendali *equity crowd funding* boleh memperuntukkan satu tempoh bagi membenarkan para pelabur *equity crowd funding* untuk menjual syer melalui transaksi pasaran. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada MNA syarikat-syarikat yang terlibat.

Kemudian daripada segi penawaran *equity crowd funding* di negara-negara lain. Malaysia akan menjadi negara ASEAN pertama Ahli-ahli Yang Berhormat, yang akan memperkenalkan rangka kerja ini dan mereka sedang menanti kelulusan mengenai Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 ini. Mereka ingin menjadikan Malaysia sebagai negara contoh mengenai *equity crowd funding* dan sebentar lagi kita akan meluluskan dan mudah-mudahan menjadi teladan kepada negara ASEAN yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa.**]

[Fasal-fasal 1 hingga 49 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PERSARAAN (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.36 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, selamat petang, salam Ramadhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 2 Julai 2014 semasa menimbangkan memorandum daripada Perdana Menteri No. M444/2014, bertajuk "*Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2014*", antara lain telah bersetuju supaya Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) mengambil alih fungsi pembayaran faedah persaraan pembiayaan kos operasi dan belanja mengurus melibatkan pesara perkhidmatan awam persekutuan dan negeri, pihak berkuasa berkanun dan tempatan, hakim dan bekas anggota pentadbiran, Ahli Parlimen serta setiausaha politik kecuali Angkatan Tentera Malaysia.

Fungsi penggubalan dasar dan kelulusan persaraan adalah kekal di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan memberi manfaat kepada negara dalam empat aspek utama iaitu:

- (i) akan meningkatkan tahap kecekapan operasi dan khidmat pelanggan kepada pesara dan bakal pesara melalui pelantikan KWAP sebagai agen kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan perkhidmatan pembayaran pencen, ganjaran atau faedah lain;
- (ii) akan membolehkan Jabatan Perkhidmatan Awam lebih fokus terhadap pemantauan, keberkesanan polisi-polisi saraan sedia ada dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan;
- (iii) Jabatan Perkhidmatan Awam bersama-sama dengan KWAP akan melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan mutu kehidupan pesara-pesara ataupun, dengan izin, *pensioners well being* dari aspek kewangan, kesihatan dan lain-lain; dan
- (iv) membolehkan KWAP melaksanakan aktiviti-aktiviti pelaburan bagi aset kelas yang baru bagi tujuan meningkatkan pulangan pelaburan pada kadar tahap risiko pelaburan yang dibenarkan dan seterusnya akan menyokong pertumbuhan Dana Persaraan KWAP pada jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat rang undang-undang ini adalah untuk mencapai lima objektif berikut:

- (i) membolehkan KWAP dilantik sebagai ejen kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan perkhidmatan pembayaran pencen, ganjaran atau faedah lain;
- (ii) membolehkan KWAP membuat pelaburan melalui pemerolehan atau langganan sekuriti dalam syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham di luar Malaysia;

- (iii) membolehkan KWAP dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membuat pelaburan dalam kelas yang baru seperti berikut:
 - (a) pembangunan hartanah, infrastruktur dan sumber asli;
 - (b) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin sepenuhnya oleh mana-mana kerajaan berdaulat, organisasi supranasional atau multilateral;
 - (c) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin sepenuh oleh Kerajaan Malaysia, dijamin oleh mana-mana kerajaan berdaulat, organisasi supranasional atau multilateral;

■1640

- (d) membeli sekuriti atau melanggan apa-apa produk bagi maksud perlindungan nilai pelaburan KWAP dan bukannya bagi maksud mengambil keuntungan jangka pendek dan dana ekuiti persendirian;
- (iv) mengemaskini Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 dengan memasukkan rujukan kepada undang-undang baru yang berkaitan dengannya; dan
- (v) memasukkan peruntukan baru mengenai pemeliharaan kerahsiaan data dan dokumen yang dikendalikan oleh KWAP.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lapan fasal untuk meminda Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662]. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 662 untuk memasukkan tarif baru 'debentur' dan meminda beberapa takrif yang sedia ada dalam Akta 662.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta 662 untuk membolehkan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan bertindak sebagai ejen Kerajaan Malaysia bagi maksud pembayaran apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis daripada Kumpulan Wang Disatukan. Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan boleh dibayar apa-apa jumlah wang yang jumlahnya boleh ditentukan oleh Kerajaan Malaysia bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya sebagai ejen kepada Kerajaan Malaysia.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda perenggan 6(4)(f) Akta 662 untuk menaikkan kelayakan bakal Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan untuk memasukkan orang yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam pelaburan atau perbankan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda perenggan 7(2)(b) Akta 662 untuk mengeluarkan wakil dari Bank Negara sebagai Ahli Lembaga dan untuk menambahkan bilangan orang yang akan dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 7(2)(e) Akta 662 daripada tiga orang kepada empat orang yang boleh dilantik daripada sektor awam dan swasta dengan syarat mereka ini mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan atau kewangan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseskyen 13(2) Akta 662 untuk memasukkan wang diterima oleh Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya sebagai ejen Kerajaan Malaysia di bawah seksyen 4A Akta 662 untuk dibayar ke dalam atau dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Persaraan.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 14(1) Akta 662 untuk memperjelas dan memperluas skop pelaburan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21A ke dalam Akta 662 untuk mengenakan kewajipan bagi mengekalkan kerahsiaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, rang undang-undang ini akan membolehkan skop pelaburan KWAP diperluas, meningkatkan kecekapan operasi KWAP dan membolehkan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dilantik sebagai ejen Kerajaan Persekutuan bagi memberikan perkhidmatan dalam pembayaran pencen, ganjaran atau faedah lain yang diperuntukkan di bawah undang-undang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

4.44 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Seperti yang mungkin ramai sudah mengetahui, AKWP telah digubal pada tahun 1991 iaitu sebagai Akta 454. Tujuannya ialah untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen kerajaan. Menteri tadi telah menerangkan bagaimana misalnya tugas-tugas yang akan dijalankan oleh badan tersebut. Pada 1 Mac 2007, Kumpulan Wang Pencen ini telah diperbadankan. Sekarang, hari ini kita mendapat akta yang mengandungi pindaan-pindaan yang baru. Ada lapan fasal yang telah dijelaskan tadi yang melibatkan pindaan itu tetapi saya hanya akan membincangkan beberapa sahaja daripada yang lapan itu.

Pertamanya mengenai seksyen baru 4A, iaitu fasal 3. Disebutkan dalam rang undang-undang ini, Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan boleh bertindak sebagai ejen kerajaan. Jadi ada dua lapis sekarang ini. Pertamanya ialah KWAP itu sebagai seolah-olah ejen kepada kerajaan untuk menguruskan hal-hal yang bersabit dengan pencen. Lapisan keduanya pula ialah kemungkinan Kumpulan Wang Persaraan- maaf saya, seksyen 4A iaitu Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan boleh bertindak sebagai ejen kerajaan. Itu sudah jelas. Kumpulan Wang Persaraan boleh dibayar oleh Kerajaan Malaysia bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya.

Jadi sekarang ini saya tidak mempertikaikan sangat pindaan ini tetapi saya ingin hanya mendapat satu penjelasan. Tindakan menyerahkan kepada Kumpulan Wang Persaraan sebagai ejen kerajaan tindakan sebagai *outsourcing*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat tahu sama ada, ada badan-badan atau orang tertentu yang dilibatkan dengan kerja-kerja *outsourcing* ini? Ini saya timbulkan ialah kerana saya bimbang sekiranya berlaku umpamanya salah laku ataupun perkara yang tidak diingini dalam proses *outsourcing* itu. Saya harap dan saya percaya perkara ini tidak berlaku tetapi yang saya hendak ketahui ialah apakah jaminan daripada kerajaan terutama, bahawa ia tidak akan berlaku? Itu yang pertama.

Perkara kedua ialah pindaan seksyen 7(2)(b) dan (e). Pindaan ini melibatkan satu perkara yang agak penting bagi saya iaitu mengeluarkan wakil Bank Negara sebagai Ahli Lembaga. Kalau tidak salah saya, ada empat orang Ahli Lembaga yang dipilih oleh Menteri daripada sektor awam dan swasta seperti yang disebut di sini yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan pelaburan, perbankan ataupun kewangan. Dulu tiga dengan seorang wakil dari Bank Negara. Sekarang wakil dari Bank Negara itu dikeluarkan dan diganti oleh seorang yang dipilih oleh Menteri juga. Bererti sekarang ini dipilih empat orang di bawah Menteri.

Satu kebimbangan yang timbul di sini ialah bahawa wakil yang dipilih oleh Menteri itu mungkin, saya harap tidak berlaku tetapi mungkin boleh menjadi pak turut sahaja kepada Menteri. Saya yakin kalau ini berlaku, maka ia tidak memberikan khidmat yang positif kepada badan tersebut. Ini adalah berkaitan dengan anggapan bahawa wakil dari Bank Negara itu mungkin lebih bebas daripada seorang yang dipilih oleh Menteri itu walaupun ini tidak boleh menjamin sepenuhnya.

■1650

Kita ingin mendapatkan seorang yang boleh bertanggungjawab dan menimbulkan masalah-masalah ataupun menjadi seolah-olah *check and balance* mekanisme dengan izin, dalam Lembaga tersebut. Ini terutama perlu oleh sebab beberapa hal sudah berlaku akhir-akhir ini. Salah satu yang boleh saya sebut ialah bahawa kira DAP baru-baru ini telah berdepan dengan isu memberi pinjaman sebanyak RM4 bilion kepada International SRC Sdn. Bhd. dan kebetulan pula SRC Sdn. Bhd. ini merupakan subsidiari kepada 1MDB.

Jadi, timbul satu anggapan mungkin betul atau tidak bahawa seolah-olah pindaan ini dibuat untuk memastikan bahawa perkara pinjaman yang dibuat secara diam-diam ini akan terbongkar. Ini akan saya sebut lebih panjang lagi dalam fasal yang lain. Berkaitan dengan isu pinjaman RM4 bilion ini, saya ingin mengimbas kembali kepada belanjawan tambahan tahun 2014 yang telah dibentang pada 23 Mac 2013.

Dalam Belanjawan tambahan itu, pihak kementerian telah meminta diluluskan lebih daripada RM1.0 bilion untuk bayaran faedah persaraan iaitu pada maksud T.14 dalam rang undang-undang itu dan sebanyak RM287 juta maksud untuk menampung bantuan khas kepada pesara pada tahun 2014. Ini merujuk kepada Maksud B.7.

Jadi kedua-dua ini, kedua-dua amaun yang diminta ini berjumlah RM2 bilion. Jadi persoalan yang hendak saya timbulkan di sini ialah kenapakah perlu mendapatkan bekalan tambahan sebanyak RM2 bilion, padahal mereka mampu untuk memberikan pinjaman kepada International SRC sebanyak RM4 bilion? Jadi sebut soal seperti ini perlu dikaji, dibahas dan dibincang dalam Lembaga. Untuk mendapatkan ketelusan yang sempurna, maka baiklah jikalau misalnya walaupun seorang ada wakil dari Bank Negara yang saya harap dan percaya tentu akan dapat bersikap lebih neutral dan bebas.

Fasal 3 yang hendak saya bahaskan ialah berkaitan dengan seksyen baru 21A iaitu obligasi kerahsiaan. Seksyen 21A(1)(a) menyebutkan tiada anggota Lembaga Panel Pelaburan jawatankuasa, pegawai dan pekerja Kumpulan Wang Persaraan atau mana-mana orang yang menghadiri apa-apa mesyuarat Lembaga, Panel Pelaburan atau mana-mana jawatankuasanya sama ada dalam atau selepas tempoh jawatan atau pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya semasa melaksanakan tugas-tugas yang tidak disiarkan mengikut akta.

Jadi bukan itu sahaja, bukan sahaja yang menjadi anggota Lembaga yang tidak dibenarkan menzahirkan sesuatu rahsia tetapi yang paling kurang menyenangkan ialah (b) yang menyatakan tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal kumpulan wang persaraan boleh menzahirkan maklumat atau dokumen tersebut.

Jadi ada dua bentuk golongan. Pertama tadi yang anggota, tetapi ini ada orang lain yang tidak menjadi anggota. Mungkin mendapat maklumat tentang apa yang berlaku terutama yang berlaku itu kurang menyenangkan atau bertentangan dengan perkara yang dianggap sebagai baik dan bersih.

Soalan yang timbul di sini ialah kenapakah perlu pada waktu ini diadakan peraturan ini? Khusus sekali bagi (b) tadi iaitu golongan lain, kalau umpamanya tidak dibenarkan seorang lain yang mendapat maklumat tentang hal ini daripada memberikan atau menzahirkan maklumat tersebut, saya menganggap seolah-olah ini adalah bertentangan dengan Akta *Whistleblower* kita yang telah pun kita luluskan di sini. Tujuan *whistleblower* ialah untuk menarik perhatian kerajaan dan masyarakat terutama bila ada berlaku sesuatu yang boleh dipersoalkan. Tujuannya ialah untuk memastikan wujudnya ketelusan atau transparansi dan dapat disekat umpamanya perkara-perkara yang kurang menyenangkan atau kurang baik daripada terus berlaku.

Sekarang ini, kedua-dua sudah disekat. Kita boleh faham jugalah kalau umpamanya sekatan itu ke atas yang pertama tadi. Akan tetapi kalau sekatan juga dikenakan ke atas *whistleblower*, maka ini suatu perkara yang kurang menyenangkan bagi saya. Jadi soalnya ialah mengapakah kita hendak tarik balik atau keluarkan wakil Bank Negara, kemudian kita tak benarkan *whistleblower* dalam suasana sekarang ini di mana begitu banyak perkara telah ditimbulkan. Adakah untuk menyembunyikan sesuatu? Kalau akta ini sekarang dibentuk, dikemukakan atau pindaan ini dikemukakan untuk menyembunyikan perkara-perkara tersebut, maka saya rasa tidak sesuai untuk pindaan tersebut dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap sangat-sangat bahawa dipertimbangkan semula perkara-perkara ini iaitu tentang wakil dari Bank Negara dan juga soal *whistleblower* tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

4.58 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk beri peluang berbahas mengenai Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan 2015. Petang ini saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja iaitu pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua, iaitu fasal 2 iaitu bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 662 untuk memasukkan takrif baru dibentuk dan meminda beberapa takrif yang sedia ada dalam Akta 662.

Saya minta penjelasan, pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai maksud dibentuk dalam fasal 2 ini. Manakala dalam fasal 3, bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta 662 untuk membolehkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bertindak sebagai ejen Kerajaan Malaysia bagi maksud pembayaran apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis daripada Kumpulan Wang Disatukan.

•1700

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) boleh dibayar apa-apa jumlah wang yang jumlahnya boleh ditentukan oleh Kerajaan Malaysia bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya sebagai agen kepada Kerajaan Malaysia. Oleh itu, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri bagi maksud fasal ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua iaitu mengenai fasal 7 iaitu bertujuan meminda subseksyen 14(1), Akta 662 untuk memperjelas dan memperluas skop pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21A ke dalam Akta 662 untuk mengenakan kewajipan bagi mengekalkan kerahsiaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam isu ini bagi fasal 7 dan 8 ini, saya mohon menyokong agar skop pelaburan diteliti dan segala kerahsiaan disimpan kemas oleh individu yang amanah dan berintegriti di kalangan Ahli Lembaga Pengarah sendiri. Kita tidak mahu melihat bahawa tohmahan bahawa Kumpulan Wang Amanah Persaraan mencuba *bailout* 1MDB dengan dakwaan memberi pinjaman dan pembelian tanah di TRX tidak timbul. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, agak pendek ya. Baiklah, minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.02 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada dua-dua Ahli Yang Berhormat yang memberikan pertanyaan. Skop pindaan Akta KWAP ini adalah untuk memperjelaskan skop pelaburan KWAP, memperkenalkan takrif baru dan memperkenalkan kewajipan bagi mengekalkan kerahsiaan KWAP. Ia bagi membolehkan KWAP bertindak sebagai agen kerajaan bagi membayar pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah undang-undang, membolehkan KWAP menerima wang bagi perkhidmatan yang diberikan sebagai agen kepada kerajaan. Kita ingin mengemas kini Akta KWAP dengan memasukkan rujukan kepada undang-undang baru sebagaimana yang saya sebut tadi, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pada saat dan ketika ini, ada 275 orang staf dalam KWAP dan staf akan bertambah lagi 264 orang. Dari mana dapat 264 itu untuk menjadi agen kepada kerajaan bagi menguruskan bayaran pencen ini, ia didapati daripada JPA Bahagian Operasi Pencen yang sekarang ini ada 340 orang staf dan akan dikurangkan, 340 tolak 264 dan 264 itu akan masuk ke dalam KWAP.

Antara soalan-soalan yang telah diberikan tadi ialah kenapa ketika ini diperlukan peruntukan jaga kerahsiaan dalam undang-undang KWAP. Melalui rang undang-undang ini, KWAP akan mengurus data atau maklumat peribadi ratusan ribu orang pesara dan jumlah pesara yang ada dalam negara kita ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat ialah 711,000 orang pesara. Jumlah penjawat awam dalam negara kita ini ialah 1.61 juta orang dan pesara yang 700,000 ini tentunya mempunyai maklumat-maklumat peribadi yang tertentu. Data ini perlu dilindungi kerahsiaannya supaya tidak disalah guna oleh mana-mana pihak yang kurang bertanggungjawab. Inilah keperluan sebenarnya dan tidak ada kaitan dengan undang-undang *whistleblower*.

Kemudian satu lagi ialah mengenai kenapa BNM (Bank Negara Malaysia) tiada dalam panel pelaburan. Tujuannya ialah untuk mengelakkan percanggahan kepentingan kerana KWAP ada membuat pelaburan dalam institusi-institusi di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia. Bank Negara akan fokus kepada mandat di bawah Akta Bank Pusat. Walau bagaimanapun, wakil BNM masih berada dalam Lembaga Pengarah KWAP, cuma tiada dalam panel pelaburan sahaja. Di dalam Lembaga Pengarah yang utama masih ada wakil Bank Negara, tetapi dalam panel pelaburan tidak ada.

Kemudian mengenai terdapat pihak tertentu dalam urusan *outsourcing* pengurusan pembayaran pencen. Sebenarnya sebahagian operasi pengurusan pembayaran pencen di *outsources* kepada KWAP. Sebagaimana saya sebut tadi, jumlah staf iaitu sebuah Badan Berkanun Persekutuan. KWAP ini Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan yang dikawal selia secara langsung oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan. Jadi, tiada pihak lain yang terlibat dalam urusan ini melainkan hanya KWAP.

Tentang tiada apa-apa, tiada orang mempunyai dengan apa-apa cara akses pada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubung dengan hal ehwal Kumpulan Wang Persaraan. Daripada segi kerahsiaan, tiada ahli Lembaga Panel Pelaburan, Jawatankuasa Pegawai dan Pekerja Kumpulan Wang Persaraan atau mana-mana orang menghadiri apa-apa mesyuarat, boleh menzahirkan apa-apa maklumat itu. Saya telah nyatakan bahawa ia diperlukan kerana pegawai-pegawai KWAP akan berurusan dengan maklumat para pesara. Pengendaliannya adalah perlu untuk memastikan segala maklumat yang terdapat menguruskan pengurusan pencen tidak didedahkan kepada masyarakat umum. Segala urusan dalam KWAP harus menjadi rahsia, tidak didedahkan kepada sesiapa. Peruntukan ini sejajar secara intinya dengan peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang juga mempunyai peruntukan kerahsiaan.

Satu lagi ialah maklumat pelaburan KWAP ini adalah *price sensitive* yang mana sebarang pendedahan atau penzahiran kepada yang tiada berkaitan atau kepada umum boleh menyebabkan maklumat tersebut diguna untuk kepentingan atau keuntungan peribadi, boleh membawa kepada pelanggaran undang-undang di bawah akta-akta sedia ada dalam mengawal maklumat berkaitan pelaburan. Kemudian, saya sudah nyatakan tadi di antara atas permintaan Bank Negara Malaysia sendiri sebenarnya, memandangkan Bank Negara pengawal selia undang-undang, merupakan *regulators*, maka mereka memohon supaya dikeluarkan daripada panel pelaburan. Oleh itu, wakil dari Bank Negara dikeluarkan daripada senarai wajib ahli panel pelaburan dan masih lagi ada dalam yang asal.

Satu lagi saya ingin memaklumkan iaitu obligasi kerahsiaan ini bercanggah dengan *Whistleblower Protection Act*. Saya sudah jawab tadi, ia tidak bercanggah kerana penzahiran boleh dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud *proceeding civil* ataupun jenayah.

Mengenai 1MDB, Strategic Resources Corporation Sdn. Bhd. (SRC), ia diberi pinjaman RM4 bilion dan ia adalah *government guarantee*. Pinjaman itu adalah merupakan *government guarantee*. Setakat ini, pinjaman itu dibayar mengikut masa, *on time* dan dia ada terlibat dalam industri *coal* ataupun arang batu di Mongolia dan juga di Indonesia. Jadi, ia tidak menjejaskan apa-apa daripada segi kukuh KWAP dengan pinjaman RM4 bilion itu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aset KWAP ini jumlahnya ialah RM115 bilion, besar asetnya.

Yang Berhormat Senator Lucas Umbul, definisi *debenture*. Tafsiran adalah perlu untuk memastikan sebarang pelaburan di dalam yang bersifat *debenture* adalah termasuk apa-apa sekuriti dan juga apa-apa gadaian ke atas aset dan juga selari dengan akta-akta yang sedia ada. Jadi apa yang kita buat di situ adalah untuk memastikan ia adalah selari terhadap akta-akta lain yang berkaitan.

■1710

Tafsiran *debenture* ini meluaskan tafsiran sekuriti dengan memasukkan aset kelas baru dan meluaskan tafsiran syarikat. Ia membolehkan KWAP dilantik sebagai ejen kerajaan untuk membayar apa-apa pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain yang diberikan di bawah undang-undang dan dibayar oleh kerajaan bagi perkhidmatan yang diberikan oleh KWAP.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang saya kira perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa.**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.]

[**Fasal-fasal 1 hingga 8** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.13 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun untuk membentangkan tiga rang undang-undang petang ini. Saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 atau ringkasnya IKP, Institusi Kewangan Pembangunan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk terus mengukuhkan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan institusi tersebut dalam memberi perkhidmatan kewangan kepada sektor strategik yang dikenal pasti oleh kerajaan. Ini dapat memastikan IKP berada dalam kedudukan yang lebih kukuh bagi menangani cabaran semasa dan masa hadapan di samping memastikan peruntukan rang undang-undang ini selari dengan perubahan semasa.

Sejajar dengan perubahan terkini landskap industri kewangan dalam meningkatkan lagi sumbangan IKP terhadap pertumbuhan ekonomi, menyediakan akses kepada pembiayaan bagi isi rumah dan perniagaan, di samping menepati agenda sistem kewangan yang lebih kukuh, progresif dan inklusif. Berdasarkan perkembangan ini, peruntukan undang-undang memberi fleksibiliti pada Bank Negara Malaysia dalam menentukan keperluan berhemat yang wajar berdasarkan profil risiko IKP yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan akan melibatkan penambahbaikan ke atas perundangan sedia ada melalui pengukuhan dasar semasa, serta memasukkan peruntukan baharu seperti yang berikut:

- (i) rang undang-undang ini akan mengukuhkan secara menyeluruh tadbir urus korporat IKP. Ini dicapai melalui peruntukan yang pertama memberi penekanan terhadap pematuhan kehendak 'layak dan sesuai', *fit and proper* sebelum kelulusan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah dikemukakan kepada Menteri;
- (ii) kriteria 'layak dan sesuai' akan diguna pakai ke atas pegawai kanan dan perlu dipatuhi pada setiap masa; dan
- (iii) memperkukuhkan akauntabiliti lembaga pengarah melalui peruntukan baharu mengenai fungsi lembaga pengarah dan kewajipan pengarah secara individu dalam melindungi kepentingan pendeposit dan pihak-pihak berkepentingan serta memastikan pelaksanaan strategi adalah selaras dengan mandat, keupayaan dan kebolehan IKP tersebut.

Kedua, rang undang-undang ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi IKP dalam melaksanakan mandat yang ditetapkan. Ini adalah dengan:

- (i) memperkukuhkan peruntukan sedia ada di mana IKP dikehendaki untuk mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia bagi pemerolehan kepentingan material di dalam mana-mana entiti bagi memastikan pelaburan tersebut selaras dengan mandat IKP; dan
- (ii) memberi fleksibiliti kepada IKP untuk memberi kemudahan kredit kepada pihak yang berkaitan bagi menyokong sektor-sektor strategik.

Ketiga, rang undang-undang ini turut meliputi pengukuhan pengawasan pengawalseliaan bagi keselamatan dan kekukuhan Institusi Kewangan Pembangunan ini, menghendaki IKP mematuhi piawaian berhemat serta memastikan tadbir urus dalaman selaras dengan standard yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. IKP juga perlu menguruskan aktiviti perniagaan dengan berpandukan pengurusan risiko yang kukuh dan amalan tadbir urus yang berkesan. Contoh IKP ialah:

- (i) Bank Rakyat;
- (ii) Agrobank;
- (iii) Bank Pembangunan;
- (iv) SME Bank;
- (v) Bank Simpanan Nasional (BSN); dan
- (vi) EXIM Bank.

Itu enam IKP untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Seterusnya untuk menambah baik peruntukan berkaitan juruaudit dan akaun bagi meningkatkan ketelusan penyata kewangan IKP, skop kewajipan bagi juruaudit untuk membuat pelaporan ke Bank Negara Malaysia turut diperluaskan bagi memperkukuhkan bidang penyeliaan dan memperluaskan skop pemeriksaan dan penyiasatan termasuk subsidiari IKP, serta memasukkan pencetus awalan, dengan izin, *pre-emptive triggers*, yang membolehkan tindakan awal diambil sebelum daya maju sesebuah IKP terancam.

Keempat, rang undang-undang ini menyediakan rangka kerja yang kukuh bagi memastikan pengawalseliaan yang berkesan bagi melindungi kepentingan dan hak pengguna. Ini dicapai melalui peruntukan rangka kerja yang menyeluruh merangkumi perlindungan ke atas pengguna, perlakuan perniagaan, perlindungan ke atas *privacy* pelanggan serta resolusi serta resolusi pertikaian di antara IKP dan pelanggan dalam memastikan IKP bersikap adil, bertanggungjawab serta profesional semasa berurusan dengan pengguna kewangan.

Kelima, rang undang-undang ini menyediakan rangka kerja perundangan yang komprehensif merangkumi pematuhan dan tadbir urus syariah bagi perniagaan kewangan Islam IKP. Ini dicapai dengan memasukkan peruntukan-peruntukan khusus berkenaan dengan pematuhan syariah bagi IKP yang menjalankan perniagaan kewangan Islam secara keseluruhan atau di samping perniagaan konvensional. Ini merangkumi peruntukan mengenai tadbir urus syariah, penubuhan jawatankuasa syariah dan audit atas pematuhan syariah.

Keenam, rang undang-undang ini memperkenalkan rangka kerja penguatkuasaan dan penalti yang lebih komprehensif ke atas IKP, selari dengan undang-undang kawal selia institusi kewangan yang lain. Oleh yang demikian, akta yang dipinda akan mengandungi peruntukan rangka kerja penguatkuasaan yang merangkumi tindakan pentadbiran, tindakan sivil dan kesalahan jenayah selaras dengan tahap keseriusan kesalahan yang dibuat.

Rang undang-undang ini merangkumi 114 fasal dan tiga Jadual. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan iaitu daripada fasal 2 dan 3 memperuntukkan pindaan-pindaan am.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4 untuk memberi kuasa pada Bank Negara Malaysia bagi penubuhan sebuah Jawatankuasa untuk menjalankan fungsinya di bawah Akta 618.

Fasal 5 dan 6 bertujuan untuk menggantikan seksyen 5 dan memperkenalkan seksyen 5A yang baru untuk menyatakan fungsi dan kewajipan lembaga pengarah dan pengarah sesuatu IKP.

Fasal 7 bertujuan untuk menggantikan seksyen 6, Akta 618 untuk melarang mana-mana IKP daripada melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atau pengarah tanpa keizinan bertulis Menteri terlebih dahulu. IKP hendaklah mendapat pengesahan Bank Negara Malaysia bahawa calon yang dicadangkan telah mematuhi kriteria minimum bagi pelantikan sebelum meminta keizinan bertulis Menteri.

Fasal 8 dan 10 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen 6A dan meminda seksyen 8, Akta 618 untuk menghendaki Pengerusi, Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan sesuatu IKP untuk mematuhi kriteria *fit and proper*, 'layak dan sesuai'.

■1720

Mana-mana pegawai tersebut yang hilang kelayakan di bawah subseksyen 7(1) atau tidak lagi mematuhi mana-mana kriteria 'layak dan sesuai' hendaklah dengan serta-merta berhenti daripada memegang jawatan.

Beberapa fasal yang baru daripada fasal 9 hingga 105 bertujuan untuk memotong dan meminda beberapa subseksyen di bawah Akta 618 untuk mengeluarkan penalti jenayah bagi seksyen-seksyen tersebut kerana peruntukan mengenai tindakan pentadbiran dan tindakan sivil yang boleh diambil ke atas IKP yang melanggar peruntukan akta.

Fasal-fasal ini juga menaikkan liabiliti maksimum, kesalahan sejajar dengan undang-undang bertulis yang lain ke atas institusi kewangan yang lain.

Fasal 24 bertujuan meminda seksyen 26, Akta 618 untuk memberi kuasa pada Bank Negara Malaysia bagi mengarah IKP untuk melupuskan subsidiarinya atau kepentingan materialnya dalam sesuatu entiti.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 29, Akta 618 bagi menggantikan kawalan ke atas kredit kepada orang tunggal dengan izin, *credit to single person* dengan kawalan ke atas pendedahan ke atas pihak balas tunggal dengan izin, *exposure to single counter party*.

Fasal 31 bertujuan untuk menggantikan seksyen 129 dengan suatu Bahagian IIIA baru, Akta 618 berkenaan perniagaan kewangan Islam yang memperuntukkan IKP menjalankan perniagaan atau aktiviti mengikut syariah dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu. Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa suatu IKP hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiya mematuhi syariah dan keputusan Majlis Penasihat Syariah. Bahagian IIIA baru ini menghendaki IKP untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Penasihat Syariah untuk memastikan perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiya berada dalam kepatuhan syariah.

Fasal 32 bertujuan untuk memotong subseksyen 34(3) hingga 34(6), Akta 618 yang membolehkan pengubahsuaian pernyataan niat korporat dengan izin, *statement of corporate intent*. Walau bagaimanapun, IKP hendaklah melaksanakan pernyataan niat korporat yang diluluskan oleh Menteri.

Fasal 33 bertujuan untuk meminda seksyen 35, Akta 618 yang menghendaki IKP untuk mengemukakan ke Bank Negara Malaysia suatu kehendak pendanaan tahunan dengan izin, *annual funding* atau tambahan sebagaimana yang telah diluluskan oleh Menteri.

Fasal 39 bertujuan untuk menggantikan seksyen 41, Akta 618 dengan suatu seksyen 41 yang baru untuk membolehkan penentuan kehendak berhemat seperti tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan pencegahan IKP itu daripada digunakan secara sengaja atau tidak sengaja untuk aktiviti jenayah.

Fasal 41 bertujuan untuk memperkenalkan suatu bahagian yang baru ke dalam Akta 618 bagi penentuan standard untuk memastikan perlakuan perniagaan IKP adalah saksama, bertanggungjawab dan profesional apabila berurusan dengan pengguna kewangan. Bahagian ini juga memperuntukkan peraturan bagi membolehkan penganggotaan IKP dalam skim kewangan ombudsman.

Fasal 50 bertujuan meminda subseksyen 54(1), Akta 618 dengan perluasan bidang kuasa bagi pengambilan tindakan terhadap IKP apabila institusi tersebut melakukan atau hampir melakukan suatu tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan bagi mengekalkan keselamatan dan kekukuhan IKP itu.

Fasal 60 bertujuan untuk meminda subseksyen 71 Akta 618 untuk menghendaki juruaudit melaporkan pada Bank Negara Malaysia sekiranya terdapat apa-apa kelemahan dalam pengawalan dalaman IKP berkaitan dengan proses laporan kewangan.

Fasal 70 dan 71, bertujuan untuk meminda seksyen 82 dan 83, Akta 618 untuk memperluaskan bidang kuasa pemeriksaan ke atas perniagaan dan hal ehwal IKP termasuk subsidiarinya.

Fasal 75 bertujuan untuk memperkenalkan suatu seksyen 86(a) dalam Akta 618 untuk melindungi apa-apa dokumen atau maklumat yang dihasilkan daripada pengawalseliaan ke atas suatu IKP. Sebagai contoh, perkadaran atau penilaian dengan izin, *supervisory rating or assessment*.

Fasal 88 ke fasal 90 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen-seksyen baru untuk memberikan kuasa kepada pegawai penyiasat untuk menghendaki mana-mana orang yang disiasat untuk menyerahkan balik dokumen perjalanannya dan memperuntukkan kebolehpercayaan keterangan dan kebolehterimaan keterangan dengan izin, *agent provocateur*.

Fasal 93 bertujuan untuk memperkenalkan suatu bahagian yang baru ke dalam Akta 618. Bahagian ini memberi kuasa untuk pengambilan tindakan pentadbiran terhadap pelanggaran peruntukan dan sebagainya di bawah Akta 618. Mana-mana orang yang terkilan dengan pengenaan suatu penalti monetari atau arahan untuk remedi pelanggaran boleh membuat rayuan kepada Jawatankuasa Kajian Semula Penalti Monetari. Bahagian VIII B memberikan kuasa untuk memulakan prosiding sivil bagi maksud mendapatkan ganti rugi yang berpunca daripada suatu kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang.

Fasal 95 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen 107A yang baru ke dalam Akta 618 untuk memberikan kuasa kepada Menteri atau Bank Negara Malaysia untuk menerima aku janji bertulis daripada mana-mana orang dan untuk memohon pada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah berkenaan dengan kemungkiran aku janji.

Fasal 99 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 114A hingga 114D ke dalam Akta 618, di antaranya bagi memperuntukkan pendakwaan boleh dimulakan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, perlindungan kepada seseorang yang mendedahkan dengan suci hati suatu kemungkiran atau pelanggaran pada Bank Negara Malaysia dan untuk memberi kuasa ke Bank Negara Malaysia bagi menyiarkan maklumat berhubung dengan tindakan penguatkuasaan dan akibat daripada tindakan sedemikian.

Fasal 102 bertujuan untuk meminda seksyen 119 dengan memperuntukkan bahawa tiada apa-apa dalam Akta 618 yang memberi kuasa pada Bank Negara Malaysia atau Menteri untuk menyiasat secara khusus hal ehwal mana-mana pelanggan individu IKP, selain jika pelanggan itu disiasat bagi menjalankan kuasa di bawah Akta 618 dan undang-undang Bank Negara Malaysia bertulis yang lain. Fasal ini juga melarang pendedahan berhubung dengan hal ehwal atau akaun pelanggan suatu IKP melainkan jika ia dibenarkan dalam senarai Jadual Keempat.

Fasal 105 bertujuan untuk memperkenalkan beberapa seksyen ke dalam Akta 618 termasuklah seksyen baru 123B untuk memperuntukkan bahawa tindakan tidak boleh diambil terhadap mana-mana orang tanpa memberikan suatu peluang munasabah untuk membuat representasi melainkan jika apa-apa kelengahan dalam mengambil tindakan akan memudaratkan kepentingan IKP, pihak-pihak berkepentingan, sistem kewangan atau orang ramai secara amnya.

Fasal 114 bertujuan untuk memperkenalkan tiga jadual yang baru ke dalam Akta 618 untuk menyediakan senarai perlakuan perniagaan dilarang, senarai peruntukan bagi mengenakan suatu penalti monetari dan keadaan di mana penzahiran dokumen dan maklumat pelanggan dibenarkan.

Akhir kata, tinggal tiga minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini akan memperbaharui dan mengukuhkan rangka kerja perundangan IKP sedia ada bagi menyokong agenda transformasi ekonomi Malaysia dengan memudahkan inovasi, pertumbuhan dan sektor kewangan yang lebih berdaya saing. Di samping itu, rang undang-undang ini turut mencerminkan pendekatan semasa di mana rangka pengawalan dan penyeliaan yang lebih bersifat pencegahan awal bagi memastikan kestabilan kewangan.

Pada masa yang sama, rang undang-undang ini bertujuan untuk menyediakan rangka kerja perundangan yang lebih komprehensif bagi mengawal selia Institusi Kewangan Pembangunan yang juga akan meningkatkan tahap pematuhan Malaysia kepada standard antarabangsa bagi penyeliaan perbankan yang efektif yang dikenal pasti di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan. Ia juga akan memelihara kepentingan Malaysia dalam landskap sektor kewangan yang lebih kompetitif melalui peruntukan kriteria yang jelas dan telus bagi membolehkan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) terus melaksanakan mandat bagi menyokong sektor strategik yang telah dikenal pasti dengan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Nampaknya mengikut buku yang ada di hadapan saya sekarang, tidak ada seorang di antara Yang Berhormat yang berminat untuk membahaskan rang undang-undang itu. Ada Yang Berhormat yang hendak berbahas? Ada atau tidak? Saya beri ruang. Kalau tidak ada, maka tiada perbahasan. Maka Yang Berhormat Menteri pun tidak ada isu untuk dijawab.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa.**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 114** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 2 Julai 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.]